

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI SELASA : 27 FEBRUARI 2024

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 1, 9 HINGGA NO. 76)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
PERSIDANGAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI
[BETONG]
TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)**

SOALAN

DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sejauh mana inisiatif Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) telah berjaya mencapai objektifnya untuk menangani kos sara hidup rakyat dan senaraikan jenis-jenis inisiatif tersebut.

**NO SOALAN : 45
DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN
RADIN [KINABATANGAN]
TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)**

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN RADEN [KINABATANGAN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah usaha Kerajaan yang mampu memberi impak dalam membantu meringankan beban masyarakat yang kurang berkemampuan di kala menghadapi peningkatan kos sara hidup masa kini yang kian meruncing selaras dengan kesungguhan Kerajaan Malaysia Madani dalam menoktahkan kemiskinan tegar.

NO SOALAN : 51
DARIPADA : DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA
[SUNGAI BESAR]
TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA [SUNGAI BESAR] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah perancangan strategik Kementerian bagi menangani masalah kenaikan harga barang yang membawa kepada kesan inflasi sehingga mengakibatkan kuasa beli pengguna kian mengecil dan berupaya menjejaskan usaha kearah pemulihan ekonomi negara.

NO SOALAN : 30
DARIPADA : TUAN MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN
[BACHOK]
TARIKH : 4 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN [BACHOK] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah-langkah baharu yang diambil oleh Kerajaan pada tahun 2024 bagi menangani permasalahan kos sara hidup yang terus menjadi keresahan rakyat akibat pertumbuhan pendapatan yang perlahan dan pendapatan boleh guna yang merosot, terutamanya golongan B40 dan M40.

NO SOALAN : 49
DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BAGAN SERAI]
TARIKH : 19 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [BAGAN SERAI] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sejauh mana Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) sudah berjaya menyelesaikan masalah kos sara hidup rakyat yang terus meningkat dan apakah langkah-langkah strategik yang telah diambil dalam menyelesaikan isu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali dengan pertanyaan daripada **YB Kinabatangan** dan **YB Sungai Besar** bertarikh 27 Februari 2024, **YB Bachok** bertarikh 4 Mac 2024 dan **YB Bagan Serai** bertarikh 19 Mac 2024; memandangkan pertanyaan dan isu yang dibangkitkan berkaitan latar perkara yang sama.

Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) merupakan platform nasional dalam merangka dasar, strategi dan pelan tindakan berkaitan agenda kos sara hidup yang digerakkan merentasi kementerian dan agensi serta melibatkan wakil kerajaan-kerajaan negeri, badan bukan kerajaan (NGO) dan industri.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dipertanggungjawabkan sebagai sekretariat kepada Majlis Tertinggi NACCOL yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Jawatankuasa Eksekutif yang dipimpin oleh YAB Timbalan Perdana Menteri I dan Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan yang diselaraskan oleh YB Menteri KPDN sendiri.

Pada masa yang sama, terdapat sebanyak tujuh Jawatankuasa Kerja Kluster di bawah NACCOL yang dipengerusikan tujuh kementerian yang meliputi kluster makanan, perumahan, pendidikan, pengangkutan, utiliti, kesihatan dan pendapatan.

Melalui NACCOL, kerajaan memastikan setiap penggubalan dasar dan program yang dilaksanakan melalui kementerian dan agensi akan memberikan pertimbangan terhadap elemen kos sara hidup. Selain itu, mengambil kira kos sara hidup adalah bergantung kepada faktor permintaan dan penawaran (*demand and supply*) dalam sistem ekonomi pasaran terbuka (*free market economy*), pemantauan juga dilakukan terhadap faktor pasaran dan aktiviti sektor swasta/industri. Ini termasuk kesan pengaruh besar iklim serta ekosistem pasaran global.

NO SOALAN : 1

Selain penggubalan dasar dan program-program utama merentasi pelbagai kementerian, strategi dan pendekatan berbentuk intervensi dan mitigasi juga dilaksanakan dalam menangani pelbagai isu dan kesan berkaitan kos sara hidup termasuk menggalakkan penglibatan pelbagai pemegang taruh.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2024 telah memperuntukkan sebanyak RM58.1 billion untuk tujuan subsidi, insentif dan bantuan yang terkait dengan sara hidup rakyat. Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan melalui peruntukan tersebut tidak termasuk yang telah dan akan dilaksanakan oleh pihak lain seperti badan korporat melalui CSR dan NGO, serta Kerajaan Negeri.

Antara inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Program Jualan Rahmah Madani dan Jualan Agro Madani
- ii. Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA)
- iii. Inisiatif FlySiswa dan Skim Harga Diskaun Tiket Musim Perayaan
- iv. Program MyLesen (B2, PSV, E DAN GDL)
- v. Pas Bulanan Tanpa Had My50 dan
- vi. Skim Perubatan Madani

Senarai inisiatif keseluruhan akan dipaparkan melalui Portal IHSAN MADANI yang akan dilancarkan pada 20 Mac 2024.

Tuan Yang di-Pertua,

Satu lagi strategi penting yang diberikan penekanan ialah penguatkuasaan yang merupakan elemen terpenting dalam memastikan para peniaga tidak menaikkan harga barangan dan perkhidmatan sewenang-wenangnya. Pelbagai OPS dilaksanakan seperti **OPS CATUT, OPS TERJAH, OPS TIRIS, OPS MENU, OPS PASAR dan OPS SAMAR** bagi memastikan bekalan sentiasa stabil dan mengekang elemen pencatutan di pasaran.

NO SOALAN : 1

Pada masa yang sama, Kerajaan akan meningkatkan penguatkuasaan dalam aspek mengekang gejala anti persaingan dalam pasaran. Ini elemen kartel dalam bentuk pakatan harga, pakatan pasaran, pakatan pengeluaran dan tipuan bidaan yang mempengaruhi harga barang dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada rakyat.

Selain strategi dan inisiatif sedia ada, NACCOL mengalu-alukan syor, pandangan dan penglibatan konstruktif semua pihak melalui pendekatan *whole of nation* untuk meningkatkan keberkesanan dalam agenda menangani kos sara hidup yang merupakan fenomena dan cabaran global.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN WONG SHU QI (KLUANG)

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

PUAN WONG SHU QI [KLUANG] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status terkini penyediaan Dasar Industri Pertahanan Negara yang dinyatakan dalam Kertas Putih Pertahanan serta kajian separuh penggal Kertas Putih Pertahanan.

JAWAPAN

**YB DATO' SERI MOHAMED KHALED BIN NORDIN
MENTERI PERTAHANAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara asasnya, seperti yang kita tahu, DIPN adalah inisiatif susulan kepada Kertas Putih Pertahanan (KPP) dan Kementerian Pertahanan sentiasa komited dalam memastikan semua inisiatif KPP dilaksanakan sebaik mungkin mengikut perancangan.
2. Untuk maklumat Yang Berhormat Kluang, draf serta kerangka asas DIPN ini sudah dibangunkan. Walaubagaimanapun pihak Kementerian Pertahanan kini sedang memperhalusi dan memuktamadkan draf akhir tersebut.
3. Ini bagi mengambil kira secara teliti dan mendalam beberapa perkara penting yang mesti diberikan perhatian. Khususnya dalam memastikan DIPN ini relevan dan praktikal.

SOALAN NO : 9

4. Antara perkara yang sedang kita berikan perhatian dalam memuktamadkan draf DIPN ini adalah:

- a. **Pertama**, bagaimana untuk kita mesti memberi perhatian kepada perkembangan pesat serta pengaruh besar pendigitalan, teknologi kepintaran buatan atau AI, serta aspek elektromagnetik pertahanan. Malah, penggunaan teknologi terkini seperti *drones*, *unmanned vehicles* dan sebagainya akan menjadi norma baharu dalam pertahanan. Justeru, aspek-aspek ini bukan sahaja akan memberi kesan kepada pertahanan negara secara langsung, malah akan turut mencorakkan industri pertahanan yang hendak kita bangunkan.
- b. **Kedua**, kementerian sedang melihat bagaimana untuk kita mewujudkan ruang dan peluang penyertaan pelbagai pihak dalam industri pertahanan seperti veteran. Ini bagi memastikan pendekatan *whole of nation*, dengan izin, dapat turut diterjemahkan dalam industri pertahanan negara.
- c. **Ketiga**, kementerian mahu memastikan bagaimana dasar ini kelak akan dapat turut membangunkan secara produktif dan berkesan bakat-bakat serta kandungan tempatan (*local contents*) agar industri pertahanan negara dapat berkembang, mandiri serta mempunyai daya saing yang selayaknya. Khususnya dalam memastikan berlakunya *industrial collaboration program (ICP)* yang benar-benar mengupayakan pemain industri tempatan
- d. **Keempat**, Kementerian sedang membuat pemetaan secara menyeluruh akan kedudukan prestasi semasa pemain-pemain industri pertahanan dalam negara kita, agar dasar ini kelak dapat dilaksanakan dengan baik.
- e. **Kelima**, kita mahu memastikan objektif besar industri pertahanan dalam membangunkan keupayaan kesiagaan pertahanan dan keselamatan negara ini akan dapat disokong oleh pelbagai dasar lain khususnya yang melibatkan perolehan. Malah, kita mahu memastikan yang industri

SOALAN NO : 9

pertahanan negara kita digerakkan dengan cara yang peka kepada perkembangan terkini dalam sektor komersial seperti kemajuan dalam teknologi hijau, penekanan prinsip-prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

5. Kementerian Pertahanan percaya, kesemua aspek dan elemen ini mesti diteliti dan diintegrasikan sebaiknya oleh dasar industri pertahanan negara kita. Oleh itu, Kementerian Pertahanan memerlukan sedikit masa lagi bagi memastikan aspek-aspek ini dikaji dan diperhalusi dengan sebaiknya.

6. Berkenaan dengan Kajian Separuh Penggal Kertas Putih Pertahanan (KSP KPP) pula, seperti yang semua telah sedia maklum, Kertas Putih Pertahanan (KPP) telah diluluskan di Parlimen pada 2 Disember 2019. KPP merupakan dokumen dasar yang menggariskan hala tuju pertahanan Malaysia bagi sepuluh tahun bermula pada tahun 2021 sehingga tahun 2030.

7. KPP telah menetapkan bahawa satu Kajian Separuh Penggal (KSP) perlu dilaksanakan menjelang tahun 2025 bagi menilai pencapaian pelaksanaan KPP sepanjang Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) serta membuat penambahbaikan untuk meneruskan pelaksanaan semasa Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13).

8. Ini bagi mengambil kira pelbagai perkembangan baharu di peringkat tempatan dan antarabangsa sejak KPP diluluskan pada tahun 2019. Ini termasuklah pelbagai perubahan geopolitik seperti pandemik COVID-19, ancaman perubahan iklim dan isu keterjaminan makanan, peperangan Ukraine - Rusia, ketegangan di Selat Taiwan, perjanjian Australia, United Kingdom dan Amerika Syarikat (AUKUS) serta peperangan Palestin-Israel.

9. Malah, cabaran dan ancaman di Laut China Selatan terus-menerus menuntut agar diplomasi pertahanan dan segala kekuatan serta potensi yang ada diperkukuh dengan sebaik-baiknya.

10. Justeru, dengan mengambil kira segala faktor dan situasi tersebut, Kajian Separuh Penggal Kertas Putih Pertahanan (KSP KPP) dilaksanakan bertujuan untuk menilai pencapaian semasa KPP, mengkaji persekitaran strategik semasa serta menambahbaik dasar dan pelaksanaan KPP.

SOALAN NO : 9

11. Untuk itu, satu Program *Kick Off* Kajian Separuh penggal (KSP) Kertas Putih Pertahanan ini telah diadakan pada 13 Februari 2024 yang lalu.

12. Program Kick Off ini telah, antara lain, menggariskan dengan jelas beberapa aspek yang mesti diberikan dalam Kajian Separuh Penggal tersebut.

13. Ini termasuklah untuk membahaskan secara mendalam perkembangan dalam aspek seperti pertahanan siber, keperluan anggota simpanan serta pendekatan-pendekatan yang lebih inovatif dalam memperjuangkan kebajikan pasukan ATM dan veteran.

14. Pada kesempatan ini, saya ingin menyeru semua pihak untuk turut tampil dan memberikan pandangan yang bersesuaian dan boleh mengambil bahagian dalam kajian ini melalui portal yang disediakan di kspkpp.gov.my.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI
(BERSARA) [TANJONG KARANG]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI (BERSARA) [TANJONG KARANG] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan hasil perancangan Kerajaan terkini bagi meluaskan program jaringan jalur lebar atau wi-fi ke kawasan pedalaman di seluruh negara agar ianya dapat dinikmati oleh rakyat mendapatkan kemudahan rangkaian internet.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha menaik taraf pelan jalur lebar di seluruh negara termasuk di kawasan luar bandar dan pedalaman sedang giat diperluaskan secara berperingkat melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA).

Setakat suku keempat tahun 2023, sebanyak 2,338 buah menara baharu daripada 3,884 yang dirancang telah siap dan beroperasi. Sebanyak 39,979 buah stesen pemancar telah siap dinaik taraf daripada 40,214 yang dirancang dan sebanyak 3.31 juta premis telah tersedia dengan rangkaian gentian optik daripada 4.19 juta yang dirancang. Baki kesemua inisiatif yang dirancang dijangka siap dan beroperasi secara berperingkat pada penghujung tahun 2025.

Kerajaan turut melaksanakan kaedah *Point of Presence* (PoP) hab gentian optik bagi meluaskan lagi pelaksanaan jalur lebar ke seluruh

SOALAN NO: 10

negara. Projek ini melibatkan penyediaan infrastruktur gentian optik berhampiran sekolah dan dapat dinikmati oleh premis kediaman, premis industri serta premis perniagaan yang terletak di sekitar sekolah tersebut.

Sehingga 15 Februari 2024, sebanyak 653 PoP daripada 677 PoP bagi Fasa 1 dan 294 PoP daripada 3,693 PoP bagi Fasa 2 telah berjaya disiapkan di seluruh Malaysia. Secara keseluruhannya, 120,644 premis kini telah tersedia dengan sambungan gentian optik untuk dilanggan oleh komuniti setempat di setiap negeri.

Selain itu, Kerajaan turut melaksanakan projek penyediaan perkhidmatan internet menggunakan teknologi satelit [*Broadband Wireless Access (BWA)*] di 839 lokasi di kawasan pedalaman di seluruh negara.

Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) berusaha untuk mempercepatkan pelaksanaan inisiatif Pelan JENDELA. Kerjasama serta komitmen Kerajaan Negeri dan semua pihak berkaitan seperti Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi-agensi melulus adalah penting bagi memastikan kelulusan, pengaplikasian dan penyediaan infrastruktur bagi kesemua inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ONN BIN ABU BAKAR
[BATU PAHAT]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik gerai-gerai haram di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan apakah tindakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menangani gerai-gerai haram ini.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menangani isu penjaja tanpa kebenaran merupakan antara fokus utama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melalui Jabatan Penguatkuasaan. Sehubungan itu, dari semasa ke semasa, DBKL dengan tegas telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan notis kesalahan serta tindakan sitaan ke atas gerai-gerai haram dan aktiviti penjajaan tanpa lesen.

2. Berdasarkan statistik, sepanjang tahun 2023, sebanyak 2,475 Notis Kesalahan di bawah UUK 3(1), Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016 telah dikeluarkan ke atas aktiviti penjajaan tanpa lesen termasuk gerai-gerai haram. Dalam tempoh yang sama, terdapat sebanyak 1,581 tindakan sitaan melibatkan aktiviti penjajaan tanpa lesen oleh warganegara. Manakala aktiviti penjajaan oleh bukan warganegara pula, sebanyak 2,717 kes sitaan telah diambil tindakan.

3. DBKL juga telah menempatkan pegawai dan anggota penguat kuasa di setiap kawasan Parlimen di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi melaksanakan rondaan dan pemantauan secara harian. Selain itu, DBKL dengan agensi sahabat seperti Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia, telah menjalinkan kerjasama bagi melaksanakan operasi secara bersepadu dan berkala.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN
FAKHRURAZI (KUALA KEDAH)**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

**YB DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI [KUALA KEDAH]
minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
menyatakan kerjasama strategik dengan Kementerian Pendidikan Tinggi
bagi membangunkan silibus pengajian berdasarkan Kecerdasan Buatan (AI)
seiring dengan Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan Negara 2021-2025.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerjasama strategik antara Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam menyelaraskan pelan tindakan dan inisiatif berkaitan Kecerdasan Buatan atau AI adalah seperti berikut :-

- a) **Menerajui** Jawatankuasa Kerja Pembangunan Bakat di bawah **National Blockchain and Artificial Intelligence Committee (NBAIC)** di bawah MOSTI selaras dengan **Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan Negara 2021-2025** dan Pelan Hala Tuju Blockchain Negara 2021-2025;
- b) MOSTI juga bekerjasama dalam **Penubuhan Fakulti Kecerdasan Buatan (AI)** di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang turut melibatkan konsortium pakar-pakar bidang AI dari Universiti Awam dan Swasta agar pembangunan program serta kurikulum AI yang dibangunkan adalah menepati keperluan industri seiring dengan Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan Negara 2021-2025.
- c) **MOSTI juga bekerjasama langsung dengan Universiti-universiti Awam (UA) dan swasta dalam menyediakan input mengenai AI** seperti:-
 - i. Pembangunan Garis Panduan *Artificial Intelligence Governance and Ethics* (AIGE) dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) untuk meningkatkan kepercayaan masyarakat melalui pelaksanaan AI yang bertanggungjawab dengan memastikan sistem AI yang dibangunkan dan digunakan mematuhi prinsip etika bagi meminimumkan sebarang risiko atau bahaya yang tidak diingini kepada masyarakat;

SOALAN NO : 12

- ii. Pelaksanaan *United Kingdom – Malaysia Artificial Intelligence Conference* (UK-MY AI) Conference dengan kerjasama daripada pelbagai pihak berkepentingan termasuk universiti awam seperti UTM, UiTM, UPM dan UKM bagi menggalakkan perkongsian ilmu terutamanya dalam bidang AI di samping menyediakan platform dialog terbuka bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan pembangunan tadbir urus, standard dan piawaian AI antarabangsa yang inklusif dan bertanggungjawab; dan
- iii. MOSTI, melalui agensinya MIMOS Berhad, sedang membangunkan sistem prototaip untuk pemungutan buah tandan sawit segar yang telah dituai dan berada di atas tanah secara automatik, berasaskan teknologi penglihatan komputer dan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*, AI). Projek ini adalah hasil kolaborasi dengan pasukan penyelidik dari UPM.

d) **Bagi Pembangunan Silibus** di Institusi Pengajian Tinggi di bawah KPT, MOSTI akan sentiasa memberikan kerjasama penuh dalam penyediaan dan pembangunan silibus berkaitan AI kepada KPT selaras dengan aspirasi MOSTI untuk membangunkan lebih ramai bakat dalam AI melalui Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan Negara 2021-2025.

2. Dalam tempoh terdekat pula, MOSTI akan menawarkan kertas Cadangan (*request-for-proposal*) projek rintis AI dalam bidang pendidikan yang melibatkan pelaksanaan pembangunan modul dan sistem berasaskan AI bagi pihak berkepentingan dalam sektor pendidikan secara rintis pelbagai institusi pendidikan bagi menyokong pembangunan murid selari dengan kandungan kurikulum peringkat kebangsaan.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN]

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

YB DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengatasi isu salah guna premis atau lesen dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan dengan memberikan sewa kepada warga asing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa komited untuk menjalin kerjasama yang konstruktif dan aktif dengan Kementerian lain dalam memudah cara dan menyokong usaha penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terhadap isu penyalahgunaan premis atau lesen perniagaan di kawasan pentadbiran PBT terutamanya yang melibatkan warga asing. Kerjasama bersepadu dengan pendekatan '*whole of government*' bersama-sama agensi penguatkuasa lain seperti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah perlu bagi menangani isu yang semakin berleluasa ini berdasarkan kekangan bidang kuasa PBT yang terhad kepada pemeriksaan lesen premis dan perniagaan sahaja.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat juga, kerajaan negeri turut memainkan peranan dengan memperketatkan syarat permohonan baharu dan pembaharuan lesen perniagaan PBT di negeri masing-masing bagi mengekang monopoli perniagaan oleh warga asing. PBT juga tidak pernah membenarkan mana-mana warga asing untuk memohon/ memiliki lesen penjaja, peniaga kecil, premis perniagaan, kedai runcit, kedai makan, bengkel kereta dan di pasar-pasar, selaras dengan Undang-Undang Kecil (UUK) Penjaja dan UUK Tred, Perniagaan dan Perindustrian.

Di bawah UUK Penjaja, PBT tidak mengiktiraf dan membenarkan warga asing sebagai penjaja dan peniaga kecil. Malah, PBT juga tidak membenarkan penggunaan warga asing sebagai pekerja/ pembantu di bawah lesen penjaja di premis PBT. Ini kerana kadar harga sewaan yang ditetapkan oleh PBT adalah di bawah harga pasaran dan bertujuan untuk memberikan peluang perniagaan kepada rakyat tempatan.

Di bawah UUK Tred, Perniagaan dan Perindustrian pula, pengeluaran lesen perniagaan hanya dikeluarkan untuk warganegara Malaysia sahaja dan membenarkan warga asing diambil bekerja sebagai pekerja/ pembantu dengan syarat memiliki pas kerja/ permit dagang yang

SOALAN NO : 13

sah. PBT tidak akan berkompromi dengan sebarang pelanggaran yang jelas terhadap syarat-syarat lesen yang telah dikeluarkan oleh mana-mana perniagaan dan pemegang lesen dengan mengambil tindakan tegas secara tindakan sitaan, kompaun, penutupan premis dan pembatalan lesen.

PBT juga amat komited melaksanakan operasi penguatkuasaan dengan melakukan tindakan seperti berikut:

- i. pemantauan secara berkala ke atas premis-premis perniagaan dan penjaja di kawasan PBT terutamanya yang menjadi tumpuan warga asing;
- ii. membuat sitaan dan rampasan barangan penjaja warga asing yang didapati menjalankan perniagaan secara haram; dan
- iii. menjalankan operasi bersepadu bersama agensi seperti JIM dan PDRM memandangkan sebarang tindakan penahanan warga asing atau Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) adalah di bawah bidang kuasa dan pengurusan jabatan tersebut.

PBT telah melaksanakan sebanyak **1,836 operasi penguatkuasaan terhadap premis perniagaan yang melibatkan warga asing bagi tahun 2022 sehingga 15 Februari 2024**. Sehingga kini, sebanyak **26,108 lesen peniaga telah dibatalkan** atas sebab pelanggaran syarat-syarat lesen/premis yang dibuat oleh PBT. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **384 lesen peniaga tempatan telah dibatalkan atas sebab menyewakan lesen kepada warga asing**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah peranan terkini yang dimainkan oleh Malaysia dalam membantu rakyat Palestin yang masih menjadi mangsa kekejaman zionis Israel.

JAWAPAN

**YB DATO' SERI UTAMA HAJI MOHAMAD BIN HAJI HASAN
MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Kuala Krai** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sepertimana yang telah dijelaskan kepada Dewan yang mulia ini, Malaysia kekal dengan pendekatan berprinsip iaitu menyokong pengembalian hak mutlak bebas kepada rakyat Palestin daripada pendudukan haram Israel, pengembalian hak tanah yang telah dirampas dan hak pembentukan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat berdasarkan garis sempadan pra-1967, dengan Baitul Maqdis Timur sebagai ibu negara dan diterima sebagai anggota penuh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

3. Pendirian Malaysia ini bukan sahaja bermula pada 7 Oktober 2023 tetapi ia bertitik tolak kepada perjuangan Palestin yang ditindas oleh rejim Israel sejak 75 tahun yang lalu. Malaysia akan terus lantang dalam menyuarakan enam tuntutan utama iaitu:

- i. Gencatan senjata serta-merta dan bantuan kemanusiaan segera;
- ii. Menghentikan aktiviti penempatan oleh Israel dan tindakan keganasan penduduk haram (atau dengan izin, *settler*);
- iii. Menghentikan serta-merta pemindahan orang awam Palestin secara paksa;
- iv. Siasatan ke atas semua pelanggaran undang-undang antarabangsa melalui institusi perundangan antarabangsa;
- v. Menyokong Inisiatif Keamanan Arab dan rundingan Penyelesaian Dua Negara berdasarkan garis sempadan pra-1967; dan
- vi. Memerangi peningkatan global dalam Islamofobia.

4. Jelas terlihat bahawa Malaysia sentiasa konsisten dalam tindakan memperjuangkan hak-hak asasi Palestin termasuk mengeluarkan kenyataan dalam mesyuarat-mesyuarat dua hala dan pelbagai hala seperti di PBB, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dan mana-mana platform dua hala dan pelbagai hala (atau dengan izin, *multilateral*) bagi memperjuangkan isu Palestin.

5. Baru-baru ini, Kementerian Luar Negeri (KLN) yang diketuai oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri bersama-sama dengan Ahli Parlimen Ledang, Sik, Kalabakan dan Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Md. Ramli telah menjejakkan kaki di bumi Rafah bagi memperlihatkan kepada dunia sokongan Malaysia kepada Palestin dan menzahirkan komitmen berterusan negara dalam menghulurkan bantuan kemanusiaan berterusan tanpa henti kepada Palestin.

Tuan Yang di-Pertua,

Peranan Malaysia Dalam Memperjuangkan Hak Rakyat Palestin di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (*International Court of Justice – ICJ*)

6. Malaysia juga dengan lantang menggesa masyarakat antarabangsa untuk mengheret Israel ke muka pengadilan atas kekejaman dan tindakan tidak berperikemanusiaan tentera Israel ke atas rakyat Palestin terutama sekali wanita dan kanak-kanak. Atas prinsip ini, Malaysia memberikan sokongan penuh kepada usaha Afrika Selatan untuk mengheret Israel ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 29 Disember 2023, berhubung pencabulan Israel terhadap kewajipannya di bawah Konvensyen Genosid 1948.

7. Gesaan Malaysia untuk membawa Israel ke muka pengadilan disuarakan di platform-platform antarabangsa terutama sekali di Sidang Kemuncak Tergempar OIC di Riyadh (11 November 2023); Majlis Hak Asasi Manusia di Geneva (12 Disember 2023); Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (*Non-Aligned Movement – NAM*) Ke-19 di Kampala, Uganda (19 -20 Januari 2024); *Third South Summit* di Kampala, Uganda (21-22 Januari 2024); Majlis Keselamatan PBB di New

SOALAN NO.: 14

York (23 Januari 2024); dan Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN-Kesatuan Eropah Ke-24 dan Forum Menteri Indo-Pasifik Kesatuan Eropah Ke-3 di Brussels (2 Februari 2024).

8. Selain itu, Malaysia juga terlibat aktif dalam prosiding bagi mendapatkan Pendapat Nasihat ICJ berkaitan Kesan Perundangan yang timbul daripada Dasar dan Amalan Israel di Wilayah Pendudukan Palestin, termasuk Baitul Maqdis Timur. Prosiding bagi mendapatkan Pendapat Nasihat ICJ ini adalah terhasil daripada Resolusi 77/247 Perhimpunan Agung PBB yang telah diterima pakai pada 30 Disember 2022, dan ditaja bersama oleh Malaysia.

9. Malaysia telah mengambil bahagian dalam prosiding Pendapat Nasihat ini dengan mengemukakan Kenyataan Bertulis yang telah diserahkan kepada Pendaftar ICJ pada 25 Julai 2023 yang lalu. Antara perkara yang dinyatakan dalam Kenyataan Bertulis Malaysia adalah hujahan berkaitan dasar dan tindakan Israel, termasuklah Pendudukan (*occupation*) berterusan, aktiviti penempatan (*settlement*) dan pengilhakan (*annexation*) di dalam Wilayah Pendudukan Palestin, yang melanggar hak rakyat Palestin untuk penentuan nasib sendiri (*self-determination*). Kenyataan tersebut juga menegaskan bahawa tindakan Pendudukan Israel di Wilayah Pendudukan Palestin adalah haram dan bertentangan dengan undang-undang antarabangsa.

10. Susulan daripada itu, Malaysia juga telah menyertai sesi Pendengaran Awam yang berlangsung dari 19 hingga 26 Februari 2024 di Peace Palace, The Hague. Menteri Luar Negeri, YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, telah membentangkan Kenyataan Lisan Malaysia di Sesi Pendengaran Awam tersebut pada 22 Februari 2024. Kenyataan Lisan tersebut merupakan kesinambungan daripada hujahan yang telah dikemukakan dalam Kenyataan Bertulis Malaysia.

11. Kenyataan Lisan Malaysia, antara lain, menekankan bahawa setiap dasar dan tindakan Israel, termasuklah pembinaan tembok di Wilayah Pendudukan Palestin, pembinaan penempatan, pemusnahan tempat tinggal, pemindahan semula secara paksa dan kawalan ke atas sumber alam, telah melanggar hak penentuan nasib sendiri rakyat Palestin di bawah undang-undang antarabangsa.

12. Selain itu, Malaysia menegaskan bahawa Pendudukan Israel tersebut adalah haram dan menggesa Israel untuk serta-merta menghentikan segala polisi dan tindakan mereka yang melanggar undang-undang antarabangsa, serta menarik diri dari Wilayah Pendudukan Palestin, termasuk Baitul Maqdis Timur.

13. Malaysia turut menggesa semua negara untuk bekerjasama dalam menoktahkan pelanggaran undang-undang berterusan oleh Israel dan menekankan kewajipan PBB untuk terus melaksanakan tanggungjawabnya terhadap isu Palestin.

14. Penyertaan dalam prosiding bagi mendapatkan Pendapat Nasihat ICJ ini adalah penting bagi Malaysia untuk berganding bahu bersama-sama negara sepemikiran dalam mempertahankan hak kemanusiaan Palestin, di samping memperjuangkan supaya Palestin mendapat Negara yang merdeka dan berdaulat, berdasarkan sempadan pra-1967, dengan Baitul Maqdis Timur sebagai ibu negara Palestin.

Usaha Malaysia membantu Negara Palestin menjadi Anggota Penuh PBB

15. Malaysia sejak sekian lama telah menyokong penubuhan Negara Palestin yang bebas dan merdeka, serta menyokong hasrat Palestin untuk menjadi Negara Anggota PBB. Baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri semasa menyampaikan Kenyataan Negara di Majlis Keselamatan PBB mengenai Situasi di Timur Tengah termasuk Isu Palestin, pada 23 Januari 2024, telah menggesa Majlis Keselamatan PBB untuk menerima Palestin sebagai Negara Anggota Penuh PBB.

16. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah secara konsisten menyampaikan pendirian Malaysia yang jelas ini di setiap pertemuan dua hala dengan pemimpin-pemimpin dunia lain, dan menekankan kepentingan bagi negara-negara kuasa besar untuk memberikan kepimpinan politik serta moral dalam mencari jalan penyelesaian kepada konflik Palestin.

SOALAN NO.: 14

17. Pada 17 Januari 2024, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan Kempen Kiriman Poskad Khas kepada Setiausaha Agung PBB sebagai tanda simbolik solidariti rakyat Malaysia bagi menyuarakan aspirasi rakyat Malaysia menuntut keadilan dan keamanan di Palestin. Lanjutan itu, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri juga telah menyerahkan koleksi poskad yang ditandatangani oleh barisan Jemaah Menteri kepada Setiausaha Agung PBB, TYT António Guterres, yang menggesa Palestin diterima sebagai Negara Anggota Penuh PBB.

18. Malaysia percaya penerimaan Palestin sebagai anggota penuh akan membantu mencapai solusi jangka panjang, dan mewujudkan sebuah Negara Palestin yang aman, bebas dan merdeka, berdasarkan persempadanan pra-1967, dengan Baitul Maqdis Timur sebagai Ibu Negara.

Agensi Bantuan dan Kerja untuk Pelarian Palestin di Asia Barat (*United Nations Relief and Works Agency for Palestine Refugees in the Near East* (UNRWA))

19. Malaysia menyokong penuh usaha-usaha yang dilakukan oleh Agensi Bantuan dan Kerja untuk Pelarian Palestin di Asia Barat (atau dengan izin, *United Nations Relief and Works Agency for Palestine Refugees in the Near East* - UNRWA). Malaysia merupakan antara negara penyumbang kepada UNRWA sejak tahun 1978.

20. Dalam hal ini, Malaysia berasa amat kesal dengan tindakan beberapa negara yang menggantung pembiayaan kepada UNRWA, ekoran tuduhan rejim Israel bahawa sebilangan kakitangan UNRWA yang dikatakan bersubahat dengan Hamas dan terlibat dengan insiden 7 Oktober 2023.

21. Malaysia berasa sangsi dengan niat rejim Israel memandangkan tuduhan ini dibuat sebaik sahaja ICJ mengarahkan Israel untuk mengambil langkah segera (atau dengan izin, *provisional measures*) bagi menghentikan sebarang serangan berbentuk genosid ke atas Gaza pada 26 Januari 2024.

SOALAN NO.: 14

22. Tindakan penggantungan pembiayaan kepada UNRWA tanpa siasatan menyeluruh akan hanya memburukkan lagi bencana kemanusiaan yang sedang dihadapi oleh rakyat Palestin di Gaza.

23. Sehubungan dengan itu, Malaysia mengalu-alukan tindakan segera Setiausaha Agung PBB untuk memulakan siasatan dalaman melalui *United Nations Office of Internal Oversight Services* (OIOS). Laporan pertama OIOS dijangka akan dikeluarkan pada akhir bulan Februari 2024. Malaysia menggesa negara-negara yang telah menggantung pembiayaan kepada UNRWA untuk meneruskan semula pembiayaan mereka sebagai tanggungjawab moral ke atas rakyat Palestin di Gaza.

Peranan yang dimainkan oleh Malaysia sebagai Anggota Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHRC) dalam isu genosid di Gaza dan pengukuhan dasar solidariti Palestin

24. Malaysia terus memberikan sokongan padu dan berterusan kepada Mekanisme-mekanisme di bawah Majlis Hak Asasi Manusia (MHAM) seperti Suruhanjaya Siasatan (atau dengan izin, *Commission of Inquiry*) yang mempunyai mandat khusus untuk mengheret Israel ke muka pengadilan antarabangsa. Malah, Malaysia merupakan antara Negara yang lantang menyokong penubuhan Suruhanjaya Siasatan tersebut, dan memastikan PBB memperuntukkan sumber kewangan dan tenaga kerja yang mencukupi bagi memastikan Suruhanjaya tersebut dapat melaksanakan mandatnya dengan berkesan.

25. Selain itu, Malaysia sentiasa menggesa Pesuruhjaya Tinggi bagi Hak Asasi Manusia untuk merekod segala penindasan dan pencabulan hak asasi rakyat Palestin oleh Israel, untuk tindakan Undang-undang Antarabangsa.

26. Malaysia juga meneraju Resolusi-resolusi di Majlis Hak Asasi Manusia berkaitan Palestin bersama-sama Negara-negara ahli OIC. Resolusi-resolusi tersebut ialah *Human rights situation in the Occupied Palestinian Territory, including East Jerusalem, and the obligation to ensure accountability and justice; Right of the Palestinian people to self-determination; dan Israeli settlements in the Occupied Palestinian Territory, including East Jerusalem, and in the occupied Syrian Golan.*

27. Malaysia bersama-sama dengan Koordinator OIC akan melobi Negara-negara Anggota Majlis Hak Asasi Manusia memperakukan Resolusi-resolusi tersebut melalui undian.

28. Malaysia memastikan Resolusi-resolusi tersebut terus menekankan hak mutlak bebas kepada rakyat Palestin daripada pendudukan haram Israel, pengembalian hak tanah yang telah dirampas dan hak pembentukan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat berdasarkan garis sempadan pra-1967, dengan Baitul Maqdis Timur sebagai Ibu Negara. Resolusi-resolusi tersebut juga menggesa masyarakat antarabangsa berusaha untuk mengheret Israel ke muka pengadilan antarabangsa.

29. Malaysia juga telah menyertai usaha Palestin untuk mengadakan, dengan izin, *Conference of High Contracting Parties of the Fourth Geneva Convention* bagi membolehkan tindakan undang-undang tegas diambil ke atas Israel yang melanggar peruntukan-peruntukan di bawah Konvensyen tersebut. Setakat ini, 68 buah Negara telah memberikan sokongan untuk mengadakan Persidangan ini. Dalam usaha membantu Palestin, Malaysia secara aktif melobi Negara-negara yang masih belum memberikan sokongan kepada pengajutan Persidangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Bantuan Kemanusiaan untuk Rakyat Palestin

30. Malaysia sentiasa komited dalam menyampaikan bantuan kemanusiaan bagi membantu rakyat Palestin. Ingin ditekankan bahawa sumbangan dan bantuan daripada Malaysia ini disalurkan dengan pelbagai cara dan berjaya dilaksanakan dengan keprihatinan rakyat Malaysia yang menyalurkan sumbangan melalui Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin (AAKRP). Sejak tahun 2002, Wisma Putra mengendalikan AAKRP yang ditubuhkan di bawah subseksyen 9(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

31. Sejumlah 100 tan bantuan kemanusiaan dihantar ke Gaza dengan penerbangan kargo pada bulan November dan Disember 2023 melalui pintu lintasan Rafah-Gaza. Barangan yang dihantar merangkumi ubat-

SOALAN NO.: 14

ubatan, peralatan perubatan, makanan, keperluan bayi dan wanita serta bekalan musim sejuk (selimut, khemah dan pakaian). Proses kemasukan barangan ini dipermudahkan di atas kerjasama baik antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Mesir serta kerjasama erat Malaysia menerusi Ops Ihsan dan Persatuan Bulan Sabit Merah Mesir (ERC) selaku Agensi Pelaksana Tunggal bagi menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada penduduk Gaza. Ops Ihsan adalah kolaborasi unik merentasi agensi Kerajaan bersama gabungan lebih kurang 50 Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang digerakkan susulan konflik Palestin-Israel yang tercetus sejak 7 Oktober 2023. Kolaborasi ini dibuat bagi mengatur gerak kerja antara KLN dengan beberapa NGO tempatan, sebagai inisiatif bersama dalam memastikan gerak atur proses bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin di Gaza menjadi lebih tersusun dan efektif di bawah seliaan KLN. Ops Ihsan ini diterajui oleh KLN dan dianggotai oleh NGO-NGO seperti *Malaysian Humanitarian Relief (MAHAR)*, Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM), *RED A*, *BeVital*, *Global Peace Mission (GPM)* dan lain-lain.

32. Selain itu, Malaysia turut memberikan sumbangan dana kepada organ-organ PBB dan lain-lain agensi bagi kelangsungan hidup rakyat Palestin yang terdesak. Jawatankuasa AAKRP telah menimbang dan meluluskan 13 aktiviti melibatkan dana sebanyak **RM43,004,443.10**. Ia melibatkan kaedah dan pendekatan penyaluran dana berikut:

- 32.1. Pertubuhan Antarabangsa/Serantau seperti *The United Nations Relief and Works Agency for Palestine Refugees in the Near East (UNRWA)* dan *Office for the Coordination of Humanitarian Affairs (OCHA)*;
- 32.2. Kementerian/Agensi Kerajaan bagi kemudahan pembiayaan dan elaun sara hidup untuk pelajar-pelajar Palestin di Malaysia;
- 32.3. Kedutaan Besar Malaysia dan Unit Hal Ehwal Palestin (UHEP) di Amman, Jordan;
- 32.4. NGO tempatan di bawah Ops Ihsan dengan penumpuan awal kepada projek kesinambungan hidup;

SOALAN NO.: 14

- 32.5. Badan-Badan Bukan Kerajaan atau Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) di Jordan, Mesir dan Palestin; dan
- 32.6. Kementerian Awqaf dan Hal Ehwal Islam Jordan bagi penyelenggaraan tahunan Masjid Al-Aqsa.

33. Sumbangan dana ini dilihat memberi impak yang besar terutamanya dalam bantuan kelangsungan dan kelestarian hidup kepada rakyat Palestin tidak kira di mana keberadaan mereka. Sokongan berterusan ini termasuk projek pembangunan semula pasca konflik. Projek ini akan dijalankan secara kolektif dan usahasama oleh Badan-Badan Bukan Kerajaan Malaysia dengan beberapa rakan penaja setelah konflik ini reda.

Tuan Yang di-Pertua,

34. Selaras dengan dasar luar negeri kita di mana perjuangan Palestin merupakan salah satu teras utama, Malaysia sentiasa memberi sokongan padu kepada Kerajaan Palestin dan rakyatnya dalam apa jua keadaan. Sokongan tidak berbelah bahagi Malaysia amat jelas dapat dilihat meliputi semua aspek baik dari segi politik, ekonomi dan penyaluran bantuan kemanusiaan, kewangan, mahupun pembangunan kapasiti, termasuk pembangunan semula infrastruktur.

35. Kementerian akan terus menyampaikan pendirian lantang dan tegas negara di hadapan pemimpin-pemimpin dunia.

36. Dengan ini, Kementerian Luar Negeri ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas perhatian **Yang Berhormat Kuala Krai** agar Kementerian ini terus memperjuangkan hak rakyat Palestin dalam membantu mencari penyelesaian terbaik terhadap konflik antara Palestin dan Israel.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan rancangan Kementerian untuk memajukan ekonomi digital serta menerapkan teknologi 5G termasuk sekuriti siber ke dalam sektor pentadbiran Kerajaan, pasaran swasta dan masyarakat secara amnya secepat mungkin serta kos yang terbabit. Adakah MCMC diletakkan di bawah Kementerian Digital agar memudahcara pelaksanaan semua aspek digital negara

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penstrukturan semula pentadbiran Kerajaan Perpaduan yang telah dilaksanakan pada tahun lalu, menyaksikan kewujudan beberapa kementerian baharu. Perubahan ini turut melahirkan Kementerian Digital seiring dengan hasrat Kerajaan dalam memajukan ekonomi digital berteraskan tiga tonggak utama, iaitu kerajaan digital, ekonomi digital dan masyarakat digital.
2. Walaupun baru ditubuhkan, Kementerian akan meneruskan usaha-usaha memajukan ekonomi digital melalui program-program dan inisiatif sedia ada yang sedang dan akan dilaksanakan melalui agensi-agensi di bawah kementerian seperti Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), MyDigital Corporation (MyDigital), Digital Nasional Berhad (DNB), CyberSecurity Malaysia (CSM), MYNIC Berhad, Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) selain Jabatan Digital Negara (JDN) yang dahulunya dikenali sebagai MAMPU.
3. Pihak Kementerian juga akan mengumumkan hala tuju jabatan dan agensi di bawah Kementerian Digital berdasarkan visi dan misi yang telah ditetapkan dalam masa terdekat selain membangunkan teras strategik yang bersesuaian, pemangkin nilai, dan seterusnya merangka program serta inisiatif yang bersesuaian bagi mencapai outcome strategik yang telah ditetapkan bagi memenuhi aspirasi pembangunan negara digital termasuk usaha untuk menarik syarikat, bakat dan pelaburan ke Malaysia di samping membolehkan syarikat-syarikat tempatan serta rakyat memainkan peranan utama dalam revolusi serta ekonomi digital negara.
4. Seajar dengan Pelan Tindakan Ekonomi Digital Malaysia, Kementerian dan agensi-agensinya sedang mempergiatkan usaha untuk memacu penerimgunaan digital dan transformasi digital melalui program berimpak tinggi seperti Program Mangkin Malaysia Digital (PeMangkinMD) merentasi pelbagai sektor industri seperti Perdagangan Digital, Pelancongan, Pertanian dan Pembuatan, dengan memanfaatkan teknologi terkini antaranya kecerdasan buatan (AI), blockchain, cloud, 5G

dan teknologi media kreatif seperti Web3. Antara program dan inisiatif PeMangkinMD yang sedang dilaksanakan adalah seperti DE Rantau, e-Invoicing di bawah Digital Trade dan MD AgTech.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam aspek penyerapan teknologi 5G, kementerian melalui agensinya DNB telah mengadakan program kolaborasi dengan pelbagai pihak. Dalam sektor awam, DNB bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan seperti Perbadanan Putrajaya dan Majlis Perbandaran Labuan dalam memperkenalkan solusi 5G untuk penggunaan bandar pintar dan keselamatan awam.

6. Bagi sektor swasta pula, DNB bekerjasama dengan Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) melalui penganjuran beberapa siri webinar dalam memperkenalkan penggunaan solusi 5G. Kolaborasi menerusi program 5G Digital Services Advocacy ini akan diteruskan lagi bagi meningkatkan penerimgunaan 5G bagi sektor perkilangan.

7. Selain itu, DNB turut bekerjasama dengan pelbagai kementerian dan agensi kerajaan yang lain seperti berikut:

- i. Pertama, kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi menerusi program My5G Ericsson Pioneer Programme. Program pembelajaran dalam talian merangkumi perkara-perkara berkaitan digital literacy ini mensasarkan penyertaan seramai 100,000 peserta, dan setakat penghujung 2023, lebih daripada 12,000 peserta telah menyertai program ini;
- ii. Kedua, DNB turut berkerjasama dengan Kementerian Kesihatan dalam memperkenalkan solusi 5G dalam sektor kesihatan, dengan kerjasama hospital-hospital di Malaysia seperti Hospital Putrajaya dan KPJ Hospital. Kerjasama ini bertujuan untuk merevolusikan penjagaan kesihatan melalui kes penggunaan 5G; dan
- iii. Ketiga, kerjasama dengan pihak Kementerian Sains dan Teknologi menerusi MRANTI dalam pelaksanaan National Technology and Innovation Sandbox (NTIS) dan 5G Living

SOALAN NO : 15

Lab bagi menyediakan platform untuk syarikat menjalankan ujian prototaip dan pembangunan teknologi baru.

8. Kerajaan juga amat menyedari bahawa keselamatan siber merupakan aspek yang paling kritikal dalam menjayakan pelan tindakan ekonomi digital. Menerusi RMK-12, sebanyak RM49.13 juta telah diperuntukkan kepada CyberSecurity Malaysia pada tahun 2024 bagi membina keupayaan teknikal, melaksanakan penyelidikan, membangunkan inisiatif serta program keselamatan siber yang bersifat pre-emptif, proaktif dan responsif demi mengukuhkan ekosistem keselamatan siber negara selari dengan era 5G.

9. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan pewartaan Perintah Menteri-Menteri Kerajaan (Pindaan) (N0.2) 2024, MCMC masih terletak di bawah kawal selia Kementerian Komunikasi. Walaubagaimanapun, Kementerian Digital akan sentiasa bekerjasama erat dengan pihak MCMC bagi memastikan program pendigitalan negara dapat dilaksanakan dengan teratur dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAMZAH BIN
ZAINUDIN [LARUT]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN [LARUT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan perundangan selain RCI yang sedang dan bakal diambil Kerajaan bagi mendapatkan semula hak ke atas Pulau Batu Puteh dan menjamin kedaulatan Malaysia ke atas Tubir Selatan.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, tiada tindakan perundangan yang sedang diambil oleh Kerajaan bagi mendapatkan semula hak ke atas Pulau Batu Puteh. Walau bagaimanapun, Kerajaan Malaysia sedang merundingkan pembatasan maritim perairan Batu Puteh dengan Kerajaan Singapura melalui mekanisme rundingan dipercepatkan dalam tempoh 12 bulan (*12-month expedited negotiation*) yang diarahkan oleh YAB Perdana Menteri di bawah platform Mesyuarat Jawatankuasa Utama *Malaysia-Singapore Joint Technical Committee (MSJTC) and Committee for Boundary Delimitation Established Pursuant to the Agreement between the Foreign Ministers of Malaysia and Singapore on 14 March 2019 (CBD)* dan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil MSJTC dan CBD.

Dalam hal ini, kedua-dua pihak iaitu Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Singapura telah bersetuju bahawa kandungan rundingan termasuklah keputusan dan nota rundingan adalah bertaraf rahsia (*confidential*) dan tidak boleh didedahkan kepada pihak lain tanpa persetujuan bertulis pihak-pihak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN
[SRI GADING]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN [SRI GADING] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah proses pelaksanaan semula projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura (KL-Singapura) akan dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Selaras dengan keputusan kerajaan untuk melaksanakan projek *High Speed Rail* (HSR) secara *Private Fund Investment* (PFI) dan tanpa suntikan dana dari pihak Kerajaan, pihak syarikat MyHSR Corporation Sdn Bhd (MyHSR Corp) telah diberi tanggungjawab untuk menjalankan proses Permintaan Maklumat (*Request for Information* – RFI).

2. Tujuan RFI ini adalah untuk mendapatkan Cadangan Konsep (*Concept Proposal*) daripada pemain industri sektor swasta tempatan dan luar negara yang memiliki kepakaran dan sumber yang diperlukan untuk pembangunan HSR antara Malaysia dan Singapura (KL-SG HSR) melalui struktur pembiayaan swasta. RFI ni akan membolehkan Kerajaan menilai kesediaan dan keupayaan pemain industri, di samping mengumpul idea-idea berkaitan model-model perniagaan yang inovatif dan penjanaan sumber pendapatan bagi struktur pembiayaan swasta.

3. Pada masa ini, pihak MyHSR Corp sedang melaksanakan penilaian terhadap tujuh (7) Cadangan Konsep yang telah diterima daripada firma/konsortium (tempatan dan antarabangsa). Penilaian ini dijangka mengambil masa selama 2 bulan dan hasil penilaian akan diangkat untuk kelulusan Kerajaan bagi menyenarai pendek konsortium-konsortium untuk proses seterusnya iaitu *Request for Proposal* (RFP).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
PERSIDANGAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]
TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)**

SOALAN

TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan perancangan terperinci Kementerian ekoran ketetapan bahawa tiada larangan atau sekatan dikenakan kepada warga asing membeli minyak masak paket bersubsidi di kedai-kedai runcit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara umumnya, barang bersubsidi adalah untuk keperluan penduduk Malaysia. Keseluruhannya Kerajaan amat prihatin terhadap ketirisan, termasuk penggunaan oleh warga asing. Pada ketika ini mekanisme sedang dibangunkan untuk menyasarkan minyak masak bersubsidi kepada mereka yang layak membeli diperingkat runcit.

Ketika ini Kementerian telah melalui Arahan Pengawal Bekalan Berhubung Kawalan Penjualan Minyak Masak Bungkus Polibeg 1 Kilogram bertarikh 21 Julai 2022, had pembelian minyak masak paket bersubsidi telah ditetapkan kepada maksimum tiga (3) paket untuk setiap pelanggan. Langkah ini bertujuan untuk memastikan bekalan minyak masak paket bersubsidi mencukupi untuk kegunaan isi rumah. Tindakan kawalan ini diambil untuk memberi peluang lebih banyak pengguna untuk mendapatkan bekalan minyak masak polibeg 1kg.

Ketika ini selari dengan perkembangan teknologi, Kementerian sedang membuat pelbagai inisiatif untuk memastikan barangan bersubsidi

sampai kepada mereka yang layak sesuai dengan dasar negara. Kementerian pada masa yang sama sedang menentukan mekanisme terbaik untuk mengawal jualan minyak masak paket bersubsidi di peringkat runcit agar lebih berkesan. Antara pendekatan yang sedang diambil ialah dengan membangunkan aplikasi mudah alih untuk mengawal jualan minyak masak paket bersubsidi kepada pengguna. Aplikasi mudah alih ini akan membolehkan kawalan yang lebih ketat terhadap jualan dan pembelian minyak di peringkat peruncitan, dengan kriteria-kriteria tertentu yang ditetapkan untuk memastikan minyak masak bersubsidi sampai ke golongan sasaran.

Selain itu, Kementerian juga sedang meneliti semula rantai pengedaran di peringkat pemborongan dan peruncitan untuk memastikan bekalan minyak masak paket bersubsidi diedarkan secara efisien dan meluas kepada semua peruncit, sejajar dengan keperluan penduduk di kawasan setempat.

Selain langkah-langkah yang telah disebutkan sebelum ini, kementerian juga akan mengambil langkah kawalan tambahan seperti 'zoning' untuk memastikan pengedaran minyak masak paket bersubsidi, terutamanya oleh syarikat pembungkus dan pemborong, lebih tertumpu kepada keperluan kawasan setempat. Dengan penggunaan 'zoning', pengedaran minyak masak dapat diperincikan mengikut kawasan geografi atau keperluan pasaran yang spesifik, memastikan bekalan minyak masak paket bersubsidi disalurkan dengan lebih efisien dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan statistik, dipecahkan mengikut penyiasatan, pertuduhan dan sabitan, di bawah Sekysen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia bagi tempoh Januari 2023 hingga Disember 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dari 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 155 aduan telah diterima dan disiasat oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) berhubung kesalahan yang diperuntukkan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]. Daripada keseluruhan kes yang disiasat, sebanyak 36 kes (23%) adalah membabitkan kandungan lucah, 66 kes (43%) membabitkan kandungan palsu, 47 kes (30%) membabitkan kandungan jelik, tiga kes (2%) membabitkan kandungan mengancam dan tiga kes (2%) membabitkan kandungan sumbang.

Status bagi keseluruhan 155 aduan yang disiasat oleh MCMC di bawah Seksyen 233 Akta 588 adalah seperti berikut:

- (i) tiga kes telah didakwa di mahkamah di mana dua kes telah selesai dan dijatuhkan hukuman denda dengan nilai keseluruhan berjumlah RM5,000 manakala satu kes lagi sedang dalam proses perbicaraan;
- (ii) tiga kes iaitu telah ditawarkan kompaun dengan nilai keseluruhan berjumlah RM75,000;
- (iii) lapan kes telah dikeluarkan Notis Amaran;
- (iv) 33 kes masih dalam siasatan; dan
- (v) 108 kes berstatus Tiada Tindakan Lanjut [*No Further Action (NFA)*] dan/atau Tiada Kesalahan Dizahirkan [*No Offense Disclosed (NOD)*].

Kes-kes yang diklasifikasikan sebagai NFA/NOD adalah disebabkan tiada bukti yang kukuh untuk mengaitkan suspek dengan kesalahan yang disiasat di bawah Seksyen 233 Akta 588. Untuk makluman, statistik yang dinyatakan ini merupakan tindakan yang diambil oleh MCMC sahaja, tidak termasuk tindakan yang diambil oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH
[LANGKAWI]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH [LANGKAWI] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk mencegah kegiatan tonto dan dalam masa yang sama memperkasa keselamatan penguatkuasa JPJ daripada ancaman dan bahaya semasa menjalankan tugas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab masih beroperasi dengan mengganggu-gugat dan menghalang anggota Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) ketika menjalankan tugas penguatkuasaan di lapangan. Dalam hal ini, JPJ sentiasa bekerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan membuat operasi khas bagi membanteras kegiatan tonto berdasarkan maklumat risikan yang dilaksanakan oleh JPJ sendiri. Pasukan Penguatkuasaan JPJ di lapangan juga turut dibekalkan dengan senjata api sebagai pertahanan dan langkah keselamatan sekiranya terdapat sebarang gangguan atau ancaman yang boleh menggugat keselamatan mereka.

2. Dalam masa yang sama, Kementerian Pengangkutan juga akan meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] bagi mewujudkan punca kuasa perundangan khusus bagi membanteras kegiatan tonto dengan menjadikan satu kesalahan kepada mana-mana orang yang mengganggu-gugat (tonto) anggota JPJ dalam melaksanakan fungsi dan aktiviti penguatkuasaan di bawah Akta 333.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LO SU FUI [TAWAU]

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN LO SU FUI [TAWAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pembukaan pejabat Jabatan Bantuan Guaman di Tawau bagi menampung keperluan 1 juta orang penduduk meliputi kawasan Kalabakan, Semporna dan Lahad Datu untuk mendapatkan bantuan dan nasihat guaman tanpa perlu ke Kota Kinabalu yang hampir sejauh 500km serta terpaksa menanggung kos ribuan ringgit.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan MADANI sentiasa komited dalam memastikan semua rakyat yang memerlukan khidmat bantuan guaman mendapat akses yang terbaik melalui 22 cawangan Jabatan Bantuan Guaman (“JBG”) di Malaysia. JBG telah merancang untuk menubuhkan 3 cawangan baharu di Sandakan dan Tawau, Sabah serta di Sri Aman, Sarawak. Kertas Cadangan bagi mendapatkan ulasan berkenaan pembukaan 3 cawangan ini telah disediakan dan masih dalam proses mendapatkan ulasan dan kelulusan agensi-agensi berkaitan (Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia). Setelah semua Kertas Cadangan berserta ulasan diterima, pihak JBG akan memanjangkan kertas tersebut ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk sesi libat seterusnya.

2. Namun begitu, sementara menunggu kelulusan bagi perkara tersebut, JBG telah mengambil inisiatif yang lebih ke hadapan dengan menyediakan bantuan guaman yang lebih dekat dengan rakyat iaitu dengan cara turun padang ke tempat mereka yang tinggal di kawasan luar bandar dan kawasan pedalaman dengan kaedah pelaksanaan program klinik guaman dan kesedaran masyarakat. Pada masa ini, JBG telah mengorak langkah ke hadapan dengan menyediakan van bergerak yang dinamakan *Justice on Wheels* yang mana ia digunakan sebagai klinik guaman bergerak bagi memberikan perkhidmatan nasihat guaman kepada rakyat di kawasan pedalaman termasuk di kawasan Tawau, Semporna, Kalabakan dan Lahad Datu. Program ini telah dilancarkan baru-baru ini di Kota Kinabalu, Sabah iaitu pada 25 Januari 2024. Program ini secara tidak langsung memudahkan rakyat di kawasan pedalaman mendapat khidmat nasihat guaman tanpa perlu ke Pejabat JBG yang berada jauh di kawasan bandar dan seterusnya menjimatkan masa dan kos rakyat.

3. Kerajaan juga menyedari akan kekangan sumber manusia di JBG yang boleh bergerak dengan kerap ke kawasan pedalaman seperti di Tawau, Kalabakan, Semporna dan Lahad Datu. Sehubungan dengan itu, JBG telah meluaskan dan meningkatkan penugasan peguam panel untuk memberikan khidmat bantuan guaman kepada rakyat di kawasan-kawasan tersebut. Peningkatan pelantikan Peguam Panel ini sekaligus dapat membantu pengendalian kes litigasi yang melibatkan isu kepakaran dan jarak tempat tinggal anak guam dengan pejabat JBG yang terletak di Kota Kinabalu dengan penugasan kes oleh peguam panel JBG yang beroperasi di kawasan tersebut.

4. Selanjutnya, bagi memudahkan penyelesaian kes melalui persidangan pengantaraan, JBG telah mengorak langkah ke hadapan dengan menyediakan perkhidmatan pengantaraan secara atas talian dan ia adalah merupakan satu anjakan paradigma dalam memperkasakan perkhidmatan pengantaraan. Perkhidmatan pengantaraan secara dalam talian ini membantu dan memudahkan masyarakat termasuk di Tawau, Kalabakan, Semporna dan Lahad Datu menyelesaikan pertikaian pihak-pihak tanpa perlu pergi ke Pejabat JBG di Kota Kinabalu. Ia secara langsung dapat mengurangkan kos yang tinggi terutamanya bagi perjalanan dan pengangkutan pihak-pihak yang bertikai. Rakyat juga tidak perlu risau akan kerahsiaan komunikasi yang dibuat semasa sidang pengantaraan kerana ia adalah sulit walaupun ia dijalankan secara dalam talian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA
[POKOK SENA]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA [POKOK SENA] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan usaha bagi mengetatkan syarat permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL) sebagai langkah membendung kemasukan artis berlatar belakangkan ideologi LGBT ke dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi melalui Agensi Permohonan Penggambaran Filem Asing dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL) merupakan pusat setempat yang berperanan sebagai urus setia Jawatankuasa PUSPAL untuk menyelaras dan memproses permohonan kemasukan artis dan kru luar negara. Keanggotaan Jawatankuasa PUSPAL terdiri daripada 16 kementerian/jabatan/agensi Kerajaan termasuklah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Peranan JAKIM dalam Jawatankuasa PUSPAL adalah untuk memberi pandangan dan nasihat dari aspek sensitiviti agama dan umat Islam di Malaysia.

Semakan latar belakang artis luar negara dilaksanakan bagi setiap permohonan persembahan yang akan diadakan di tempat-tempat awam seperti acara konsert dan nyanyian oleh setiap anggota PUSPAL mengikut bidang kuasa masing-masing. Sebarang dapatan yang menyentuh isu sensitif seperti dasar negara, keselamatan, keagamaan, perkauman dan kebudayaan serta memudaratkan kepentingan awam akan dibincangkan secara menyeluruh di Mesyuarat JK-PUSPAL sebelum sesuatu keputusan dibuat.

Selain itu, penambahbaikan Garis Panduan PUSPAL (GPP) sedang dalam peringkat akhir pindaan dengan turut mengambil kira pengurusan isu-isu semasa seperti *LGBTQ*, *3R (Race, Religion, Royalty)* dan lain-lain yang seumpamanya. Dengan penambahbaikan GPP ini diharapkan, kawalan ke atas elemen-elemen negatif yang dinyatakan dapat dipertingkatkan dan seterusnya dapat dinoktahkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status kemajuan bagi inisiatif-inisiatif yang telah digariskan di bawah Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 dan apakah pendirian Kerajaan terhadap inisiatif-inisiatif yang masih belum dilaksanakan.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2023, iaitu tarikh akhir pelaksanaan *National Anti-Corruption Plan (NACP)*, ia telah mencapai pencapaian sebanyak 76% iaitu penyelesaian 84 daripada 111 keseluruhan inisiatif yang bermula pada tahun 2019 telah berjaya dilaksanakan. Inisiatif yang berstatus selesai ini bermaksud penyelesaian di peringkat pengeluaran output iaitu pembaharuan atau perubahan di dalam sesuatu dasar dan perundangan yang dikeluarkan oleh agensi-agensi yang terlibat. Ini bermakna, terdapat 27 inisiatif lagi yang tidak dapat diselesaikan sehingga tamat tempoh NACP iaitu Disember 2023.

2. Mandat bagi pembangunan Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional atau *National Anti-Corruption Strategy (NACS)* telah diperolehi melalui keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) Siri 17 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 6 Julai 2023. Keputusan Kerajaan untuk meneruskan agenda antirasuah melalui NACS ini adalah selari dengan keperluan instrumen di peringkat antarabangsa sebagai suatu kesinambungan kepada NACP tersebut.

3. Kesemua 27 inisiatif tersebut akan dicadangkan untuk diterapkan semula ke dalam NACS bagi maksud pelaksanaannya yang kebanyakannya telah bermula namun tidak dapat diselesaikan mengikut jangka masa yang diberikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. ABDUL GHANI BIN AHMAD
[JERLUN]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

**DR. ABDUL GHANI BIN AHMAD [JERLUN] minta PERDANA
MENTERI menyatakan pendirian Kerajaan berkenaan pindaan
Perlembagaan untuk memansuhkan pencen penjawat awam.**

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Buat masa ini, skim pencen sedia ada bagi pegawai yang sedang berkhidmat dan pesara masih berterusan. Memandangkan implikasi kewangan yang semakin meningkat setiap tahun, Kerajaan mengambil keputusan untuk mengkaji sistem saraan baharu bagi mengoptimumkan pengambilan dan pengisian jawatan dalam perkhidmatan awam. Kajian ini tidak boleh ditangguh lagi memandangkan pada tahun 2023, jumlah perbelanjaan pencen adalah sebanyak RM32.01 bilion dan dijangka akan mencecah sebanyak RM46.36 bilion pada tahun 2030. Unjuran purata kenaikan jumlah bayaran pencen adalah hampir RM2 bilion setahun.
2. Sehubungan itu, bagi memastikan Kerajaan dapat menguruskan perbelanjaan kewangan negara dengan lebih mampan, kaedah baharu lantikan tetap sedang diteliti dan hasil kajian dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan kelulusan.
3. Dalam hal ini, keperluan pindaan kepada kesemua peruntukan undang-undang yang berkaitan bagi tujuan kaedah baharu lantikan tetap penjawat awam sedang diperhalusi sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI]

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan untuk mempertimbangkan keperluan Balai Bomba Lutong (Kuala Baram) untuk mengisi kekosongan jawatan dan dibekalkan lebih banyak peralatan bomba seperti jentera Fire Rescue Vehicle (FRV) yang baru dan peralatan lain yang diperlukan demi memantapkan perkhidmatan bomba di kawasan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa komited dalam memperkasakan penyampaian perkhidmatan kebombaian bagi memastikan aspek keselamatan dan kesejahteraan rakyat terus terjamin. Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sentiasa mencari alternatif atau kaedah terbaik bagi memastikan pengoperasian dan kesiapsiagaan JBPM tidak terjejas dengan isu-isu tersebut. Kementerian sentiasa memantau dan memastikan pengisian perjawatan di semua balai dan JBPM negeri berada pada tahap yang optimum. Sehingga 1 Februari 2024, pengisian perjawatan bomba di semua JBPM negeri adalah mencapai 90%.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat selanjutnya, perjawatan bagi skim Bomba (pelbagai pangkat) di negeri Sarawak pada masa kini adalah sebanyak **1,335 perjawatan** dengan **pengisian** mencapai **1,198 orang (89.7%)**. Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Lutong merupakan Balai Bomba **Kategori D** yang mula beroperasi pada **tahun 2022** dengan jumlah perjawatan penuh adalah **seramai 28 orang** merangkumi **13 orang Pegawai Bomba Sepenuh Masa (PSM)** dan di bantu oleh **Pegawai Bomba Bantuan (PBB) seramai 15 orang**. Pada masa kini, pengisian perjawatan di BBP Lutong adalah seramai **22 orang (10 PSM dan 12 PBB)**.

Bagi mengisi kekosongan perjawatan sedia ada, JBPM sedang melaksanakan proses pengambilan bagi gred lantikan iaitu Pegawai Bomba Gred KB19, Penolong Penguasa Bomba Gred KB29 dan Penguasa Bomba Gred KB41 di seluruh negara bermula 16 Januari 2024. Calon yang lulus temuduga akan ditawarkan lantikan dan dijangka

melapor diri mulai bulan April 2024 bagi mengikuti Kursus Kebombaan. JBPM akan menerima anggota baharu seramai **209 orang** Pegawai Bomba Gred KB19, **29 orang** Penolong Penguasa Bomba Gred KB29 dan **38 orang** Penguasa Bomba Gred KB41 yang dijangka akan dapat menampung kekurangan serta kekosongan keanggotaan di seluruh negara termasuklah di BBP Lutong.

Bagi perolehan *Fire Rescue Vehicle* (FRV) pula, Kementerian melalui JBPM sentiasa memberi perhatian terhadap keperluan menaik taraf logistik dan aset balai bomba di seluruh negara. Pada masa ini, Kementerian sedang dalam proses penerimaan bagi perolehan sebanyak **150 buah Compact Fire Rescue Tender (CFRT)**. Jentera yang bersaiz kompak ini akan ditempatkan secara strategik di balai bomba seluruh negara secara berfasa mulai tahun 2024 dan dijangka selesai sepenuhnya pada tahun 2028. Selain itu, Kementerian melalui JBPM telah melaksanakan perolehan peralatan pemadaman dan penyelamatan melibatkan **80 unit pam angkut** serta **50 unit Hydraulic Rescue Tools** bagi mempertingkatkan efisiensi pengoperasian JBPM di lapangan. Walau bagaimanapun, penetapan pengagihan jentera dan peralatan ini adalah berdasarkan keutamaan serta keperluan semasa balai bomba mengikut kesesuaian lokaliti.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sebab-sebab permintaan spesifikasi dari segi sasaran, persenjataan dan penderiaan untuk Littoral Mission Ship (LMS) kumpulan kedua berkali ganda besar daripada LMS kumpulan pertama.

JAWAPAN

YB DATO' SERI MOHAMED KHALED BIN NORDIN
MENTERI PERTAHANAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perolehan *Littoral Mission Ship Batch 2* (LMSB2) dikategorikan sebagai **Perolehan Kritikal** dan merupakan keutamaan tertinggi Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Oleh itu, kapal LMSB2 mempunyai spesifikasi dan keupayaan yang lebih tinggi berbanding LMS kumpulan pertama disebabkan beberapa faktor.
2. Faktor utama adalah peningkatan berterusan ancaman semasa, terutama terhadap kepentingan strategik maritim negara di Sabah dan Sarawak. Sejak 8 tahun yang lalu, berlaku peningkatan ketara kehadiran kapal perang asing berikutan insiden eksplorasi di perairan Sarawak. Kapal-kapal Pengawal Pantai China (CCG) berterusan menceroboh perairan Zon Maritim Malaysia (ZMM), manakala jumlah kapal TLDM yang ditugaskan adalah tidak seimbang dengan jumlah pencerobohan tersebut.

SOALAN NO: 26

Perkara ini menjejaskan keupayaan TLDM mempertahankan kedaulatan negara sewaktu operasi maritim dilaksanakan.

3. Faktor seterusnya adalah keperluan mengimbangi keupayaan aset kombatan sedia ada. Armada TLDM terbahagi kepada dua Wilayah iaitu Armada Barat iaitu Semenanjung Malaysia dan Armada Timur merangkumi Sabah dan Sarawak. Aset yang berada di Armada Barat terdiri daripada kapal kombatan, kapal ronda, kapal sokongan logistik serta helikopter, manakala Armada Timur terdiri daripada kapal ronda, kapal auxiliari, kapal selam dan helikopter. Daripada jumlah keseluruhan aset TLDM, kapal berkeupayaan kombatan hanya berada di Armada Barat sahaja. Kapal-kapal di Armada Timur hanya terhad kepada keupayaan rondaan tanpa mempunyai kemampuan peperangan tiga dimensi iaitu Anti Permukaan, Anti Udara dan Anti Kapal Selam.

4. LMS *Batch 1* yang kini ditempatkan di Armada Timur adalah bersaiz kecil dan berkeupayaan sebagai Kapal Ronda sahaja (tiada berkeupayaan kombatan), serta kurang sesuai beroperasi di *open sea*. Justeru, perolehan LMSB2 berkeupayaan kombatan adalah suatu keperluan yang kritikal bagi merapatkan jurang keupayaan kapal TLDM dan memperkukuhkan keupayaan cegah rintang Armada TLDM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan mengapa masih gagal membendung gejala klip TikTok yang bersifat fitnah, memainkan sentimen perkauman dan ekstremis yang menggugat keharmonian kaum dan agama serta tindakan ke atas anasir-anasir jahat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi sentiasa komited dalam melaksanakan pelbagai usaha menangani penyalahgunaan media sosial. Beberapa sesi libat urus telah diadakan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bersama penyedia platform *TikTok* bagi mendapatkan komitmen dan kerjasama untuk memantau dan mengawal penyebaran kandungan-kandungan yang bersifat fitnah, memainkan sentimen perkauman dan ekstremis yang menggugat keharmonian kaum dan agama.

Selain itu, tindakan-tindakan penguatkuasaan juga telah diambil bagi mengawal dan mengekang penularan kandungan melalui media sosial terutamanya *TikTok* berpaksikan peruntukan undang-undang sedia ada serta berdasarkan aduan daripada masyarakat awam dan pihak yang terkesan tanpa adanya unsur berat sebelah.

Dari 1 Januari 2023 sehingga 15 Februari 2024, MCMC dengan kerjasama pihak platform media sosial telah menurunkan sejumlah 8,071 kandungan di platform *TikTok* yang melanggar piawaian komuniti yang ditetapkan oleh pihak penyedia platform serta telah melakukan kesalahan di bawah peruntukan undang-undang sedia ada.

Kementerian Komunikasi akan terus memastikan tindakan sewajarnya diambil terhadap mana-mana individu atau pihak sekiranya didapati melakukan kesalahan di bawah undang-undang tanpa mengira latar belakang individu mahupun ideologi politik. Selagi pengguna mematuhi etika dan peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan, tiada tindakan akan dikenakan ke atas sebarang akaun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI [SUNGAI PETANI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen Kerajaan untuk menggubal Akta Parlimen Berpenggal Tetap dan apakah garis masa pelaksanaan akta ini.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Malaysia mempunyai penetapan tempoh Parlimen, iaitu lima (5) tahun seperti mana yang diperuntukan di bawah Perkara 55(3) Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, Perdana Menteri mempunyai budi bicara untuk meminta YDPA untuk memperkenankan pembubaran Parlimen sebelum penamatan tempoh lima (5) tahun, pada bila-bila masa untuk apa-apa alasan, sekiranya juga dipersetujui oleh YDPA.

2. Terdapat banyak negara yang mengamalkan parlimen berpenggal tetap dengan garis masa yang dipersetujui untuk pilihan raya demi menjamin kestabilan politik dan ekonomi serta untuk menghalang sebarang cubaan rampasan kuasa yang memudaratkan sistem demokrasi berparlimen negara. Parlimen berpenggal tetap juga boleh memastikan segala agenda reformasi dan polisi dapat dilaksanakan secara berterusan tanpa gangguan.

3. Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) masih dalam peringkat kajian terperinci (*in-depth study*) termasuk kajian impak (*impact study*) yang juga akan mengambil kira pandangan dan hasil sesi libat urus dengan pihak berkepentingan dan orang awam berkenaan pengenalan Akta Parlimen Berpenggal Tetap, di mana pendapatan kajian yang menyeluruh ini akan digunapakai bagi pertimbangan dasar oleh Jemaah Menteri kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI
SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

**DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN [MASJID
TANAH]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini Pelan
Anti Rasuah Nasional. Apakah strategi yang dirangka untuk
memastikan NACs (*National Anti Corruption Strategy*) berjaya dan
bagaimanakah pihak Kerajaan memastikan komitmen pelaksanaannya
oleh sektor awam.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2023, iaitu tarikh akhir pelaksanaan *National Anti-Corruption Plan* (NACP), ia telah mencapai pencapaian sebanyak 76% iaitu penyelesaian 84 daripada 111 keseluruhan inisiatif yang bermula pada tahun 2019 telah berjaya dilaksanakan. Inisiatif yang berstatus selesai ini bermaksud penyelesaian di peringkat pengeluaran output iaitu pembaharuan atau perubahan di dalam sesuatu dasar dan perundangan yang dikeluarkan oleh agensi-agensi yang terlibat. Ini bermakna, terdapat 27 inisiatif lagi yang tidak dapat diselesaikan sehingga tamat tempoh NACP iaitu Disember 2023.

2. Mandat bagi pembangunan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional atau *National Anti-Corruption Strategy* (NACS) telah diperolehi melalui keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) Siri 17 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 6 Julai 2023. Keputusan Kerajaan untuk meneruskan agenda antirasuah melalui NACS ini adalah selari dengan keperluan instrumen di peringkat antarabangsa sebagai suatu kesinambungan kepada NACP tersebut.

3. NACS ini seperti juga NACP akan dibuat selepas mengambilkira pandangan daripada pemegang taruh untuk membolehkan ia menjajarkan strategi ke arah mencapai visinya. NACS ini juga akan berfungsi sebagai suatu medium untuk menangani rasuah dengan mempromosikan ketelusan, sikap bertanggungjawab dan integriti dalam semua pentadbiran Kerajaan seperti yang digariskan dalam Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goal - SDG*), iaitu matlamat 16 yang mempromosikan masyarakat yang aman dan inklusif untuk pembangunan mampan, memberikan akses kepada keadilan untuk semua dan membina institusi yang berkesan,

bertanggungjawab dan inklusif di semua peringkat. Kepimpinan melalui teladan adalah cara yang berkesan untuk mencapai keadaan di mana setiap warganegara tidak mengamalkan amalan rasuah.

4. Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan Strategi ini, ia akan menekankan peranan pemegang taruh yang telah dikenalpasti untuk tujuan pelaksanaan inisiatif yang dirancang. Melalui kerjasama dengan pemegang taruh dalam membanteras rasuah, NACS akan dapat memastikan pelaksanaan yang lebih berkesan dan menyeluruh yang menekankan prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti. Melalui usaha ini, keyakinan rakyat diharapkan akan meningkat seterusnya menyumbang kepada kemajuan prestasi negara yang lebih baik dalam pelbagai aspek seperti ekonomi, sosial dan tatakelola.

5. Strategi ini akan menjadi rujukan utama bagi semua agensi Kerajaan dan entiti berkaitan dalam memperbaharui atau membangunkan dasar dan perundangan yang berkaitan dalam menangani kelemahan integriti, tatakelola dan antirasuah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN]

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian merancang untuk memperkenalkan dasar *Extended Producer Responsibility* (EPR) bagi mewajibkan pihak industri supaya bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa masing-masing; dan
- (b) apakah model yang akan diperkenalkan dan adakah Kerajaan akan memperkenalkan konsep '*Tax Polluter*' agar penjana sisa pepejal lebih peka terhadap kuantiti sisa pepejal yang dijana harian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) untuk mengurangkan penjanaan sisa dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) untuk mempercepatkan peralihan daripada ekonomi linear yang konvensional kepada ekonomi kitaran yang mampan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada masa kini sedang membangunkan Kerangka Polisi Peluasan Tanggungjawab Pengeluar (*Extended Producer Responsibility*, EPR). EPR merupakan satu kaedah pengurusan sisa yang efektif dan efisien di bawah inisiatif ekonomi kitaran. Ia juga merupakan salah satu model penting di bawah mekanisme *Polluter Pay Principle* (PPP) untuk mengawal selia peranan pengilang dalam menangani atau mencegah impak pengeluaran produk ke atas alam

SOALAN NO: 30

sekitar selain model-model lain di bawah PPP seperti *Pay As You Throw* (PAYT) dan cukai tapak pelupusan (*landfill tax*).

Pembangunan kerangka polisi ini adalah turut merangkumi Kajian Penentuan Kadar Fi EPR dan faktor–faktor yang mempengaruhi bagi menentukan kebolehlaksanaan EPR di Malaysia. Pelaksanaan kajian ini akan memfokuskan kepada sama ada terdapat peningkatan kos dalam pengeluaran produk pembungkusan *Fast Manufacturing Consumer Goods* (FMCG) dan implikasi kepada pengguna melalui kenaikan harga barang. Kajian ini turut mengkaji peranan pihak Kerajaan berkaitan jenis fasiliti dan insentif yang diperlukan bagi memastikan pelaksanaan EPR yang berkesan dan efektif di Malaysia.

Pada masa yang sama, KPKT juga sedang meneliti aspek perundangan berkaitan EPR dengan mengambil kira empat (4) perundangan pengurusan sisa pepejal yang berbeza iaitu Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672], Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Enakmen Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2022 bagi negeri Sabah dan *Local Authorities Ordinance 1996 [Chapter 20]* bagi negeri Sarawak. KPKT juga sedang giat melaksanakan libat urus dengan pihak industri untuk mendapatkan pandangan dan cadangan berhubung pelaksanaan EPR. Kerjasama ini penting memandangkan pelaksanaan EPR ini kelak akan diterajui oleh pihak industri (*lead by industry*).

Kerangka polisi ini kelak akan menjadi rujukan kepada semua pihak berkepentingan berkaitan inisiatif, strategi, mekanisme dan tanggungjawab yang akan dimainkan oleh semua pihak yang terlibat dalam EPR. Melalui pelaksanaan EPR kelak, beban kos pengurusan sisa pepejal yang tinggi dan terpaksa ditanggung oleh kerajaan pada masa kini dapat dikurangkan melalui prinsip tanggungjawab bersama Kerajaan dan pihak swasta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM
[GUA MUSANG]**

TARIKH : **27 FEBRUARI 2024 (SELASA)**

SOALAN

TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM [GUA MUSANG] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan untuk mengkaji semula mekanisme penguatkuasaan kepada kenderaan berat yang tidak mematuhi had laju yang ditetapkan oleh Kerajaan dan mengkaji semula keberkesanan talian aduan oleh pengguna jalan raya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui agensinya Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sentiasa melaksanakan kajian dari semasa ke semasa berhubung mekanisme penguatkuasaan yang terbaik bagi menangani isu kenderaan berat yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan. Salah satu tindakan utama yang dilaksanakan bagi menangani isu ini adalah dengan menggiatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan oleh pihak JPJ melibatkan peraturan had muatan kenderaan dan had laju bagi kenderaan berat. Selain mengoperasikan 48 buah Stesen Penguatkuasa (atau stesen timbang) di seluruh negara, pihak JPJ juga turut dibekalkan dengan 67 unit alat timbang mudah alih bagi tujuan penguatkuasaan tersebut.

2. Di samping itu, MOT bersama Kementerian Kerja Raya (KKR), sedang dalam proses akhir untuk membangunkan sistem “*High Speed - Weigh in Motion*” atau HS-WIM. Menerusi penggunaan sistem HS-WIM, aktiviti penguatkuasaan kenderaan berat boleh dilaksanakan secara masa sebenar atau automatik tanpa memerlukan kenderaan tersebut perlu berhenti untuk ditimbang.

3. Sistem HS-WIM ini akan dipasang terus di atas jalan di lokasi-lokasi strategik di seluruh negara. Sistem HS-WIM ini akan membolehkan aktiviti penguatkuasaan dilaksanakan 24 jam sehari, 365 hari setahun tanpa mengira waktu dan tidak terkesan dengan keadaan cuaca. Aspek integriti penguatkuasaan juga akan dapat ditingkatkan apabila proses penimbangan dan penguatkuasaan dilaksanakan secara automasi sepenuhnya.

Keberkesanan Talian Aduan Oleh Pengguna Jalan Raya

4. Berhubung pertanyaan mengkaji semula keberkesanan talian aduan oleh pengguna jalan raya, adalah dimaklumkan bahawa pihak JPJ sentiasa melaksanakan penambahbaikan dari semasa ke semasa bagi meningkatkan keberkesanan talian aduan terutamanya melalui medium atas talian. Antara inisiatif terkini JPJ adalah dengan membangunkan pautan e-aduan dalam aplikasi MyJPJ untuk kegunaan dan kemudahan orang awam menyalurkan maklumat berkaitan sebarang kesalahan lalu lintas secara *real time*, selain melaporkan aduan menerusi e-mel aduantrafik@jpk.gov.my.

5. Hasil daripada aduan awam yang diterima, JPJ akan mengeluarkan notis temu siasat di bawah Seksyen 114 Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) dalam tempoh tiga hari waktu bekerja kepada pemilik yang dikenal pasti supaya hadir ke mana-mana pejabat JPJ untuk penyelesaian kes. Sekiranya pemilik gagal hadir dalam tempoh 14 hari, tindakan saman Gagal Patuhi Notis temu siasat (GPN) akan dikenakan ke atas pemilik.

6. Susulan daripada itu, kes berkenaan akan disenarai hitam bagi tujuan menyekat sebarang transaksi yang melibatkan kenderaan yang melakukan kesalahan dan senarai hitam akan dilepaskan sekiranya kes telah selesai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL
[BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perincian jumlah golongan belia B40 melalui permohonan lesen motosikal secara percuma dengan jumlah yang berjaya dan tidak berjaya dan apakah tindakan selanjutnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program MyLesen B2 merupakan satu inisiatif Kerajaan yang bertujuan untuk membantu golongan kurang berkemampuan khususnya belia untuk mendapatkan Lesen Memandu Malaysia Kelas B2 (Motosikal).
2. Bagi tahun 2023, sebanyak **9,000 peserta** telah diperuntukkan untuk menyertai **Program MyLesen B2 Tahun 2023**. Daripada keseluruhan kuota tersebut, sebanyak 8,393 peserta telah berjaya menghadiri kursus, latihan dan ujian sehingga mendapat Lesen Memandu Percubaan (PDL) Kelas B2.
3. Peserta diberi peluang untuk menjalani ujian kali pertama dan dua (2) kali ujian ulangan di bawah Program MyLesen B2 Tahun 2023. Walau bagaimanapun, bagi peserta yang gagal melepasi ujian termasuk ujian ulangan yang telah ditetapkan di bawah program ini, peserta masih boleh membuat ujian ulangan sehingga mendapat Lesen Memandu Percubaan (PDL) Kelas B2 dengan kos bagi ujian ulangan ditanggung oleh peserta sendiri.
4. Bagi tahun 2024, kuota peserta bagi **Program MyLesen B2 Tahun 2024** telah ditingkatkan kepada **35,000 peserta**.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
(TANAH MERAH)**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bila perolehan "Self Propelled Howitzer" akan dimuktamadkan, negara manakah yang berjaya serta berapa nilai kontrak tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perolehan Meriam 155mm *Self Propelled Howitzer* (SPH) dan Infrastruktur untuk kegunaan Tentera Darat Malaysia telah dilaksanakan secara Tender Pra-Kelayakan Terpilih dengan anggaran peruntukan berjumlah RM819.09 juta. Sebanyak 6 petender telah menerima tawaran tender dan dinilai. Hasil dari penilaian teknikal, kewangan dan program kolaborasi industri (*Industrial Collaboration Programme - ICP*), Kementerian Pertahanan telah mengesyorkan petender yang memenuhi syarat kelayakan kepada Kementerian Kewangan untuk dimuktamadkan.

2. Sehubungan dengan ini, pihak Kementerian Kewangan (MOF) pada 19 Januari 2024 telah meluluskan tender ini. Walau bagaimanapun, rundingan harga perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebelum tender ini dimuktamadkan semula. Kementerian Pertahanan akan melaksanakan proses rundingan harga dalam masa terdekat selaras dengan tatacara perolehan semasa yang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI
(PEKAN)**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI [PEKAN] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam memartabatkan lagi sukan berpotensi tinggi seperti sepak takraw dan hoki yang kerap mengharumkan nama negara di persada sukan dunia tetapi seolah-olah dianaktirikan berbanding sukan popular lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Antara program pemerksaan sukan berprestasi tinggi adalah Program Podium Majlis Sukan Negara (MSN). Program ini melibatkan seramai 472 atlet (391 atlet normal dan 81 atlet para) daripada 33 jenis sukan yang sedang menjalani latihan secara sepenuh masa dan secara berfasa di bawah kendalian jurulatih yang berpengalaman. Sukan sepak takraw dan hoki turut dimasukkan dalam program ini. Semua atlet yang terlibat menjalani latihan secara sepenuh masa berpandukan fasa ditetapkan di bawah pemantauan jurulatih berpengalaman.

Semua atlet di bawah program ini sedang menyertai pelbagai kejohanan di peringkat tempatan dan antarabangsa sebagai rangka persediaan menghadapi temasya Sukan Olimpik dan Paralimpik di Paris pada tahun ini, Sukan SEA dan Para ASEAN di Thailand pada tahun hadapan, Sukan Asia dan Para Asia pada tahun 2026 serta Sukan Komanwel pada tahun 2026. Semua atlet yang terlibat dalam program ini menerima pelbagai bantuan khusus termasuk aspek pengurusan atlet, jurulatih dan pusat latihan, pendedahan pertandingan, penyertaan di temasya dan kejohanan antarabangsa, latihan berstruktur serta program binaan dan khidmat sokongan.

Selain itu, Kementerian turut membangunkan Program Pelapis Kebangsaan dan Program Khas sebagai langkah persiapan atlet muda sebelum diserap ke tahap lebih tinggi. Program ini turut melibatkan kerjasama pembangunan di peringkat negeri dan daerah.

Di samping itu, sebagai langkah penghargaan kepada atlet yang menyumbang pingat dan meraih kemenangan di temasya penting dan kejohanan bertaraf antarabangsa, Kementerian turut menyediakan sistem ganjaran dikenali sebagai Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM) dan Skim Hadiah Kemenangan Atlet Remaja (SHAKAR).

SOALAN NO.34

Dalam aspek sukan sepak takraw dan hoki, pihak Kementerian sentiasa memberikan tumpuan khusus kepada kepada kedua-dua sukan ini. Misalnya pada tahun 2023, sebanyak RM2.2 juta telah diperuntukkan kepada pasukan sepak takraw kebangsaan lelaki dan wanita untuk menyertai pelbagai temasya dan kejohanan utama.

Manakala bagi sukan hoki pula, sejumlah RM5.63 juta telah disalurkan kepada Konfederasi Hoki Malaysia bagi persiapan enam pasukan hoki melibatkan disiplin padang dan dewan. Malah kejayaan Pasukan hoki 5 sepasukan negara yang muncul naib juara Kejohanan FIH Hoki 5's Dunia 2024 juga telah diberikan perhatian oleh kerajaan melalui pemberian insentif khas kepada pasukan berkenaan.

Kementerian melalui Majlis Sukan Negara turut mewujudkan Program Pembangunan Hoki Negara (PPHN) sejak tahun 2021 bagi membantu Konfederasi Hoki Malaysia melaksanakan program bakat sukan hoki bermula dari umur 10 hingga 17 tahun. Program ini disasarkan untuk melahirkan ramai pemain hoki berkualiti untuk negara secara konsisten. Sebanyak RM2 juta setahun telah diperuntukkan untuk PPHN.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
PERSIDANGAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]
TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)**

SOALAN

TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah hasil kajian Suruhanjaya Persaingan Malaysia berkaitan kewujudan kartel dalam isu pengimportan barangan berasaskan makanan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPDN melalui agensinya Suruhanjaya Persaingan Malaysia atau MyCC telah menjadikan sektor makanan dan pertanian sebagai fokus utama penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 (Akta 712) mulai tahun lepas lagi. MyCC akan bertindak tegas, *without fear or favour*, terhadap mana-mana perusahaan dalam dua sektor ini jika mereka terlibat dalam kartel atau yang menyalahgunakan kuasa dominannya.

Dalam menguatkuasakan Akta 712, MyCC akan mula mengkaji atau menyiasat pemain-pemain industri apabila menerima aduan, atau menerima arahan dari Menteri atau Kerajaan atau atas inisiatifnya sendiri.

Sebagai contoh, penyiasatan MyCC terhadap 5 syarikat pengeluar makanan ayam berpunca dari inisiatifnya sendiri. Setelah menyiasat kelima-lima syarikat tersebut, MyCC telah mengeluarkan keputusan akhir terhadap mereka semua kerana didapati melanggar Seksyen 4 Akta 712 melalui satu perjanjian antipersaingan atau kartel dalam pasaran makanan ayam. Untuk itu, penalti kewangan berjumlah RM415.5 juta telah dikenakan terhadap 5 syarikat tersebut. Mereka adalah:

- (i) Dinding Poultry Development Centre Sdn Bhd;
- (ii) FFM Berhad;
- (iii) Gold Coin Feedmill (Malaysia) Sdn Bhd;
- (iv) Leong Hup Feedmill Malaysia Sdn Bhd; dan
- (v) PK Agro-Industrial Products (M) Sdn Bhd.

Sebagai tambahan kepada penalti kewangan ini, MyCC juga telah mengeluarkan arahan-arahan lain untuk dipatuhi oleh syarikat- syarikat seperti berikut:

- (i) Untuk berhenti dan menghentikan (*cease and desist*) daripada terbabit dalam kartel;

- (ii) Untuk mengemukakan laporan bulanan kenaikan dan pengurangan harga makanan ayam kepada Suruhanjaya.
- (iii) Untuk menyemak dan meningkatkan program pematuhan Akta 712 bagi FFM, Leong Hup dan Gold Coin serta mendaftarkan pekerja dan ahli Lembaga Pengarah mereka untuk program tersebut;
- (iv) Untuk membangunkan dan melaksanakan program pematuhan Akta Persaingan bagi Dindings Poultry dan PK Agro serta mendaftarkan pekerja dan ahli Lembaga kepada program tersebut; dan
- (v) Untuk mengiktirafkan keterlibatan dalam kartel sebagai salah laku dalam kod etika pekerja yang boleh membolehkan syarikat mengambil tindakan disiplin terhadap pekerja atau ahli Lembaga Pengarah yang terlibat dalam aktiviti kartel pada masa depan.

Berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang dipengerusikan oleh YAB PM pada 15 Januari 2024, MyCC telah diarahkan untuk mengkaji isu kewujudan kartel dalam isu pengimportan barangan berasaskan makanan. Sehubungan itu, MyCC bersama-sama KPDN dan agensi-agensi relevan lain seperti SSM dan LHDN telah mula bekerjasama serta bergabung tenaga di semua peringkat untuk mengkaji isu berkaitan dakwaan kewujudan kartel itu secara strategik dan efektif. MyCC juga telah mula mengadakan sesi-sesi libat urus dengan pemegang-pemegang taruh yang relevan.

Melalui jaringan ini juga, MyCC sedang mengkaji rantai bekalan beberapa barangan import berasaskan makanan termasuk bahan-bahan asas seperti cili dan bawang. Kajian ini akan mengambil masa kerana melibatkan banyak agensi dan pemain pasaran. Oleh itu, hasil kajian akan dibentangkan di dalam mesyuarat MTEN secara berperingkat dan kajian ini dijangka siap pada hujung tahun ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
PERSIDANGAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah Kerajaan mengaku KPDN telah gagal dalam usaha mengekang kenaikan harga barang-barang bukan kawalan yang menaikkan harga sewenang-wenang sehingga mencekik rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melaksanakan pelbagai usaha untuk memperkuat ekosistem perdagangan dalam negeri, mendayaupayakan pengguna dan sentiasa bersiap siaga untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan melindungi kepentingan rakyat.

Mengambil kira harga barang adalah bergantung kepada faktor permintaan dan penawaran (*demand and supply*) dalam sistem ekonomi pasaran terbuka (*free market economy*), pemantauan dilakukan terhadap faktor pasaran dan aktiviti sektor swasta/industri. Ini termasuk kesan pengaruh besar iklim serta ekosistem pasaran global.

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk menyediakan, melindungi hak dan kepentingan rakyat daripada praktik dagangan yang tidak

bertanggungjawab atau menyalahi undang-undang, memastikan harga barangan dan perkhidmatan adalah wajar dan tidak melibatkan peningkatan harga barangan yang tidak munasabah.

Justeru itu, antara lain Kerajaan melalui Kementerian ini telah memperkenalkan Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011) yang mula berkuat kuasa sejak 2011 dan digubal untuk mengawalselia isu harga barangan dan perkhidmatan serta mencegah amalan pencatutan oleh perniagaan. Undang-undang ini terpakai untuk semua perniagaan yang menjual barangan atau menyediakan perkhidmatan di Malaysia, termasuk pengilang, pengedar, pemborong, peruncit dan penyedia perkhidmatan.

Di bawah undang-undang ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bertanggungjawab untuk menguatkuasakan kawalan harga dan undang-undang antipencatutan. KPDN boleh mengeluarkan perintah kawalan harga untuk mengawal selia harga barangan dan perkhidmatan. Mana-mana perniagaan yang gagal mematuhi perintah ini boleh dikenakan denda, penjara atau kedua-duanya.

Mekanisme kawalan yang dilakukan oleh kerajaan bagi menangani isu peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga barangan adalah melalui kaedah pelaksanaan penguatkuasaan antipencatutan melalui Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) 2018.

Kerajaan turut mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengawal kenaikan harga barang dengan mengadakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan dengan tujuan menetapkan harga maksimum untuk barangan keperluan bagi tempoh masa tertentu. Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) ini diadakan di enam (6) musim perayaan utama Malaysia termasuk Hari Raya Aidilfitri, Hari Gawai, Pesta Kaamatan, Tahun Baru Cina, Hari Deepavali dan Hari Krismas. Skim ini kita laksanakan bagi mencegah kenaikan harga apabila permintaan

meningkat pada musim-musim perayaan tersebut

Di samping itu, undang-undang ini memperihalkan keperluan untuk sesuatu perniagaan itu untuk menyediakan maklumat harga yang tepat dan telus kepada pengguna. Para peniaga dikehendaki memaparkan harga dengan jelas dan mengelakkan pengiklanan yang mengelirukan atau palsu. Undang-undang juga melarang perniagaan daripada terlibat dalam amalan perniagaan tidak adil, seperti memanipulasi harga serta mengambil keuntungan tinggi secara tidak munasabah seperti mencatut.

Undang-undang ini juga memberi kuasa kepada Pegawai Penguatkuasa KPDN untuk menyiasat dan mendakwa perniagaan yang terlibat dalam mencatut atau amalan lain yang bertentangan dengan AKHAP 2011. Sepanjang 2023, sebanyak 5,904 kes dihasilkan melibatkan kesalahan di bawah AKHAP 2011 dengan nilai kompaun dan denda berjumlah RM1,466,600 telah direkodkan. Penguatkuasaan berterusan ke atas perniagaan-perniagaan yang menjual barangan terutamanya melibatkan barangan kawalan, barangan keperluan pengguna dan barangan bukan kawalan sentiasa dipertingkatkan bagi membantu pengguna berhadapan tekanan kos sara hidup.

Pada masa yang sama, Kerajaan akan meningkatkan penguatkuasaan dalam aspek mengekang gejala anti persaingan dalam pasaran termasuk elemen kartel dalam bentuk pakatan harga, pasaran, pengeluaran dan tipuan bidaan.

Tanggungjawab untuk memastikan kebajikan rakyat haruslah melibatkan pendekatan keseluruhan kerajaan dengan penglibatan dan kerjasama erat yang berterusan daripada pelbagai pihak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN AHMAD FAYHSAL BIN WAN
AHMAD KAMAL [MACHANG]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

Tuan Wan Ahmad Fayhsal Bin Wan Ahmad Kamal [Machang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah pendekatan yang diambil untuk memastikan kerelevanan serta kemampuan industri kereta sewa berlesen atau teksi sewa untuk bertahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perkhidmatan kelas lesen Kereta Sewa merupakan salah satu pengangkutan awam yang masih kekal relevan beroperasi di kawasan seperti di negeri Pantai Timur, Utara kecuali Pulau Pinang (Pulau) dan Selatan kecuali Johor Bahru.
2. Kementerian masih membuka peluang kepada mana-mana pihak yang layak untuk memohon lesen Kereta Sewa sebagai peluang perniagaan dan meningkatkan penawaran di kawasan setempat. Kelonggaran kriteria permohonan baharu kepada pemohon berstatus individu (*enterprise*) ditetapkan pada tahap minimum seperti modal yang rendah dan kenderaan di bawah usia 15 tahun masih boleh didaftarkan dan boleh digunakan bagi suatu tempoh yang lama selagi mana kenderaan tersebut diperakukan lulus oleh PUSPAKOM semasa

pemeriksaan berkala. Setakat ini, jumlah bilangan permit kereta sewa yang telah dikeluarkan di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 9539, manakala di Negeri Sabah dan Sarawak adalah masing-masing sebanyak 768 dan 528 bilangan permit.

3. Kementerian turut membenarkan pelbagai model kenderaan dilesenkan sebagai kenderaan Kereta Sewa berbanding hanya kenderaan buatan Malaysia atau bersesuaian dibenarkan sebelum ini. Kereta Sewa juga dibenarkan beroperasi secara tempahan atas talian dengan menyertai mana-mana platform e-hailing yang berdaftar dengan APAD. Pemandu Kereta Sewa boleh menikmati tambang dinamik melalui operasi secara berpangkalan ataupun menggunakan aplikasi e-hailing.

4. Kerajaan melalui Kementerian Kewangan turut memberikan pengecualian Duti Eksais dan Cukai Jualan kepada Kereta Sewa yang dijual atau ditukar kepada kenderaan persendirian atau tujuan ganti kenderaan.

5. Selain itu, Kementerian dengan kerjasama PERKESO sedang berusaha untuk melindungi pemandu teksi melalui caruman insurans di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) dengan pembiayaan 100% oleh pihak Kerajaan. Pemandu akan mendapat manfaat sekiranya berlaku bencana pekerjaan termasuk penyakit pekerjaan dan kemalangan semasa menjalankan aktiviti pekerjaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KOMANDER NORDIN BIN AHMAD
ISMAIL TLDM (BERSARA) [LUMUT]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL TLDM (BERSARA) [LUMUT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah isu berkaitan arahan pengosongan premis Pejabat Angkatan Pertahanan Awam Daerah Manjung telah diselesaikan dan di manakah lokasi premis yang baharu.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA
DAN WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Arahan pengosongan premis APM Daerah manjung tidak dilaksanakan kerana APM masih beroperasi di pejabat sedia ada. Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Manjung telah menawarkan kontrak sewaan selama tempoh 3 tahun bermula tahun 2024 ini dan APM telah mengemukakan borang JRP serta masih menunggu penilaian dan kelulusan penyewaan ruang pejabat daripada jabatan-jabatan berkaitan.
2. Untuk pelan jangka masa panjang pula, APM telah menghantar permohonan ke Bahagian Pembangunan, Jabatan Perdana Menteri bagi mendapatkan kelulusan tukarguna tanah di tapak pejabat dan rumah kakitangan Telekom di Daerah Manjung. Tapak tersebut beralamat Lot 31861, GRN 34446 berkeluasan 28,328 meter persegi itu adalah di bawah seliaan Kementerian Komunikasi Malaysia dan APM telah membuat permohonan untuk dijadikan premis itu sebagai pejabat pengoperasian APM Daerah Manjung dan ianya masih lagi di dalam pertimbangan pihak berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL
(JASIN)**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL (JASIN) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah inisiatif dalam membantu para atlet negara meneruskan kehidupan selepas mereka tidak lagi aktif disebabkan faktor umur atau kecederaan ketika menjadi atlet.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB) telah ditubuhkan untuk membantu atlet yang telah bersara. Jumlah terkini keahlian YAKEB adalah seramai 3,039 orang dengan 189 orang daripadanya adalah bekas atlet para.

YAKEB melaksanakan pelbagai inisiatif kebajikan kepada ahlinya di bawah Skim Bantuan Khas merangkumi sokongan kebajikan dan kesejahteraan seperti membiayai rawatan kesihatan, bantuan ketika menghadapi musibah, bantuan kewangan bulanan termasuk sumbangan bagi melangsungkan perkahwinan. Sepanjang tahun 2023, seramai 479 orang bekas atlet telah menerima bantuan melalui skim ini.

Di samping memberi tumpuan terhadap sokongan kebajikan dan kesejahteraan hidup, YAKEB turut memberi fokus terhadap usaha

peningkatan kerjaya dalam kalangan bekas atlet melalui bimbingan dan program pembangunan kemahiran berterusan.

Dalam hal ini, YAKEB melalui jalinan kerjasama dengan Akademi Kejurulatihan Kebangsaan di bawah Institut Sukan Negara (ISN) telah melaksanakan kursus sains sukan yang telah memberi manfaat kepada 25 orang bekas atlet. Program yang digerakkan pada setiap tahun ini diadakan untuk membantu bekas atlet bagi meneruskan kerjaya dalam lapangan kejurulatihan. Pada tahun 2024, program ini akan memberi tumpuan terhadap kursus urutan sukan (*sport massage*).

Dalam lapangan pendidikan, pada tahun 2023 YAKEB melalui kerjasama dengan Open University Malaysia (OUM) telah menawarkan 50 biasiswa penuh kepada bekas atlet untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang hospitality. Kerjasama seumpama ini turut diperluas dengan pihak DHS Hospitality Academy untuk memberi latihan berkaitan. YAKEB turut menjalinkan hubungan strategik dengan Resort World Group, Allianz Insurance Malaysia dan Keretapi Tanah Melayu Berhad untuk menyediakan peluang pekerjaan bersesuaian kepada bekas atlet.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI
[SRI AMAN]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini pembinaan Pusat Pemindahan Kekal Bencana (PPKB) di bahagian Sri Aman memandangkan NADMA telah pun mengadakan lawatan dan mengenal pasti tapak pada 5 Julai 2023.

JAWAPAN:

**DIJAWAB OLEH YAB DATO SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA
DAN WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pusat Pemindahan Kekal Bencana (PPKB) merupakan inisiatif Kerajaan untuk kemudahan dan keselesaan kepada mangsa yang ditimpa bencana. PPKB yang akan dibina merupakan satu kompleks yang boleh dikira lengkap. Ianya bukan sahaja setakat dewan penginapan mangsa bencana tetapi juga terdapat komponen-komponen lain bagi kemudahan kepada mangsa dan petugas.
2. Sewaktu pembentangan Belanjawan 2024 Malaysia MADANI oleh YAB Perdana Menteri pada 13 Oktober 2023, sembilan (9) lokasi telah pun dikenal pasti sebagai perintis PPKB dan pemilihannya dimuktamadkan oleh Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN). Bagi Negeri Sarawak, JPBN Sarawak telah memilih Sekolah Kebangsaan Beradek, Kuching sebagai perintis bagi PPKB ini.
3. Walau bagaimanapun, ini hanyalah permulaan perintis untuk Negeri Sarawak. Ianya akan diperluaskan mengikut keutamaan lokasi yang kerap berlaku bencana di seluruh negara berdasarkan kemampuan Kerajaan untuk menyediakan peruntukan bagi pembinaannya.

Sekian, terima kasih.

SOALAN TAMBAHAN:

(Sekurang-Kurangnya 2 Soalan Berserta Jawapan)

1. Berapakah kos pembinaan sebuah PPKB?

Kos Pembinaan PPKB Perintis yang dianggarkan adalah sebanyak RM5.0 Juta. Kapasiti sembilan (9) PPKB perintis adalah antara 60-100 KIR. Walau bagaimanapun kos ini hanyalah untuk pembinaan PPKB dimana tanah atau lokasi yang dicadangkan telah mempunyai infra yang lengkap dan platform yang telah tersedia. (tidak memerlukan kerja-kerja tanah yang besar).

2. Bagaimanakah proses pembinaan PPK di setiap negeri?

Pemilihan PPKB merujuk kepada zon aktif berlakunya bencana dalam lima (5) tahun kebelakangan. Pemilihan lokasi adalah berdasarkan senarai keutamaan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN). Buat masa ini PPK yang dicadangkan dibuat di premis sekolah milik KPM. Setakat ini tujuh (7) dari sembilan (9) lokasi telah disahkan oleh JPBN yang terlibat. Status sekarang adalah, JKR dalam proses rekabentuk akhir dan penyediaan tender.

3. Berapakah peruntukkan PPKB di setiap negeri? Adakah lebih dari satu (1)?

lanya bergantung kepada kemampuan Kerajaan untuk menyediakan dana. NADMA melalui JPBN juga dalam mengenalpasti lokasi-lokasi yang strategik dimana kerap berlaku bencana. Antara kriteria yang diambilkira adalah perolehan tanah yang telah selesai (dimana kos perolehan tanah adalah dibawah Kerajaan Negeri/JPBN) supaya tidak tergendala di peringkat pelaksanaan kelak.

4. Siapakah yang bertanggungjawab dalam Pengurusan PPKB?

Bagi PPKB yang dilaksanakan di premis sekolah, pemilikan PPKB adalah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) manakala pada masa akan datang sekiranya dibuat selain dari premis sekolah, ia akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri/JPBN.

5. Apakah perancangan PPKB sekiranya musim tiada bencana?

lanya sepenuhnya dalam kawalan KPM dimana PPKB boleh digunakan bagi aktiviti murid-murid ketika waktu aman (tiada bencana).

6. Adakah Negeri Sarawak yang merupakan negeri terbesar di Malaysia hanya mempunyai satu (1) PPKB?

Ini hanyalah permulaan perintis untuk Negeri Sarawak. lanya akan dikembangkan mengikut keutamaan lokasi yang kerap berlaku bencana bukan sahaja di Negeri Sarawak tetapi di seluruh negara berdasarkan kemampuan Kerajaan untuk menyediakan peruntukkan.

7. Bagaimana proses pembinaan dan penyelarasan PPKB akan dijalankan di Negeri-Negeri Pembangkang?

Agensi Pelaksana untuk PPKB adalah Jabatan Kerja Raya (JKR). NADMA akan terus membuat membuat penyelarasan bersama JPBN dan JKR.

8. Adakah projek ini akan menjadi Gajah putih di masa hadapan sekiranya tiada penggunaan yang sistematik?

Projek ini juga antara lainnya adalah untuk membantu pihak KPM menyediakan fasiliti kepada murid-murid sekolah. Diharap pihak KPM menggunakan kemudahan yang disediakan untuk keselesaan kepada murid-murid. Sekiranya dibuat di luar sekolah pada masa akan datang dewan ini boleh digunakan untuk aktiviti penduduk setempat.

- 9. Bagaimanakah pembinaan PPKB di negeri-negeri lain selain dari sembilan (9) negeri yang telah dikenalpasti tersebut? adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk membina PPKB?**

Sekiranya projek perintis ini dapat dijayakan dengan berkesan, Kerajaan melalui NADMA berhasrat untuk memperluaskan pembinaan PPKB ini kepada semua Negeri sebagai persediaan atau kesiapsiagaan menghadapi apa-apa bencana.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Untuk memastikan keselesaan serta mengurangkan impak kepada mangsa bencana di pusat pemindahan, NADMA telah menyediakan beberapa inisiatif bagi memperkasakan Pusat Pemindahan iaitu melaksanakan program pembaikan kecil, menaiktaraf dan membina Pusat Pemindahan Kekal.
2. Pusat Pemindahan Kekal Bencana (PPKB) adalah salah satu inisiatif kerajaan untuk memberikan kemudahan dan keselesaan kepada mangsa yang ditimpa bencana. Untuk makluman, ketika ini pembinaan PPKB dilaksanakan di dalam kawasan sekolah yang mempunyai kedudukan strategik untuk urusan pemindahan mangsa bencana. Keputusan memilih lokasi sekolah adalah bertujuan untuk mengoptimumkan penggunaan bangunan PPKB sebagai serampang dua mata dimana ia akan berfungsi sebagai Pusat Pemindahan mangsa ketika bencana dan juga menjadi tempat untuk aktiviti para pelajar semasa waktu di luar bencana.

3. PPKB yang akan dibina merupakan satu kompleks yang agak lengkap dengan prasarana yang diperlukan. Ianya bukan sahaja setakat dewan penginapan mangsa banjir tetapi juga disertakan dengan pelbagai komponen lain di dalamnya iaitu:
 - i. Tandas/bilik mandi dan ruang membasuh pakaian
 - ii. Ruang memasak dan ruang makan
 - iii. Ruang khas wanita (etc menyusu)
 - iv. Bilik pendaftaran/pejabat dan bilik rehat petugas
 - v. Stor penyimpanan makanan dan stor keperluan asas
 - vi. Bilik rawatan
 - vii. Surau
 - viii. Bilik warga emas, oku dan beberapa komponen lain

4. PPKB yang dibina ketika ini adalah sebagai perintis dimana ia melibatkan sembilan (9) buah negeri yang telah dikenalpasti kerap dilanda banjir. Pemilihan lokasi adalah berdasarkan senarai muktamad yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN). Senarai lokasi PPK tersebut adalah seperti berikut:
 - i. Kelantan - SK Gual Tinggi, Pasir Mas
 - ii. Johor - SK Seri Medan, Batu Pahat
 - iii. Pahang - SK Benta, Kuala Lipis
 - iv. Terengganu - SK Banggol Peradong, Kuala Terengganu
 - v. Perak - SK Perwira, Hilir Perak
 - vi. Pulau Pinang - SK Machang Bubok, Seberang Perai Tengah
 - vii. Sarawak - SK Beradek, Padawan
 - viii. Kedah - SMK Jerai, Baling
 - ix. Sabah - Tanah Milik Pejabat Daerah Pitas, Pitas

5. Walau bagaimanapun, bagi meneruskan penambahbaikan ini, NADMA berhasrat untuk memperluaskan pembinaan PPKB ini kepada semua Negeri sebagai persediaan atau kesiapsiagaan yang lebih baik dalam menghadapi bencana.

6. Selain itu, NADMA memperuntukan sejumlah peruntukan untuk **Kerja-kerja Pembaikan Kecil dan Naiktaraf** tandas/bilik mandi serta stor barangan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) sedia ada kepada JPBN sebagai persediaan dan baik pulih sebelum dan selepas PPS dibuka.

7. Bagi tujuan penambahbaikan di PPS, NADMA juga menyediakan sejumlah peruntukan untuk **Penyewaan Tandas Mudah Alih** semasa berlaku bencana. Tujuan penyewaan tandas mudah alih adalah bagi memberi lebih keselesaan dan mengurangkan impak aduan oleh mangsa bencana yang terlibat. JPBN melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) akan menentukan kesesuaian jumlah tandas mudah alih yang perlu di sediakan di PPS yang memerlukan.

**SENARAI SEMBILAN (9) LOKASI
PUSAT PEMINDAHAN KEKAL BENCANA (PPKB) PERINTIS 2023**

NEGERI	NAMA SEKOLAH	DAERAH
KELANTAN	SK GUAL TINGGI	PASIR MAS
JOHOR	SK SERI MEDAN	BATU PAHAT
PAHANG	SK BENTA	LIPIS
TERENGGANU	SK BANGGOL PERADONG	KUALA TERENGGANU
PERAK	SK PERWIRA	HILIR PERAK
PULAU PINANG	SK MACHANG BUBOK	SEBERANG PERAI TENGAH
KEDAH	SMK JERAI	BALING
SARAWAK	SK BERADEK	PADAWAN
SABAH	TANAH MILIK PEJABAT DAERAH PITAS	PITAS

**STATUS SEMBILAN (9) LOKASI
PUSAT PEMINDAHAN KEKAL BENCANA (PPKB) PERINTIS 2023**

NEGERI	NAMA SEKOLAH	PELAKSANA	STATUS
KELANTAN (PASIR MAS)	SK GUAL TINGGI	JKR MALAYSIA	Iklan tender dijangka sukuan ke-2 2024. Tempoh pembinaan 18 bulan selepas SST
JOHOR (BATU PAHAT)	SK SERI MEDAN	JKR MALAYSIA	Iklan tender dijangka Mac 2024. Tempoh pembinaan 18 bulan selepas SST
PAHANG (LIPIS)	SK BENTA	JKR MALAYSIA	Iklan tender dijangka Sukuan ke-2 2024. Tempoh pembinaan 18 bulan selepas SST
TERENGGANU (KUALA TERENGGANU)	SK BANGGOL PERADONG	JKR MALAYSIA	Iklan tender dijangka Sukuan ke-2 2024. Tempoh pembinaan 18 bulan selepas SST
PERAK (HILIR PERAK)	SK PERWIRA	JKR MALAYSIA	Iklan tender dijangka Sukuan ke-3 2024. Tempoh Pembinaan 18 bulan selepas SST
PULAU PINANG (SEBERANG PERAI TENGAH)	SK MACHANG BUBOK	JKR MALAYSIA	Iklan tender dijangka Sukuan ke-3 2024. Tempoh Pembinaan 18 bulan selepas SST
KEDAH (BALING)	SMK JERAI	JKR MALAYSIA	Iklan tender dijangka Sukuan ke-3 2024. Tempoh Pembinaan 18 bulan selepas SST
SARAWAK (PADAWAN)	SK BERADEK	JKR SARAWAK	Peringkat mereka bentuk PPKB oleh JKR Sarawak.
SABAH (PITAS)	TANAH MILIK PEJABAT DAERAH PITAS	KERAJAAN NEGERI	Dalam proses melantik Perunding oleh SKN.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' KHLIR BIN MOHD NOR (KETEREH)

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan pelarasan pencen veteran ATM yang berpencen sebelum 1 Januari 2013 setelah isu ini di bawa ke mesyuarat Kabinet oleh Menteri Pertahanan yang lepas pada tahun 2023.

JAWAPAN

**YB DATO' SERI MOHAMED KHALED BIN NORDIN
MENTERI PERTAHANAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan kini sedang melaksanakan kajian penambahbaikan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang turut meliputi skim perkhidmatan ATM. Kajian ini dijangka akan dimuktamadkan dan dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada suku kedua tahun 2024.
2. Pada masa yang sama, Kementerian Pertahanan juga mengambil maklum terhadap tuntutan berkaitan penyelarasan pencen oleh sekumpulan Veteran ATM yang telah dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 5 Februari 2024 yang lepas. Jabatan Peguam Negara telah memfailkan rayuan berhubung kes ini pada 9 Februari 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL
RAHMAN [MUAR]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN :

SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab-sebab pembatalan 9 projek yang telah diluluskan di Parlimen Muar sebelum ini namun dibatalkan pada Disember 2023.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sembilan (9) projek yang dimaksudkan tidak pernah memperolehi sebarang kelulusan bagi tujuan pelaksanaan. Kesemua projek ini masih di fasa permohonan. Sehubungan dengan itu, adalah tidak tepat untuk mengatakan bahawa projek-projek ini dibatalkan.
2. Di bawah peruntukan Projek Mesra Rakyat (PMR) Parlimen Muar, sejumlah RM1,749,700.00 yang melibatkan 28 projek/sumbangan telah diluluskan sehingga 31 Disember 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
PERSIDANGAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL
TLDM (BERSARA) [LUMUT]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL TLDM (BERSARA) [LUMUT] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah rasionalnya membenarkan pendatang asing dengan izin (yang tidak membayar cukai) dan juga pelancong asing membeli barangan keperluan bersubsidi seperti gula, minyak masak dan beras pada harga subsidi yang dijual kepada rakyat Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam menjawab soalan ini, saya akan menumpukan kepada program subsidi yang terkait dengan kementerian ini, iaitu minyak masak paket bersubsidi. Seperti yang kita sedia maklum, gula tidak termasuk dalam program subsidi, manakala beras tempatan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Sejak Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) diperkenalkan pada tahun 2007, tiada larangan spesifik yang dikenakan terhadap jualan minyak masak paket bersubsidi kepada warga asing. Walaubagaimanapun, Kementerian melalui Arahan Pengawal Bekalan Berhubung Kawalan Penjualan Minyak Masak Bungkus Polibeg 1 Kilogram bertarikh 21 Julai 2022, telah menetapkan pembelian minyak masak paket bersubsidi kepada maksimum tiga (3) paket untuk setiap pelanggan. Langkah ini bertujuan untuk memastikan bekalan minyak masak paket bersubsidi mencukupi untuk kegunaan isi rumah penduduk Malaysia.

Kerajaan juga sedang menguatkuasakan semula polisi jualan subsidi minyak masak paket bersubsidi dengan pendekatan yang lebih berkesan. Mekanisme baharu sedang dikenal pasti untuk mengawal jualan minyak masak paket bersubsidi terutamanya di peringkat peruncitan, untuk memastikan aspek ketirisan dapat dikawal dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat Malaysia.

Antara usaha Kementerian termasuklah membangunkan aplikasi mudah alih dan sebahagian daripada inisiatif menaik taraf Sistem eCOSS untuk membantu kawalan jualan dan pembelian di peringkat akhir (peruncitan dan pengguna). Penambahbaikan ini akan membolehkan kawalan yang bersesuaian dan secara berkesan terhadap penjual dan pembeli peringkat akhir berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan.

Selain itu, pengedaran minyak masak paket bersubsidi juga sedang diperkemaskan untuk memastikan semua peruncit yang berdaftar dalam

sistem eCOSS boleh mendapatkan bekalan minyak masak paket bersubsidi yang mencukupi. Kementerian akan menetapkan pengedaran minyak masak paket bersubsidi di peringkat borong dan runcit agar pengedaran minyak masak paket bersubsidi dapat memenuhi keperluan penduduk setempat.

Selain langkah-langkah yang telah disebutkan ini, kementerian juga akan mengambil langkah kawalan tambahan seperti penetapan pengezonan atau 'zoning' bagi memastikan pengedaran minyak masak paket bersubsidi, terutamanya oleh syarikat pembungkus dan pemborong, lebih tertumpu kepada keperluan kawasan setempat. Dengan penggunaan 'zoning', pengedaran minyak masak dapat diperincikan mengikut kawasan geografi atau keperluan pasaran yang spesifik, memastikan bekalan minyak masak paket bersubsidi disalurkan dengan lebih efisien dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN
[LARUT]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN [LARUT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa banyak nama-nama yang disebut dalam Pandora Papers, 12 individu termasuk beberapa pemimpin dalam Kabinet Kerajaan Madani tidak disiasat, sebaliknya hanya memberi fokus kepada tokoh yang dilihat mesra kepada pembangkang.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertindak secara professional mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan dan bebas menjalankan siasatan tanpa sebarang campur tangan atau pengaruh daripada pihak luar. Tiada pilih kasih dalam menyiasat individu yang dikaitkan dalam *Pandora Papers*.

Dalam isu ini, kualiti maklumat dan dokumen yang diperolehi diutamakan untuk penyiasatan bagi tindakan pembuktian kes. Kesemua senarai nama yang dinyatakan di dalam *Pandora Papers* sedang dalam siasatan SPRM dimana terdapat siasatan yang tidak diketahui umum

Walau bagaimanapun SPRM tidak dapat mendedahkan butiran siasatan tersebut berdasarkan subseksyen 29(4) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia [*Akta 694*] yang menyatakan bahawa mana-mana siasatan tersebut hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana orang sehinggalah orang tertertuduh dipertuduh di mahkamah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH]

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan yang telah diambil bagi menentukan lebih ramai anggota-anggota ATM yang telah bersara dan yang masih berkhidmat dapat menunaikan haji yang merupakan rukun Islam yang kelima.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada pengagihan atau peruntukan kuota khusus kepada mana-mana agensi atau kumpulan tertentu dalam pemilihan bakal haji. Lembaga Tabung Haji (**TH**) mengamalkan sistem pendaftaran haji terbuka dan pemilihan berdasarkan konsep yang mendaftar dahulu didahulukan. Sistem pengiliran ini telah bermula sejak tahun 1995 lagi, iaitu setelah penetapan kuota rasmi setiap negara dikuatkuasakan sepenuhnya oleh Kerajaan Arab Saudi.
2. Melalui sistem pengiliran haji ini, pemilihan bakal haji untuk menunaikan fardhu haji adalah berdasarkan tarikh dan masa pendaftaran haji mereka. Tawaran untuk menunaikan haji ke Tanah Suci akan dibuat kepada mereka yang telah tiba giliran pada tahun semasa.
3. Dalam keadaan-keadaan tertentu jika ada kekosongan disebabkan ada bakal haji yang tiba giliran mereka tetapi telah menolak tawaran tunai haji, maka Tabung Haji akan mempertimbangkan untuk memberi tempat menunaikan haji kepada bakal haji rayuan terutamanya rayuan mahram dan rayuan dari golongan warga emas.
4. Tabung Haji pada masa kini sedang bekerjasama dengan ATM dan LTAT untuk memudahkan pembukaan akaun, pendaftaran potongan gaji dan pendaftaran haji melalui program Skim Penabungan Anak-anak ATM Rukun Kelima atau SPARK yang telah pun bermula pada tahun 2022 yang lalu. Ia antara usaha Tabung Haji untuk membantu anggota Tentera dan anak-anak mereka supaya menabung untuk menunaikan ibadah Haji.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN]

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perincian 1,000 unit Program Perumahan Rakyat (PPR) yang bakal dibekalkan kepada Pulau Pinang sebagaimana diumumkan baru-baru ini. Bila ia akan bermula dan adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan lagi pembekalan unit PPR di Pulau Pinang. Jika tidak, nyatakan sebabnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya terdapat empat (4) projek Program Perumahan Rakyat (PPR) yang telah siap dibina di negeri Pulau Pinang melibatkan sebanyak 999 unit. Keempat-empat PPR tersebut adalah:

- (i) PPR Jalan Thamby, Butterworth (PPR Taman Bagan Jaya) – 382 unit;
- (ii) PPR Kg. Tok Suboh, Seberang Perai Tengah – 231 unit;
- (iii) PPR Mak Mandin, Butterworth – 70 unit; dan
- (iv) PPR Lorong Selamat, Georgetown (PPR Taman Manggis) - 316 unit.

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), **Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan satu (1) projek PPR di Daerah Seberang Perai Utara iatu PPR Kepala Batas pada tahun 2022 dan satu (1) projek PPR di Daerah Timur Laut, Pulau Pinang iaitu PPR Kota Giam, Jelutong pada tahun 2023.** Cadangan komponen pembangunan kedua-dua projek PPR baharu ini adalah **melibatkan sebanyak 1,000 unit rumah** secara keseluruhan. Kedua-dua projek ini merupakan unit rumah pangsa berbilang tingkat dan merangkumi pelbagai kemudahan asas seperti dewan, surau, tadika, taska, kedai dan gerai.

Kedua-dua projek PPR ini akan dilaksanakan secara Tender Terbuka (Pra-Kelayakan) dan status pelaksanaan projek adalah melibatkan pelaksanaan Makmal Pengurusan Nilai (*Value Assesment*, VA) yang dijangka akan diadakan pada bulan April 2024. Penilaian VA kelak bakal

SOALAN NO: 47

menentukan skop sebenar projek berdasarkan kedudukan dan kesesuaian tapak sedia ada.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa terbuka untuk menerima cadangan permohonan pelaksanaan PPR baharu daripada pihak kerajaan negeri. KPKT akan mengemukakan permohonan pelaksanaan projek PPR baharu kepada Kementerian Ekonomi sekiranya tapak yang diserahkan oleh kerajaan negeri bagi cadangan projek ini telah selesai semua urusan hak milik, sama ada diberikan secara percuma atau pada kadar nominal kepada KPKT, mempunyai keadaan fizikal yang baik, lokasi yang strategik serta bebas daripada sebarang bebanan tapak (*free of encumbrances*). Namun, kelulusan pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada pertimbangan Kementerian Ekonomi dan juga keupayaan kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KAPTEN AZAHARI BIN HASAN
[PADANG RENGAS]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

KAPTEN AZAHARI BIN HASAN [PADANG RENGAS] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk menyelesaikan isu gangguan dan kelewatan waktu perjalanan perkhidmatan komuter Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) susulan projek menaik taraf sistem dan infrastruktur Landasan Berkembar Lembah Klang (KVDT) Fasa Satu dan Dua.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek KVDT Fasa 1 dan Fasa 2 dilaksanakan demi menambahbaik perkhidmatan pengangkutan rel kepada rakyat di masa akan datang dari segi kekerapan perkhidmatan, masa perjalanan dan keberkesanan. Dalam usaha ini, Kementerian senantiasa memastikan pelaksanaan projek ini berjalan lancar dan pada masa yang sama pengangkutan rel terus beroperasi demi memberi perkhidmatan kepada orang ramai.
2. Oleh yang demikian, penutupan sebahagian landasan yang dijadualkan secara berperingkat adalah perlu dilaksanakan selaras dengan perancangan kerja yang diluluskan.

NO. SOALAN: 48

3. Kementerian sentiasa memberi hebahan kepada penumpang susulan penjadualan semula tren disebabkan pelaksanaan projek ini.
4. Kementerian juga menyediakan perkhidmatan bas ke stesen yang berhampiran kepada penumpang keretapi bagi landasan yang ditutup untuk kerja-kerja naik taraf. Perkara ini perlu bagi memberi tempoh masa bekerja yang sesuai kepada kontraktor untuk menyiapkan kerja.
5. Selain itu, pemantauan berterusan juga dilaksanakan terhadap pelaksanaan projek bagi meminimakan gangguan kepada penjadualan tren.
6. Gangguan dan kelewatan waktu perjalanan yang dialami oleh penumpang adalah fenomena sementara sehingga jajaran keretapi laluan utama bagi projek KVDT1 yang berada dalam fasa terakhir disiapkan pada penghujung Mac 2024.
7. Apabila Projek KVDT1 ini siap, perjalanan dari Rawang ke KL Sentral dan KL Sentral ke Utara bagi sistem ETS akan bertambah baik dengan kekerapan tren dari 45 minit sebelum projek ini dilaksanakan kepada 30 minit mulai suku kedua 2024.
8. Bagi projek KVDT2 pula, kerja-kerja naik taraf sedang giat dilaksanakan dari Salak Selatan hingga Seremban yang dijangka siap hujung 2026. Manakala jajaran Simpang Pelabuhan Kelang bermula Jun 2025 hingga akhir tahun 2027.
9. Kementerian Pengangkutan akan terus memantau pelaksanaan projek ini bagi memastikan Kontraktor melaksanakan kerja-kerja pembinaan mengikut jadual kerja seperti dirancang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
PERSIDANGAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI
[BETONG]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah hasil tindakan MyCC terhadap syarikat yang dituduh membentuk kartel makanan ayam untuk menetapkan harga. Nyatakan usaha Kementerian untuk mengawal perkara ini agar tidak berulang lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, punca kuasa bagi Suruhanjaya Persaingan (MyCC) memulakan siasatan ke atas syarikat di bawah Akta 712 (Akta Persaingan 2010) adalah melalui empat (4) kaedah iaitu *ex officio* atau atas inisiatif MyCC sendiri, aduan yang diterima oleh MyCC, arahan yang dikeluarkan oleh YB Menteri, atau melalui rejim kelonggaran iaitu penerimaan maklumat dari yang terlibat dalam aktiviti antipersaingan. Ini selaras dengan Seksyen 14(1), Seksyen 15, Seksyen 14(2) dan Seksyen 41 masing-masing dalam Akta tersebut.

Bagi kes ini, MyCC telah memulakan penyiasatan terhadap perusahaan-perusahaan dalam pasaran ayam dan telur atas inisiatifnya sendiri. Ini berpunca dari hebahan media yang menerbitkan kenyataan para pengguna dan pemegang-pemegang taruh relevan termasuk kenyataan-kenyataan daripada kerajaan.

Untuk penyiasatan yang sama, MyCC telah menubuhkan pasukan khas yang mana ia telah berjaya menyelesaikan penyiasatan itu di mana selepas itu MyCC telah mengeluarkan keputusan akhir terhadap 5 syarikat pengeluar ayam kerana didapati melanggar Seksyen 4 Akta 712 melalui satu perjanjian antipersaingan atau kartel dalam pasaran makanan ayam dan penalti kewangan berjumlah RM415.5 juta telah dikenakan terhadap 5 syarikat tersebut. Mereka adalah-

- (i) Dinding Poultry Development Centre Sdn Bhd;
- (ii) FFM Berhad;
- (iii) Gold Coin Feedmill (Malaysia) Sdn Bhd;
- (iv) Leong Hup Feedmill Malaysia Sdn Bhd; dan
- (v) PK Agro-Industrial Products (M) Sdn Bhd.

Sebagai tambahan kepada penalti kewangan ini, MyCC juga telah mengeluarkan arahan-arahan lain untuk dipatuhi oleh syarikat- syarikat. Antara arahan-arahan yang diberikan adalah menghentikan sama sekali pembabitan mereka di dalam kartel itu dan memperbetulkan program pematuhan perundangan persaingan.

Kesemua syarikat pengeluar ayam itu memfailkan rayuan di peringkat Tribunal Rayuan Persaingan pada 9 Januari 2024. Justeru, MyCC telah menyusun strateginya untuk menghadapi rayuan itu dan keputusannya dijangka akan dikeluarkan pada tahun ini.

KPDN serta MyCC sedang menjalankan beberapa usaha untuk mengawal perkara yang sama dari berulang kembali. Kerajaan juga berpendapat usaha mengekang amalan antipersaingan ini mesti didokong bersama oleh rakyat terutamanya pengguna. Oleh itu, MyCC mengalu-alukan kerjasama dari orang ramai termasuk pemain-pemain industri yang menjadi mangsa aktiviti antikompetitif untuk menggunakan platform-platform aduan yang disediakan oleh MyCC untuk melaporkan sebarang perlakuan kartel. Di antara platform tersebut adalah seperti laman web MyCC iaitu www.mycc.gov.my, talian telefon MyCC atau pengadu boleh 'walk-in' ke pejabat MyCC untuk memfailkan aduannya.

Antara usaha konkrit lain yang diambil oleh MyCC dalam mengawal amalan kartel adalah MyCC akan meningkatkan usaha pemantauan berterusan harga dedak ayam, ayam dan telur. MyCC tidak akan teragak-agak menjalankan penyiasatan sekali lagi di bawah Akta Persaingan 2010 terhadap pemain dedak ayam atau ayam atau telur jika mereka dilaporkan menunjukkan tingkah laku berbentuk kartel.

Pada masa yang sama, MyCC bersama-sama dengan agensi-agensi lain seperti LHDN, SKMM, SSM dan sebagainya telah menjalinkan jaringan kerjasama dan penggabungan tenaga penguatkuasaan di semua peringkat untuk membanteras kartel secara strategik dan efektif di peringkat kebangsaan.

MyCC akan terus melaksanakan program advokasi untuk memberikan kesedaran kepada agensi-agensi kerajaan, persatuan dan pemain-pemain industri serta rakyat umum berkenaan kartel yang membelenggu setiap lapisan masyarakat demi menangani isu kos sara hidup. Di antara tahun 2011 dan 2023, MyCC telah melaksanakan lebih dari 350 program advokasi. Tahun ini, MyCC mensasarkan pelaksanaan sekurang-kurangnya 20 program advokasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI [SUNGAI PETANI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status siasatan Pandora Papers dan adakah laporan siasatan akan dibentangkan di Parlimen untuk dibahaskan.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kepada maklumat daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kesemua senarai nama yang dinyatakan di dalam *Pandora Papers* sedang dalam siasatan SPRM. Walau bagaimanapun, SPRM tidak dapat mendedahkan butiran siasatan tersebut. Satu pasukan khas juga telah ditubuhkan di mana dikoordinasikan oleh Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC) merangkumi Polis Diraja Malaysia (PDRM), SPRM, Bank Negara Malaysia (BNM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Labuan *Financial Services Authority* (FSA) yang bertujuan untuk menganalisa identiti nama-nama yang tersenarai dalam pendedahan *Pandora Papers* oleh *International Consortium Of Investigation Journalist* (ICIJ).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS (2024)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **PUAN WONG SHU QI [KLUANG]**
TARIKH : **27 FEBRUARI 2024 (SELASA)**

SOALAN

PUAN WONG SHU QI [KLUANG] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan rancangan MAMPU untuk meningkatkan keselamatan kesemua laman web dan pangkalan data agensi Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak kerajaan sentiasa memandang serius isu keselamatan dan kedaulatan data. Bagi meningkatkan **keselamatan laman web dan pangkalan data agensi kerajaan**, Kementerian Digital melalui Jabatan Digital Negara (JDN) (yang dahulunya dikenali sebagai MAMPU) sentiasa melaksanakan strategi kawalan keselamatan secara berkala dan berterusan berdasarkan Undang-undang, Akta, Piawaian Antarabangsa (International Standard), Pekeliling, Garis Panduan dan amalan terbaik (best practices) keselamatan maklumat.
2. Selaras dengan Strategi Keselamatan Siber Malaysia (MCSS) 2020-2024 yang merupakan inisiatif kerajaan untuk meningkatkan keselamatan siber negara, Kementerian melalui JDN akan sentiasa memastikan agensi kerajaan mengambil tindakan seperti:
 - a. **Memantapkan Tadbir Urus Keselamatan Siber** - elemen perlindungan keselamatan aset ICT agensi diambil kira dan dinilai sebelum sesuatu projek ICT diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA);

- b. **Melaksanakan Perlindungan Keselamatan Data** - menggunakan kaedah penyulitan data Sijil Digital Pelayan (Secure Socket Layer, SSL/Transport Layer Security, TLS) versi terkini iaitu protokol kriptografi melalui Perkhidmatan Prasarana Kunci Awam Kerajaan (The Government Public Key Infrastructure, MyGPKI);
- c. **Melaksanakan Pengesahan Pelbagai Faktor dan Kata Laluan yang Kukuh** - menetapkan kata laluan yang kukuh termasuk gabungan huruf besar, huruf kecil, nombor dan simbol serta mengaktifkan Pengesahan Pelbagai Faktor (Multi-Factor Authentication, MFA) untuk lapisan keselamatan tambahan;
- d. **Melaksanakan Sandaran Data** - menyalin data melalui sandaran dan pemulihan data (backup and restore) secara berkala bagi memastikan data dapat dipulihkan jika terjadi kehilangan atau kerosakan;
- e. **Melaksanakan Pengujian Keselamatan dan Pengukuhan** - menjalankan pengujian keselamatan (Security Posture Assessment, SPA) secara berkala berdasarkan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2009 Garis Panduan Penilaian Tahap Keselamatan Rangkaian dan Sistem ICT Sektor Awam (atau yang terkini) bagi memelihara prinsip CIA data iaitu Kerahsiaan (Confidentiality), Integriti (Integrity) dan Ketersediaan (Availability); dan
- f. **Melaksanakan Pensijilan Keselamatan** - audit keselamatan secara berkala ke atas laman web dan pangkalan data yang ditempatkan di Pusat Data Sektor Awam (PDSA) melalui pensijilan keselamatan seperti ISO/IEC 27001 *Information Security Management Systems* (ISMS), ISO 22301 *Business Continuity Management System* (BCMS) dan *Cloud Security Alliance* (CSA) bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan, pembudayaan keselamatan ICT, kesedaran amalan terbaik serta jaminan keselamatan daripada ancaman siber;

SOALAN NO : 52

3. Kementerian Digital melalui jaringan **kolaborasi strategik** JDN sentiasa bekerjasama rapat dan berterusan dengan **pelbagai agensi yang menguruskan keselamatan** seperti Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO), Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) dan CyberSecurity Malaysia (CSM) bagi mendapatkan panduan dan sokongan teknikal dalam memperkukuhkan keselamatan siber agensi kerajaan.

4. Melalui pelbagai inisiatif ini, Kementerian Digital melalui JDN berusaha untuk memastikan laman web dan pangkalan data agensi kerajaan sentiasa dilindungi daripada ancaman siber dan maklumat sensitif terpelihara dengan selamat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**
TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambahkan bilangan feri yang beroperasi di antara Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Seberang Perai kerana kemudahan feri yang ada sekarang menerima sambutan baik dan terdapat keperluan untuk menambahkan bilangan feri yang beroperasi terutamanya sewaktu masa puncak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perkhidmatan feri ulang alik antara Pangkalan Sultan Abdul Halim (Seberang Perai) dan Pangkalan Raja Tun Uda (George Town) telah menerima sambutan yang amat menggalakkan daripada orang awam. Buktinya, jumlah penumpang pejalan kaki pada 2023 telah mencatat peningkatan 60% berbanding tahun yang sebelumnya.
2. Untuk makluman Yang Berhormat jua, empat feri baharu telah mula beroperasi sejak 7 Ogos 2023 dengan kekerapan setiap 30 minit. Selain menawarkan persekitaran yang lebih selesa, masa perjalanan sehala

telah disingkatkan kepada 10 minit sahaja, berbanding perkhidmatan feri lama yang mengambil masa 20 minit.

3. Demi memudahkan para pengguna, kekerapan feri ditambah kepada setiap 20 minit semasa waktu puncak iaitu 7.00 pagi – 9.00 pagi dan 5.00 petang – 6.00 petang. Waktu perkhidmatan feri juga telah dilanjutkan sehingga 11:30 malam, mengambil kira keperluan pengguna dan ketersambungan dengan perkhidmatan pengangkutan awam yang sedia ada seperti perkhidmatan ETS di bawah KTMB.

4. Sambutan baik dan peningkatan trafik perkhidmatan feri telah mewujudkan keperluan untuk menambah jumlah feri beroperasi, terutamanya semasa waktu puncak. Namun begitu, kekangan utama yang dihadapi sekarang ialah hanya satu *berth* sahaja yang dapat digunakan di setiap terminal (iaitu Pangkalan Sultan Abdul Halim dan Pangkalan Raja Tun Uda).

5. Sehubungan dengan itu, Penang Port Sdn. Bhd. iaitu pihak operator perkhidmatan feri telah diminta untuk mempercepatkan proses pembinaan *berth* tambahan di kedua-dua terminal yang dijangka akan siap sebelum akhir 2025. Pembinaan *berth* tambahan ini akan membolehkan operasi dilaksanakan secara serentak tanpa perlu menunggu feri hadapan selesai proses naik dan turun penumpang.

7. Rancangan perolehan feri tambahan akan dilaksanakan selepas kerja-kerja pembinaan *berth* tambahan selesai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED
ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah usaha yang telah dilakukan dan perancangan Kementerian dalam menaik taraf perkhidmatan internet kawasan luar bandar di Parlimen Bukit Gantang terutama dalam Mukim Sungai Tinggi iaitu Kampung Permatang Raja, Kampung Matang Merbau, Kampung Ayer Terjun dan Kampung Batu Hampar. Seterusnya dalam Mukim Bukit Gantang iaitu Kampung Changkat Ibol, Kampung Cheh, Kampung Berchat, Kampung Kubu dan Kampung Pauh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), bagi Parlimen Bukit Gantang, khususnya di Mukim Sungai Tinggi dan Mukim Bukit Gantang, sebanyak enam daripada 14 buah menara baharu yang dirancang telah siap beroperasi dan kesemua 131 stesen pemancar sedia ada telah siap dinaik taraf. Bagi sambungan gentian optik pula, sebanyak 4,046 daripada 6,988 premis telah siap dilengkapi dengan sambungan gentian optik. Baki kesemua inisiatif yang dirancang akan siap dan beroperasi secara berperingkat pada penghujung tahun 2025.

SOALAN NO : 54

Kerajaan turut melaksanakan kaedah *Point of Presence* (PoP) hab gentian optik bagi meluaskan lagi pelaksanaan jalur lebar ke seluruh negara. Projek ini melibatkan penyediaan infrastruktur gentian optik berhampiran sekolah dan dapat dinikmati oleh premis kediaman, premis industri serta premis perniagaan yang terletak di sekitar sekolah tersebut.

Bagi negeri Perak, sehingga 15 Februari 2024, kesemua 58 PoP di bawah Fasa 1 dan 40 PoP daripada 452 PoP di bawah Fasa 2 telah berjaya disiapkan menjadikan 11,424 premis telah tersedia dengan sambungan gentian optik untuk dilanggan oleh komuniti setempat. Daripada jumlah tersebut, 29 PoP di bawah Fasa 2 akan dibina di Parlimen Bukit Gantang dan dijadualkan siap sepenuhnya menjelang tahun 2025.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) komited dalam mengenal pasti keperluan dan penambahbaikan perkhidmatan di seluruh negara termasuk di kawasan-kawasan di Parlimen Bukit Gantang seperti yang dinyatakan. Berkenaan dengan lokasi-lokasi yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat, MCMC amat menghargai sekiranya maklumat terperinci dapat disalurkan. MCMC juga bersedia untuk turun ke lapangan bersama pihak Ahli Yang Berhormat untuk mendapatkan maklumat dan menjalankan tindakan yang sewajarnya.

Sungguhpun begitu, orang ramai juga boleh secara terus mengemukakan maklum balas dan aduan kepada pihak pemberi perkhidmatan untuk sebarang masalah berkenaan telekomunikasi dan internet. Orang ramai juga boleh membuat aduan secara terus kepada di portal aduan MCMC di alamat <https://aduan.mcmc.gov.my>.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
PERSIDANGAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LO SU FUI [TAWAU]
TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)**

SOALAN

TUAN LO SU FUI [TAWAU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan hasrat dan program jangka masa panjang untuk menyelaraskan "Satu Harga MADANI" bagi memastikan harga barang di Sabah dan Sarawak selaras dengan Semenanjung Malaysia sekaligus dapat mengurangkan kos sara hidup berganda yang dihadapi oleh rakyat Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia secara amnya mengadaptasi sistem pasaran bebas (*free market economy*) di mana secara amnya harga barangan dipengaruhi oleh penawaran dan permintaan tanpa intervensi Kerajaan. Walau bagaimanapun, kita melaksanakan sistem *hybrid* di mana ada barang-barang tertentu dikawal harganya samada melalui subsidi mahupun tidak. Ini dilaksanakan terhadap beberapa barangan asas utama di mana jika tidak dikawal harganya akan mempengaruhi barang-barang yang dihasilkan darinya termasuk kos buatan dan kos pengangkutan terutama makanan bermasak.

Terkini, bagi memastikan penstabilan harga barang di seluruh negara, Kerajaan telah menubuhkan suatu **Jawatankuasa Penstabilan Harga di Sabah, Sarawak, dan Wilayah Persekutuan Labuan**. Jawatankuasa ini berperanan untuk meneliti isu, cabaran serta melaksanakan kajian berhubung masalah harga barangan dan perkhidmatan di Sabah, Sarawak dan Labuan. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab dalam merangka strategi dan mekanisme dalam penstabilan harga yang lebih mampan di wilayah berkenaan dengan **kerjasama Kerajaan Negeri**

Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) juga telah melaksanakan **dua program** sebagai sebahagian daripada langkah intervensi dan mitigasi untuk menangani isu perbezaan besar harga barang-barang asas di kawasan-kawasan pedalaman berbanding kawasan-kawasan lain terutamanya bagi Sabah dan Sarawak agar selari dengan harga yang dinikmati oleh rakyat di Semenanjung.

Program yang pertama ialah Program Penyeragaman Harga Sabah, Sarawak dan Labuan (PPHSSL) yang tertumpu kepada penyeragaman harga bagi gula dan minyak masak paket bersubsidi di antara Semenanjung dan Sabah, Sarawak dan Labuan. Melalui program ini:

- (i) Kerajaan menampung kos pengangkutan gula serta kos pengeluaran minyak masak paket bersubsidi yang melibatkan kos pengangkutan; dan
- (ii) kos pengeluaran termasuk kos pembungkusan yang dibawa dari Semenanjung. Untuk tahun 2024, peruntukan yang disediakan adalah sebanyak RM40 juta.

Program yang kedua ialah **Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan Community Drumming** atau dikenali sebagai Program Penyeragaman Harga yang telah dilaksanakan sejak **15 tahun** yang lalu bermula tahun **2009** di mana Kerajaan telah membelanjakan sebanyak **RM 2.9 billion**. Bagi tahun 2024, sejumlah **RM225 juta** telah diperuntukkan oleh Kerajaan bagi pelaksanaan program ini.

Objektif program ini adalah menjadi sebahagian daripada mekanisme Kerajaan untuk menangani isu perbezaan besar harga barang-barang asas dengan kawalan harga di kawasan-kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak berbanding kawasan-kawasan lain.

Program ini dilaksanakan bagi menanggung kos pengangkutan membawa tujuh (7) barangan bersubsidi/kawalan iaitu beras, gula, tepung gandum, minyak masak, LPG, Petrol RON95, dan Diesel dari pembekal ke kawasan-kawasan pedalaman **di enam (6) negeri** iaitu **Sabah, Sarawak, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang** supaya

penduduk kawasan pedalaman boleh membeli tujuh barangan tersebut dengan harga kawalan yang sama seperti harga di bandar atau pekan terdekat.

Di Sarawak, program ini melibatkan **116 zon meliputi 573 kawasan pengedaran dan 944 buah Point of Sales (POS)**. Sementara di Sabah pula, program ini telah melibatkan **69 zon meliputi 217 kawasan pengedaran dan 654 buah Point of Sales (POS)**.

Bagi Parlimen Tawau, terdapat dua zon yang terlibat iaitu **Zon Balung dan Zon Apas** meliputi **6 kawasan pengedaran** antaranya termasuklah **Kg. Pantai Mas Mas dan Sungai Burung di Balung serta Apas Parit dan Wakuba di Apas** membabitkan skop projek LPG serta Petrol RON95 dan Diesel di **12 buah POS**.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya mengawal harga bagi tujuh barangan tersebut di kawasan terlibat. Sebagai contoh, harga Petrol RON95 dan Diesel di Zon Balung dijual pada harga RM 5.00/liter berbanding harga pasaran RM 2.05/liter dan RM2.15/liter melibatkan kadar perbezaan harga di antara **24 peratus** sehingga hampir **144 peratus**. Sejak program ini dilaksanakan, ia telah memberi manfaat kepada **1.07 juta orang** penduduk Sabah dan Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bila persempadanan semula kawasan pilihan raya Sarawak akan dimulakan. Berapa kawasan pilihan raya akan ditambahkan bagi kawasan dewan undangan negeri dan kawasan Parlimen.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Yang di-Pertua,

1. Urusan kajian semula persempadanan terhadap bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada, hanya boleh dilaksanakan selepas tamat lat tempoh 8 tahun atau terdapat pindaan undang-undang ke atas komposisi bilangan keanggotaan Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri.
2. Bagi maksud tersebut, lat tempoh 8 tahun bagi kajian semula persempadanan **Negeri Sarawak telah berakhir pada tahun 2023** dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang mempertimbang dan meneliti kesesuaian untuk melaksanakan urusan tersebut.
3. Sesuatu syor kajian semula persempadanan hanya akan dimulakan apabila terdapat pemberitahuan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan YAB Perdana Menteri oleh SPR serta disiarkan suatu notis sebagaimana yang diperuntukkan dibawah Bahagian II, Seksyen 4, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.
4. SPR menjalankan urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan dan negeri berlandaskan kepada prinsip-prinsip dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta menurut bidang kuasa SPR yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan.
5. Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, prinsip-prinsip persempadanan yang dipegang oleh SPR adalah seperti berikut:

- i. **Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih keluar mengundi** semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;
- ii. Mengambil kira **kemudahan pentadbiran** yang boleh didapati dalam bahagian pilihanraya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- iii. Jumlah pemilih yang lebih kurang sama banyak bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesebuah Negeri **kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan**; dan
- iv. **Mengekalkan hubungan masyarakat tempatan**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL
RAHMAN [MUAR]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen Kerajaan dalam reformasi institusi yang dijanjikan sebelum ini seperti meletakkan SPRM di bawah bidang kuasa Parlimen, pemansuhan Akta Hasutan dan SOSMA.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan MADANI dibawah pimpinan YAB Perdana Menteri ke -10 sentiasa komited dan bersedia untuk melaksanakan reformasi institusi yang menyeluruh demi kemajuan negara. Perkara ini adalah selaras dengan prinsip kedua dalam Teras Strategik Malaysia MADANI iaitu menjamin kesejahteraan insan ditunjangi prinsip adil dan ihsan yang menjiwai hasrat tersebut.
2. Kerajaan MADANI telah melaksanakan pelbagai langkah penambahbaikan yang berterusan termasuk melalui pindaan kepada perundangan sedia ada antaranya seperti berikut;

- (a) Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 [*Akta 846*] bagi memansuhkan hukuman mati mandatori dan menggantikannya dengan hukuman alternatif;
- (b) penggubalan Akta Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023 [*Akta 847*] untuk memperuntukkan kuasa semakan semula bagi hukuman yang dijatuhkan kepada 1,020 banduan akhir dan sepanjang hayat;
- (c) pindaan kepada Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kana-Kanak 2017 [*Akta 792*] dan Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 [*Akta 676*] bagi menambah baik perlindungan terhadap kanak-kanak;
- (d) pindaan berkenaan kesalahan menghendap di bawah Kanun Keseksaan [*Akta 574*] dan Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*]; dan
- (e) pemansuhan seksyen 309 Kanun Keseksaan bagi menyahjenayakan cubaan membunuh diri.

3. Pada masa yang sama, Kerajaan MADANI menerusi inisiatif reformasi institusi turut mengangkat prinsip ketelusan pentadbiran menerusi perbahasan Laporan Tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 2020 dan Laporan Ketua Audit Negara 2021 Siri 2 di Dewan Rakyat. Selain turut memberi penekanan agar teguran yang dikemukakan dalam Laporan Ketua Audit Negara diambil tindakan sewajarnya oleh Agensi/Kementerian berkaitan.

4. Mendapani tahun baharu 2024, Kerajaan MADANI akan terus mengorak langkah kearah reformasi secara holistik termasuk pindaan kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan penggubalan Rang Undang-Undang Baharu Berkaitan Kemudaran Jenayah dalam Talian dengan melibatkan kerjasama utuh rentas Kementerian/Agensi

bagi memastikan penambahbaikan yang direncana dapat dimanfaatkan oleh segenap lapisan masyarakat.

5. Untuk makluman Yang Berhormat, berkenaan dengan perkara meletakkan SPRM di bawah bidang kuasa Parlimen, Kerajaan MADANI juga amat terbuka akan pandangan dan saranan yang disuarakan daripada pelbagai pihak termasuk Yang Berhormat bagi meningkatkan keberkesanan Suruhanjaya Pecegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Dalam penunaian fungsinya, SPRM tetap utuh kepada dua asas utama iaitu prinsip pengasingan kuasa (*separation of powers*) dan keluhuran undang-undang (*rule of law*). Selaras dengan prinsip di atas, SPRM adalah bebas dalam menjalankan tugas-tugas tanpa sebarang campur tangan dari mana-mana pihak.

6. Cadangan untuk meletakkan SPRM di bawah seliaan Parlimen memerlukan kajian dan penelitian yang menyeluruh agar selari dan tidak bercanggah dengan konsep pengasingan kuasa legislatif dan eksekutif dalam sistem pentadbiran negara. SPRM selaku badan pelaksana eksekutif perlu dilihat bebas agar berupaya menunaikan fungsinya dengan telus, tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

7. Berkenaan cadangan penambahbaikan kepada Akta Hasutan 1948 [Akta 15] dan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 [Akta 747] berada dalam seliaan Kementerian Dalam Negeri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : **27 FEBRUARI 2024 (SELASA)**

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bila projek *Light Railway Transit* atau Kereta api Transit Ringan di Pulau Pinang dijangka bermula dan sempurna disiapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek LRT Laluan Mutiara Pulau Pinang sedang dalam proses perancangan dan dijangka akan dimulakan pada tahun 2024 dan akan mengambil masa 6 tahun untuk disiapkan. Keseluruhan jajaran akan dijangka beroperasi sepenuhnya pada tahun 2030.
2. Pada masa kini, perincian projek ini dalam penilaian dan penelitian antara Kementerian Pengangkutan (MOT) dengan kerajaan negeri dengan mengambil kira maklumbalas yang diterima selepas pembentangan kepada Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 24 Januari 2024 yang lalu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN
[MERBOK]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN [MERBOK] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang menambah bilangan projek PPR dan RMR dalam Parlimen Merbok kerana hanya ada satu sahaja iaitu PPR Amanjaya dengan hanya 208 unit, begitu juga dengan RMR hanya sebanyak 267 unit yang telah siap.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya terdapat sebanyak **sepuluh (10) projek Program Perumahan Rakyat (PPR) yang telah siap dibina di negeri Kedah** dengan **jumlah keseluruhan unit yang telah siap dibina adalah sebanyak 4,910 unit**. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), *Rolling Plan* Ketiga (RP3), Kerajaan telah meluluskan satu (1) projek PPR di negeri Kedah. Buat masa ini, pihak Kerajaan Negeri Kedah dalam proses mengenal pasti cadangan tapak yang bersesuaian.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa terbuka untuk menerima cadangan permohonan pelaksanaan PPR

SOALAN NO : 59

baharu daripada pihak kerajaan negeri. Dalam hubungan ini, tapak yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri perlulah terletak di lokasi yang sesuai dan strategik, telah selesai semua urusan hak milik, sama ada diberikan secara percuma atau pada kadar nominal kepada KPKT, mempunyai keadaan fizikal yang baik serta bebas daripada sebarang bebanan tapak (*free of encumbrances*). Tertakluk kepada hasil penilaian tapak cadangan tersebut, KPKT akan mengemukakan permohonan pelaksanaan projek PPR baharu kepada Kementerian Ekonomi dan kelulusan pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada pertimbangan pihak Kementerian Ekonomi dan juga keupayaan kewangan Kerajaan.

Selain daripada projek PPR, KPKT melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) turut melaksanakan Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang merupakan program perumahan bagi golongan berpendapatan rendah (B40) dengan pendapatan bulanan isi rumah RM5,000 ke bawah. Melalui program ini, pembinaan rumah akan dilaksanakan di atas tanah sendiri atau tanah milik ahli keluarga yang diberi kebenaran berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan dan terbuka kepada semua warganegara Malaysia tanpa mengira kaum. Sasaran pelaksanaan RMR di setiap negeri adalah berdasarkan kepada peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan. Sementara itu, pelaksanaan RMR di satu-satu kawasan adalah berdasarkan kepada permohonan, giliran permohonan serta tertakluk kepada sasaran yang telah diluluskan.

Sehingga **31 Januari 2024**, sejumlah 63,761 unit RMR telah siap dibina, 1,501 unit sedang dalam pembinaan dan 496 unit telah diluluskan untuk pembinaan di seluruh negara. Bagi negeri Kedah, sebanyak 6,492 unit telah siap dibina dan 87 unit dalam pembinaan. Bagi kawasan **Parlimen Merbok, sebanyak 282 unit telah siap dibina dan satu (1) unit dalam pembinaan.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa kes-kes kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 yang telah berlaku lebih 40 tahun lalu baru sekarang disiasat dan dituduh di Mahkamah. Adakah ini bukti nyata kegagalan SPRM sebelum ini bertindak secara bebas di bawah Kerajaan-Kerajaan yang lalu.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, dengan izin *no limitation period* untuk menjalankan siasatan kes-kes jenayah walaupun sesuatu kes tersebut telah lama berlaku. Begitu juga kes-kes melibatkan jenayah rasuah yang mana Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mempunyai tugas perundangan untuk menyiasat sesuatu perkara berdasarkan kepada apa-apa aduan dan keterangan yang diterima berhubung dengan kesalahan rasuah secara bebas dan profesional tanpa melihat kepada tempoh kesalahan berkenaan.

2. SPRM sentiasa berpegang kepada kehendak dan tanggungjawab untuk membuat siasatan terhadap mana-mana isu khususnya isu penyelewengan dan kehilangan wang rakyat walaupun kesalahan telah lama berlaku tidak mengira kaum, bangsa dan agama. SPRM sentiasa berusaha dalam mengembalikan wang tersebut kepada negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
[BELURAN]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [BELURAN] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan peranan yang telah dimainkan oleh negara kita dalam menyokong desakan komuniti antarabangsa mengheret isu genosid Israel ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

JAWAPAN

**YB DATO' SERI UTAMA HAJI MOHAMAD BIN HAJI HASAN
MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Beluran** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sepertimana yang telah dijelaskan kepada Dewan yang mulia ini, Malaysia kekal dengan pendekatan berprinsip iaitu menyokong pengembalian hak mutlak bebas kepada rakyat Palestin daripada pendudukan haram Israel, pengembalian hak tanah yang telah dirampas dan hak pembentukan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat berdasarkan garis sempadan pra-1967, dengan Baitul Maqdis Timur sebagai ibu negara dan diterima sebagai anggota penuh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

3. Pendirian Malaysia ini bukan sahaja bermula pada 7 Oktober 2023 tetapi ia bertitik tolak kepada perjuangan Palestin yang ditindas oleh rejim Israel sejak 75 tahun yang lalu. Malaysia akan terus lantang dalam menyuarakan enam tuntutan utama iaitu:

- i. Gencatan senjata serta-merta dan bantuan kemanusiaan segera;
- ii. Menghentikan aktiviti penempatan oleh Israel dan tindakan keganasan penduduk haram (atau dengan izin, *settler*);
- iii. Menghentikan serta-merta pemindahan orang awam Palestin secara paksa;
- iv. Siasatan ke atas semua pelanggaran undang-undang antarabangsa melalui institusi perundangan antarabangsa;
- v. Menyokong Inisiatif Keamanan Arab dan rundingan Penyelesaian Dua Negara berdasarkan garis sempadan pra-1967; dan
- vi. Memerangi peningkatan global dalam Islamofobia.

4. Jelas terlihat bahawa Malaysia sentiasa konsisten dalam tindakan memperjuangkan hak-hak asasi Palestin termasuk mengeluarkan kenyataan dalam mesyuarat-mesyuarat dua hala dan pelbagai hala seperti di PBB, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dan mana-mana platform dua hala dan pelbagai hala (atau dengan izin, *multilateral*) bagi memperjuangkan isu Palestin.

5. Baru-baru ini, Kementerian Luar Negeri (KLN) yang diketuai oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri bersama-sama dengan Ahli Parlimen Ledang, Sik, Kalabakan dan Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Md. Ramli telah menjejakkan kaki di bumi Rafah bagi memperlihatkan kepada dunia sokongan Malaysia kepada Palestin dan menzahirkan komitmen berterusan negara dalam menghulurkan bantuan kemanusiaan berterusan tanpa henti kepada Palestin.

Tuan Yang di-Pertua,

Peranan Malaysia Dalam Memperjuangkan Hak Rakyat Palestin di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (*International Court of Justice – ICJ*)

6. Malaysia juga dengan lantang menggesa masyarakat antarabangsa untuk mengheret Israel ke muka pengadilan atas kekejaman dan tindakan tidak berperikemanusiaan tentera Israel ke atas rakyat Palestin terutama sekali wanita dan kanak-kanak. Atas prinsip ini, Malaysia memberikan sokongan penuh kepada usaha Afrika Selatan untuk mengheret Israel ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 29 Disember 2023, berhubung pencabulan Israel terhadap kewajipannya di bawah Konvensyen Genosid 1948.

7. Gesaan Malaysia untuk membawa Israel ke muka pengadilan disuarakan di platform-platform antarabangsa terutama sekali di Sidang Kemuncak Tergempar OIC di Riyadh (11 November 2023); Majlis Hak Asasi Manusia di Geneva (12 Disember 2023); Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (*Non-Aligned Movement – NAM*) Ke-19 di Kampala, Uganda (19 -20 Januari 2024); *Third South Summit* di Kampala, Uganda (21-22 Januari 2024); Majlis Keselamatan PBB di New

SOALAN NO.: 61

York (23 Januari 2024); dan Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN-Kesatuan Eropah Ke-24 dan Forum Menteri Indo-Pasifik Kesatuan Eropah Ke-3 di Brussels (2 Februari 2024).

8. Selain itu, Malaysia juga terlibat aktif dalam prosiding bagi mendapatkan Pendapat Nasihat ICJ berkaitan Kesan Perundangan yang timbul daripada Dasar dan Amalan Israel di Wilayah Pendudukan Palestin, termasuk Baitul Maqdis Timur. Prosiding bagi mendapatkan Pendapat Nasihat ICJ ini adalah terhasil daripada Resolusi 77/247 Perhimpunan Agung PBB yang telah diterima pakai pada 30 Disember 2022, dan ditaja bersama oleh Malaysia.

9. Malaysia telah mengambil bahagian dalam prosiding Pendapat Nasihat ini dengan mengemukakan Kenyataan Bertulis yang telah diserahkan kepada Pendaftar ICJ pada 25 Julai 2023 yang lalu. Antara perkara yang dinyatakan dalam Kenyataan Bertulis Malaysia adalah hujahan berkaitan dasar dan tindakan Israel, termasuklah Pendudukan (*occupation*) berterusan, aktiviti penempatan (*settlement*) dan pengilhakan (*annexation*) di dalam Wilayah Pendudukan Palestin, yang melanggar hak rakyat Palestin untuk penentuan nasib sendiri (*self-determination*). Kenyataan tersebut juga menegaskan bahawa tindakan Pendudukan Israel di Wilayah Pendudukan Palestin adalah haram dan bertentangan dengan undang-undang antarabangsa.

10. Susulan daripada itu, Malaysia juga telah menyertai sesi Pendengaran Awam yang berlangsung dari 19 hingga 26 Februari 2024 di Peace Palace, The Hague. Menteri Luar Negeri, YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, telah membentangkan Kenyataan Lisan Malaysia di Sesi Pendengaran Awam tersebut pada 22 Februari 2024. Kenyataan Lisan tersebut merupakan kesinambungan daripada hujahan yang telah dikemukakan dalam Kenyataan Bertulis Malaysia.

11. Kenyataan Lisan Malaysia, antara lain, menekankan bahawa setiap dasar dan tindakan Israel, termasuklah pembinaan tembok di Wilayah Pendudukan Palestin, pembinaan penempatan, pemusnahan tempat tinggal, pemindahan semula secara paksa dan kawalan ke atas sumber alam, telah melanggar hak penentuan nasib sendiri rakyat Palestin di bawah undang-undang antarabangsa.

12. Selain itu, Malaysia menegaskan bahawa Pendudukan Israel tersebut adalah haram dan menggesa Israel untuk serta-merta menghentikan segala polisi dan tindakan mereka yang melanggar undang-undang antarabangsa, serta menarik diri dari Wilayah Pendudukan Palestin, termasuk Baitul Maqdis Timur.

13. Malaysia turut menggesa semua negara untuk bekerjasama dalam menoktahkan pelanggaran undang-undang berterusan oleh Israel dan menekankan kewajipan PBB untuk terus melaksanakan tanggungjawabnya terhadap isu Palestin.

14. Penyertaan dalam prosiding bagi mendapatkan Pendapat Nasihat ICJ ini adalah penting bagi Malaysia untuk berganding bahu bersama-sama negara sepemikiran dalam mempertahankan hak kemanusiaan Palestin, di samping memperjuangkan supaya Palestin mendapat Negara yang merdeka dan berdaulat, berdasarkan sempadan pra-1967, dengan Baitul Maqdis Timur sebagai ibu negara Palestin.

Usaha Malaysia membantu Negara Palestin menjadi Anggota Penuh PBB

15. Malaysia sejak sekian lama telah menyokong penubuhan Negara Palestin yang bebas dan merdeka, serta menyokong hasrat Palestin untuk menjadi Negara Anggota PBB. Baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri semasa menyampaikan Kenyataan Negara di Majlis Keselamatan PBB mengenai Situasi di Timur Tengah termasuk Isu Palestin, pada 23 Januari 2024, telah menggesa Majlis Keselamatan PBB untuk menerima Palestin sebagai Negara Anggota Penuh PBB.

16. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah secara konsisten menyampaikan pendirian Malaysia yang jelas ini di setiap pertemuan dua hala dengan pemimpin-pemimpin dunia lain, dan menekankan kepentingan bagi negara-negara kuasa besar untuk memberikan kepimpinan politik serta moral dalam mencari jalan penyelesaian kepada konflik Palestin.

SOALAN NO.: 61

17. Pada 17 Januari 2024, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan Kempen Kiriman Poskad Khas kepada Setiausaha Agung PBB sebagai tanda simbolik solidariti rakyat Malaysia bagi menyuarakan aspirasi rakyat Malaysia menuntut keadilan dan keamanan di Palestin. Lanjutan itu, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri juga telah menyerahkan koleksi poskad yang ditandatangani oleh barisan Jemaah Menteri kepada Setiausaha Agung PBB, TYT António Guterres, yang menggesa Palestin diterima sebagai Negara Anggota Penuh PBB.

18. Malaysia percaya penerimaan Palestin sebagai anggota penuh akan membantu mencapai solusi jangka panjang, dan mewujudkan sebuah Negara Palestin yang aman, bebas dan merdeka, berdasarkan persempadanan pra-1967, dengan Baitul Maqdis Timur sebagai Ibu Negara.

Agensi Bantuan dan Kerja untuk Pelarian Palestin di Asia Barat (*United Nations Relief and Works Agency for Palestine Refugees in the Near East* (UNRWA))

19. Malaysia menyokong penuh usaha-usaha yang dilakukan oleh Agensi Bantuan dan Kerja untuk Pelarian Palestin di Asia Barat (atau dengan izin, *United Nations Relief and Works Agency for Palestine Refugees in the Near East* - UNRWA). Malaysia merupakan antara negara penyumbang kepada UNRWA sejak tahun 1978.

20. Dalam hal ini, Malaysia berasa amat kesal dengan tindakan beberapa negara yang menggantung pembiayaan kepada UNRWA, ekoran tuduhan rejim Israel bahawa sebilangan kakitangan UNRWA yang dikatakan bersubahat dengan Hamas dan terlibat dengan insiden 7 Oktober 2023.

21. Malaysia berasa sangsi dengan niat rejim Israel memandangkan tuduhan ini dibuat sebaik sahaja ICJ mengarahkan Israel untuk mengambil langkah segera (atau dengan izin, *provisional measures*) bagi menghentikan sebarang serangan berbentuk genosid ke atas Gaza pada 26 Januari 2024.

SOALAN NO.: 61

22. Tindakan penggantungan pembiayaan kepada UNRWA tanpa siasatan menyeluruh akan hanya memburukkan lagi bencana kemanusiaan yang sedang dihadapi oleh rakyat Palestin di Gaza.

23. Sehubungan dengan itu, Malaysia mengalu-alukan tindakan segera Setiausaha Agung PBB untuk memulakan siasatan dalaman melalui *United Nations Office of Internal Oversight Services* (OIOS). Laporan pertama OIOS dijangka akan dikeluarkan pada akhir bulan Februari 2024. Malaysia menggesa negara-negara yang telah menggantung pembiayaan kepada UNRWA untuk meneruskan semula pembiayaan mereka sebagai tanggungjawab moral ke atas rakyat Palestin di Gaza.

Peranan yang dimainkan oleh Malaysia sebagai Anggota Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHRC) dalam isu genosid di Gaza dan pengukuhan dasar solidariti Palestin

24. Malaysia terus memberikan sokongan padu dan berterusan kepada Mekanisme-mekanisme di bawah Majlis Hak Asasi Manusia (MHAM) seperti Suruhanjaya Siasatan (atau dengan izin, *Commission of Inquiry*) yang mempunyai mandat khusus untuk mengheret Israel ke muka pengadilan antarabangsa. Malah, Malaysia merupakan antara Negara yang lantang menyokong penubuhan Suruhanjaya Siasatan tersebut, dan memastikan PBB memperuntukkan sumber kewangan dan tenaga kerja yang mencukupi bagi memastikan Suruhanjaya tersebut dapat melaksanakan mandatnya dengan berkesan.

25. Selain itu, Malaysia sentiasa menggesa Pesuruhjaya Tinggi bagi Hak Asasi Manusia untuk merekod segala penindasan dan pencabulan hak asasi rakyat Palestin oleh Israel, untuk tindakan Undang-undang Antarabangsa.

26. Malaysia juga meneraju Resolusi-resolusi di Majlis Hak Asasi Manusia berkaitan Palestin bersama-sama Negara-negara ahli OIC. Resolusi-resolusi tersebut ialah *Human rights situation in the Occupied Palestinian Territory, including East Jerusalem, and the obligation to ensure accountability and justice; Right of the Palestinian people to self-determination; dan Israeli settlements in the Occupied Palestinian Territory, including East Jerusalem, and in the occupied Syrian Golan.*

27. Malaysia bersama-sama dengan Koordinator OIC akan melobi Negara-negara Anggota Majlis Hak Asasi Manusia memperakukan Resolusi-resolusi tersebut melalui undian.

28. Malaysia memastikan Resolusi-resolusi tersebut terus menekankan hak mutlak bebas kepada rakyat Palestin daripada pendudukan haram Israel, pengembalian hak tanah yang telah dirampas dan hak pembentukan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat berdasarkan garis sempadan pra-1967, dengan Baitul Maqdis Timur sebagai Ibu Negara. Resolusi-resolusi tersebut juga menggesa masyarakat antarabangsa berusaha untuk mengheret Israel ke muka pengadilan antarabangsa.

29. Malaysia juga telah menyertai usaha Palestin untuk mengadakan, dengan izin, *Conference of High Contracting Parties of the Fourth Geneva Convention* bagi membolehkan tindakan undang-undang tegas diambil ke atas Israel yang melanggar peruntukan-peruntukan di bawah Konvensyen tersebut. Setakat ini, 68 buah Negara telah memberikan sokongan untuk mengadakan Persidangan ini. Dalam usaha membantu Palestin, Malaysia secara aktif melobi Negara-negara yang masih belum memberikan sokongan kepada pengajutan Persidangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Bantuan Kemanusiaan untuk Rakyat Palestin

30. Malaysia sentiasa komited dalam menyampaikan bantuan kemanusiaan bagi membantu rakyat Palestin. Ingin ditekankan bahawa sumbangan dan bantuan daripada Malaysia ini disalurkan dengan pelbagai cara dan berjaya dilaksanakan dengan keprihatinan rakyat Malaysia yang menyalurkan sumbangan melalui Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin (AAKRP). Sejak tahun 2002, Wisma Putra mengendalikan AAKRP yang ditubuhkan di bawah subseksyen 9(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

31. Sejumlah 100 tan bantuan kemanusiaan dihantar ke Gaza dengan penerbangan kargo pada bulan November dan Disember 2023 melalui pintu lintasan Rafah-Gaza. Barangan yang dihantar merangkumi ubat-

SOALAN NO.: 61

ubatan, peralatan perubatan, makanan, keperluan bayi dan wanita serta bekalan musim sejuk (selimut, khemah dan pakaian). Proses kemasukan barangan ini dipermudahkan di atas kerjasama baik antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Mesir serta kerjasama erat Malaysia menerusi Ops Ihsan dan Persatuan Bulan Sabit Merah Mesir (ERC) selaku Agensi Pelaksana Tunggal bagi menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada penduduk Gaza. Ops Ihsan adalah kolaborasi unik merentasi agensi Kerajaan bersama gabungan lebih kurang 50 Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang digerakkan susulan konflik Palestin-Israel yang tercetus sejak 7 Oktober 2023. Kolaborasi ini dibuat bagi mengatur gerak kerja antara KLN dengan beberapa NGO tempatan, sebagai inisiatif bersama dalam memastikan gerak atur proses bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin di Gaza menjadi lebih tersusun dan efektif di bawah seliaan KLN. Ops Ihsan ini diterajui oleh KLN dan dianggotai oleh NGO-NGO seperti *Malaysian Humanitarian Relief (MAHAR)*, Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM), *RED A*, *BeVital*, *Global Peace Mission (GPM)* dan lain-lain.

32. Selain itu, Malaysia turut memberikan sumbangan dana kepada organ-organ PBB dan lain-lain agensi bagi kelangsungan hidup rakyat Palestin yang terdesak. Jawatankuasa AAKRP telah menimbang dan meluluskan 13 aktiviti melibatkan dana sebanyak **RM43,004,443.10**. Ia melibatkan kaedah dan pendekatan penyaluran dana berikut:

- 32.1. Pertubuhan Antarabangsa/Serantau seperti *The United Nations Relief and Works Agency for Palestine Refugees in the Near East (UNRWA)* dan *Office for the Coordination of Humanitarian Affairs (OCHA)*;
- 32.2. Kementerian/Agensi Kerajaan bagi kemudahan pembiayaan dan elaun sara hidup untuk pelajar-pelajar Palestin di Malaysia;
- 32.3. Kedutaan Besar Malaysia dan Unit Hal Ehwal Palestin (UHEP) di Amman, Jordan;
- 32.4. NGO tempatan di bawah Ops Ihsan dengan penumpuan awal kepada projek kesinambungan hidup;

- 32.5. Badan-Badan Bukan Kerajaan atau Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) di Jordan, Mesir dan Palestin; dan
- 32.6. Kementerian Awqaf dan Hal Ehwal Islam Jordan bagi penyelenggaraan tahunan Masjid Al-Aqsa.

33. Sumbangan dana ini dilihat memberi impak yang besar terutamanya dalam bantuan kelangsungan dan kelestarian hidup kepada rakyat Palestin tidak kira di mana keberadaan mereka. Sokongan berterusan ini termasuk projek pembangunan semula pasca konflik. Projek ini akan dijalankan secara kolektif dan usahasama oleh Badan-Badan Bukan Kerajaan Malaysia dengan beberapa rakan penaja setelah konflik ini reda.

Tuan Yang di-Pertua,

34. Selaras dengan dasar luar negeri kita di mana perjuangan Palestin merupakan salah satu teras utama, Malaysia sentiasa memberi sokongan padu kepada Kerajaan Palestin dan rakyatnya dalam apa jua keadaan. Sokongan tidak berbelah bahagi Malaysia amat jelas dapat dilihat meliputi semua aspek baik dari segi politik, ekonomi dan penyaluran bantuan kemanusiaan, kewangan, mahupun pembangunan kapasiti, termasuk pembangunan semula infrastruktur.

35. Kementerian akan terus menyampaikan pendirian lantang dan tegas negara di hadapan pemimpin-pemimpin dunia.

36. Dengan ini, Kementerian Luar Negeri ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas perhatian **Yang Berhormat Beluran** agar Kementerian ini terus memperjuangkan hak rakyat Palestin dalam membantu mencari penyelesaian terbaik terhadap konflik antara Palestin dan Israel.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ONN BIN ABU BAKAR
[BATU PAHAT]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramai penyewa Program Perumahan Rakyat (PPR) dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang gagal menjelaskan tunggakan sewa hingga tahun 2023. Apakah tindakan pihak DBKL dalam menangani masalah ini.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan penyewa Program Perumahan Rakyat (PPR) adalah 36,039. Daripada jumlah ini, seramai 18,867 (52%) penyewa masih gagal menjelaskan tunggakan sewa. Jika diperincikan lagi, daripada jumlah penyewa yang bertunggakan ini, seramai 2,965 (16%) penyewa tidak pernah membuat sebarang bayaran sewa sepanjang tahun 2023. Manakala bakinya, iaitu seramai 15,902 (84%) penyewa ada membuat bayaran sewa pada tahun 2023 tetapi masih mempunyai tunggakan yang perlu dijelaskan.

SOALAN NO : 62

2. Pelbagai usaha dan inisiatif telah dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan pengurusan tunggakan sewa dapat diurus dengan cekap dan berkesan. Antaranya merangkumi peringatan kepada penyewa akan tanggungjawab membayar sewa dan tunggakan, lawatan ke unit-unit bertunggakan bagi mendalami isu yang menyebabkan penyewa tidak menjelaskan sewa, sehinggalah kepada tindakan penguatkuasaan.

3. Terkini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang giat melaksanakan Operasi Memotong Bekalan Air terhadap unit-unit bertunggakan yang masih degil untuk menjelaskan tunggakan walaupun notis-notis peringatan telah dikeluarkan dan sesi bersemuka bagi rundingan penyelesaian tunggakan telah diadakan. Pemotongan bekalan air ini dilaksanakan berdasarkan Klausa 9 Perjanjian Penyewaan Rumah Pangsa DBKL, iaitu Tindakan Memotong Bekalan Air oleh Datuk Bandar.

4. DBKL juga mengadakan sesi bersemuka dengan penyewa di kawasan PPR yang bertunggakan tinggi pada setiap bulan sebelum Operasi Memotong Bekalan Air dilaksanakan. Sesi ini bertujuan memberi peluang kepada penyewa untuk rundingan kaedah penyelesaian tunggakan sewa sebelum tindakan memotong bekalan air dikenakan ke atas unit yang berkenaan. Selain itu, DBKL turut menubuhkan pasukan *Task Force* Tunggakan Sewa yang dianggotai oleh Persatuan Penduduk.

5. Bagi memudahcara pembayaran sewa, DBKL turut menyediakan medium atas talian kepada penyewa untuk membuat bayaran selain kaedah bayaran di kaunter.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN [TASEK GELUGOR] minta **MENTERI KOMUNIKAS** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk menyekat akses ke laman web pornografi dan perjudian *online*.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] memperuntukkan kesalahan bagi penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian, dan lain-lain bagi membuat, mewujudkan, meminta-minta dan memulakan penghantaran kandungan yang lucah, sumbang, palsu, mengancam dan jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang lain.

Peruntukan Seksyen 233 Akta 588 ini adalah terpakai dalam usaha Kerajaan untuk mengawal laman-laman pornografi dan lucah di Malaysia. Bagi tempoh dari 1 Januari 2023 sehingga 15 Februari 2024, Kementerian Komunikasi melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah melaksanakan tindakan sekatan ke atas 1,122 laman pornografi dan lucah. Tindakan ini akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa berpandukan kepada pemantauan dan aduan yang diterima.

Selain daripada laman pornografi, tindakan menangani penyebaran kandungan lucah atau pornografi di platform media sosial juga dipergiatkan dengan kerjasama platform media sosial seperti *Facebook, Instagram, WhatsApp, X, Tik Tok* dan lain-lain. Hasilnya, 709 kandungan lucah berjaya diturunkan di platform media sosial bagi tempoh dari 1 Januari 2023 sehingga 15 Februari 2024.

Berkenaan kegiatan perjudian dalam talian, ianya tertakluk di bawah bidang kuasa Polis DiRaja Malaysia (PDRM). MCMC memberi kerjasama dalam membantu membuat sekatan berdasarkan permohonan rasmi PDRM serta maklumat dan aduan yang diterima daripada masyarakat awam. Bagi tempoh dari 1 Januari 2023 sehingga 15 Februari 2024, sejumlah 1,674 laman sesawang judi dalam talian telah disekat berdasarkan permohonan rasmi pihak PDRM atas kesalahan di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 [Akta 289].

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI
[KUALA KRAU]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024

SOALAN

TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI [KUALA KRAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan komited dan serius dalam meminda Akta GSA 1960 bagi tanah-tanah FELDA agar pelaksanaan Skim Tanah Rakyat dapat diperbanyakkan lagi.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah 1956 (Akta 474) untuk pembangunan tanah dan penempatan semula (dibawah GSA-Group Settlement Areas - Akta 530). Tujuan penubuhan FELDA adalah untuk membasmi kemiskinan melalui pelaksanaan projek-projek pembangunan tanah dan aktiviti pertanian, perindustrian dan komersial sosial ekonomi.

Pada tahun 1990, FELDA tidak lagi membuat pengambilan peneroka baru setelah berjaya menempatkan seramai 112,635 orang peneroka di 317 buah rancangan di seluruh negara.

Buat masa ini objektif pindaan Akta GSA 1960 lebih terarah kepada usaha menyeragamkan semula sistem pengurusan FELDA khususnya dalam aspek pertukaran hak milik peneroka, disusuli dengan langkah mewujudkan beberapa peruntukan-peruntukan baharu yang mesra peneroka FELDA, setelah kesemua proses hak milik tanah rumah dan ladang mereka berjaya diselesaikan sepenuhnya.

Pada masa ini Akta GSA 1960 masih lagi digunapakai khususnya dalam menyelesaikan isu-isu peneroka yang ketika ini masih berdaftar di bawah Daftar Pemegang (*Register of Holdings*) di bawah Seksyen 7 Akta GSA 1960.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN
[KLANG]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan aduan mengenai "Lori Tipper" yang mengangkut barangan lebih berat daripada had beban yang ditetapkan menjadi isu yang berleluasa di sekitar Pelabuhan Klang. Minta pihak Kementerian nyatakan bilangan tangkapan kes sebegini pada tahun 2023 di kawasan Klang. Apakah mekanisme kawal selia untuk membendung masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah menguatkuasakan Akta 1987 (Akta 333), Akta Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (Akta 334) dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715) bagi kesalahan lebih muatan.
2. Berhubung perkara ini, bilangan tangkapan kes pada tahun 2023 melibatkan kesalahan lebih berat muatan adalah sebanyak 5,600 kes oleh JPJ Negeri Selangor.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MOT melalui JPJ memandang serius kesalahan lebih muatan ini dan usaha penguatkuasaan berterusan yang lebih tegas dilaksanakan dari semasa ke semasa. Di samping itu, JPJ juga mengadakan sesi libat urus bagi memohon kerjasama Persatuan Lori Tipper Dumper untuk memastikan muatan yang dibawa adalah mengikut had berat yang dibenarkan dan turut memberi peringatan kepada pengusaha-pengusaha lori bahawa kesalahan ini akan diambil tindakan yang lebih tegas termasuk tindakan kenderaan akan dilucut hak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN
MOHAMAD JAN [PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD JAN [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah dasar Kementerian berkaitan kilang-kilang haram yang dibina di kawasan pertanian dan perumahan sehingga perkara ini membahayakan nyawa penduduk sekitar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa melaksanakan aktiviti penguatkuasaan terhadap kilang haram yang dibina di kawasan pertanian dan perumahan. Sebagai contoh, sebanyak 320 operasi penguatkuasaan oleh PBT ke atas kilang haram telah dilaksanakan pada tahun 2022 sehingga 31 Disember 2023 di Pulau Pinang.

Selain itu, antara langkah-langkah lain yang akan dilaksanakan untuk mengatasi isu pembinaan kilang haram di kawasan pertanian dan perumahan adalah seperti berikut:

- i. memastikan pematuhan terhadap zon gunatanah dan aktiviti Rancangan Tempatan (RT) yang diwartakan;
- ii. melaksanakan tindakan penguatkuasaan di bawah Kanun Tanah Negara (KTN) 1965, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 serta akta-akta lain yang berkaitan dengan mengarahkan penutupan dan menghentikan operasi berdasarkan nasihat Jabatan Alam Sekitar (JAS); dan
- iii. melaksanakan program pemutihan melalui:
 - a) pemberian tempoh kepada kilang tersebut untuk berpindah ke lokasi yang lebih sesuai; dan
 - b) memastikan kilang tersebut melaksanakan langkah-langkah mitigasi bagi menghalang atau mengurangkan impak terhadap aktiviti gunatanah sekitar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN
[MERBOK]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN [MERBOK] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rancangan dan langkah Kementerian di dalam usaha menghentikan aktiviti pembuangan sampah haram yang berlaku di Hutan Simpan Paya Bakau Sungai Merbok serta pengurusan sampah di kawasan tidak bercukai seperti Kampung Segantang Garam, Kampung Bujang, Kampung Sungai Gelam dan sekitarnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak mempunyai kuasa untuk memantau dan melaksanakan penguatkuasaan sampah haram dalam kawasan hutan simpan. Ini kerana aktiviti pembuangan sampah sarap secara haram dalam kawasan hutan simpan kekal adalah termaktub di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] yang dikawal selia oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia melalui Jabatan Perhutanan Negeri.

Namun begitu, KPKT melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) sentiasa peka dalam melaksanakan pemantauan dari semasa ke semasa lokasi dan aktiviti pembuangan sampah secara haram. SWCorp telah menutup lokasi longgokan sampah haram di sekitar Merbok iaitu di kawasan Kampung Pengkalan Bujang pada 11 Januari 2023 di mana sampah yang dilonggokkan merupakan sampah domestik. Salah satu faktor wujud aktiviti pembuangan sampah secara haram seperti di Merbok ini adalah disebabkan ketiadaan tempat membuang sampah atau tong sampah berpusat di kawasan kampung kerana kawasan ini tidak bercukai termasuk Kampung Segantang Garam, Kampung Bujang, Kampung Sungai Gelam dan sekitarnya.

Dalam aspek pengurusan sisa pepejal di kawasan tidak bercukai seperti di Kampung Segantang Garam, Kampung Bujang, Kampung Sungai Gelam dan sekitarnya, penyediaan perkhidmatan kutipan sisa pepejal adalah tertakluk kepada persetujuan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sekiranya terdapat permohonan serahan kawasan baharu oleh PBT kepada SWCorp, perkara ini perlu dibentangkan untuk pertimbangan Kerajaan. Selepas serahan kawasan berserta sumbangan PBT dipersetujui, tong-tong sampah akan disediakan mengikut inventori yang ditetapkan. Bagi kawasan kampung atau luar bandar, cadangan penempatan tong adalah berdasarkan persetujuan atau cadangan PBT sebelum permohonan perkhidmatan dilakukan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
PERSIDANGAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI
(BERSARA) [TANJONG KARANG]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [Tanjong Karang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan strategi dan perancangan Kerajaan secara teratur dalam mempromosikan jualan termurah Madani ke seluruh negara berikutan permintaan ramai agar mengadakan program tersebut secara berkala dan lebih kerap lagi bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan prihatin akan kesan kos sara hidup ke atas rakyat, dan sentiasa menggalakkan semua pihak untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam usaha Kerajaan untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat melalui pelbagai inisiatif termasuk mengadakan program-program berbentuk jualan murah khususnya keperluan harian rakyat.

Sebagaimana Yang Berhormat Tanjung Karang sedia maklum, Jualan Termurah MADANI adalah salah satu program anjuran swasta /pertubuhan bukan kerajaan (NGO)/ Persendirian yang menawarkan jualan keperluan harian pengguna dengan harga lebih murah berbanding harga pasaran, yang bertujuan meringankan kos sara hidup golongan yang kurang berkemampuan.

Kerajaan sangat menyokong inisiatif yang telah dijalankan ini dalam masa yang sama menyeru agar lebih ramai pihak untuk terlibat menganjurkan program-program seumpama ini khususnya pihak swasta, pemain industri dan NGO bagi menyokong program-program anjuran kerajaan yang sedia ada termasuklah di bawah kelolaan KPDN.

Di peringkat KPDN, usaha ditumpukan untuk memperbanyakkan lagi pelaksanaan Program Jualan RAHMAH yang menawarkan barangan keperluan harian, sama ada makanan atau bukan makanan pada harga 10% hingga 30% lebih rendah berbanding harga pasaran setempat kepada golongan sasaran iaitu golongan miskin tegar, berpendapatan rendah dan sederhana.

Program Jualan RAHMAH yang mula dilaksanakan sejak Januari 2023 telah berjaya dilaksanakan sebanyak 6,826 kali melibatkan 222 buah kawasan parlimen seluruh negara sepanjang tahun 2023.

Dalam usaha memperbanyakkan dan meningkatkan capaian rakyat kepada Program Jualan Rahmah ini, bagi tahun 2024, KPDN akan melaksanakan beberapa penambahbaikan dalam penganjuran program

jualan ini. KPDN mensasarkan pelaksanaan PJR ini sekurang-kurangnya 2 kali sebulan bagi setiap 222 kawasan parlimen dan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua bulan bagi setiap DUN di seluruh negara pada tahun 2024. Di samping itu, pelaksanaan program Jualan Rahmah Bergerak akan ditingkatkan agar capaiannya lebih meluas dan sampai ke golongan sasaran.

Selain itu, KPDN juga telah memperkenalkan program jualan Ihsan Rahmah bagi menggalakkan penyertaan swasta menganjurkan program-program jualan murah di mana pemberian diskaun atas barangan semasa program tersebut ditanggung oleh pihak swasta sementara kos promosi adalah ditanggung oleh Kerajaan.

KPDN juga telah memperkenalkan Takwim Jualan RAHMAH 2024 yang boleh diakses melalui laman rasmi sesawang KPDN (<http://www.kpdn.gov.my/>). Di sini, rakyat akan berpeluang untuk mengetahui tarikh Program Jualan RAHMAH yang akan berlangsung berhampiran mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO. DR. ALIAS BIN RAZAK
[KUALA NERUS]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

YB DATO' DR. ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan Kerajaan untuk mewujudkan sistem sokongan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) luar bandar khususnya PBT di negeri-negeri miskin agar turut mendapat limpahan ekonomi seperti PBT di kawasan-kawasan bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) telah menyediakan Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 (DPFDN 2030) dalam usaha menangani isu dan cabaran pembangunan desa di Malaysia dari aspek ekonomi, fizikal, sosial dan alam sekitar sehingga tahun 2030.

Dalam konteks ini, DPFDN 2030 telah menggariskan langkah-langkah yang boleh dijadikan panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam merangka program-program bagi mempertingkatkan ekonomi di kawasan PBT. Selain itu, bagi meningkatkan taraf ekonomi komuniti desa, KPKT memberi penekanan terhadap akses kepada infrastruktur dan kemudahan awam di kawasan desa sebagaimana yang digariskan di bawah DPFDN 2030.

Bagi memastikan ia dapat dilaksanakan dengan berkesan, Sistem Ciri-Ciri Spatial Desa Malaysia (S-CHARMS) telah dibangunkan. S-CHARMS juga diintegrasikan dengan Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional (SPKPN) yang dibangunkan oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dan Kementerian Ekonomi. S-CHARMS merupakan sistem berasaskan web interaktif dan mesra pengguna yang mengandungi lokasi dan profil kampung di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sistem pemetaan interaktif ini digunakan untuk menganalisis keperluan kemudahan awam dan kemampunan kampung. Ia dapat membantu penduduk kampung serta agensi terlibat mengenal pasti potensi sumber jaya kawasan desa serta mengenal pasti aktiviti guna tanah yang boleh dibangunkan untuk meningkatkan sosioekonomi komuniti desa. Selain itu, sistem ini juga boleh digunakan untuk memantau pelaksanaan Dasar Desa Negara yang mengandungi strategi meningkatkan produktiviti komuniti desa melalui pelaksanaan langkah yang bersifat spatial dan bukan spatial.

SOALAN NO: 69

Justeru, dalam usaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi luar bandar, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Kementerian Ekonomi, Pihak Berkuasa Negeri dan PBT boleh merujuk kepada DPFND 2030 dan sistem S-CHARMS. Sistem sokongan ini membolehkan PBT khususnya di kawasan luar bandar turut mendapat limpahan ekonomi sebagaimana yang dinikmati oleh PBT di kawasan bandar. Perkara ini dijangka dapat mencapai hasrat kerajaan MADANI bagi mengurangkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) menyediakan peruntukan yang menyumbang kepada kesejahteraan hidup rakyat setempat melalui projek-projek infrastruktur, kemudahan awam, sosioekonomi dan keselamatan di kawasan pentadbiran PBT menggunakan peruntukan projek-projek kecil BP.1. Pelaksanaan projek-projek sedemikian berpotensi untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan aktiviti industri tempatan yang dapat menjana pendapatan tambahan kepada PBT. Sehubungan itu, mana-mana PBT boleh mengemukakan permohonan untuk mendapatkan peruntukan di bawah BP.1.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN
ABDUL KHALID [KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN ABDUL KHALID [KUALA KANGSAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha berterusan yang akan terus dilaksanakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan kedudukan Malaysia di tahap yang lebih baik bagi memastikan Malaysia mampu mencapai kedudukan ke-25 dalam pengukuran Indeks Persepsi Rasuah (CPI) menjelang 2033 berbanding tangga ke-57 bagi tahun 2023.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Ke-12 (KSP RMKe-12), Kerajaan MADANI telah meletakkan sasaran kedudukan ke-25 teratas bagi Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dalam tempoh 10 tahun.

2. Kerajaan MADANI kekal komited dalam melaksanakan usaha untuk memperbaiki kedudukan negara dalam CPI. Antara usaha-usaha berterusan yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah dengan meneruskan kesinambungan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dengan satu lagi strategi baharu di peringkat nasional yang dikenali sebagai Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (*National Anti-Corruption Strategies*, NACS) sepertimana yang dipersetujui pada 6 Julai 2023.

3. Walaupun CPI dinamakan sebagai Indeks Persepsi Rasuah atau Corruption Perception Index, namun didapati ruang lingkup skop yang dinilai melalui sembilan (9) survei yang menentukan markah penarafan sesebuah negara tidak hanya memfokuskan tentang tangkapan, pendakwaan dan sabitan rasuah semata-mata. Sembilan (9) survei tersebut turut merangkumi skop seperti demokrasi, komunikasi, ekonomi, perniagaan, pelaburan, penguatkuasaan, perkhidmatan awam dan perundangan. Oleh itu, CPI ini ialah satu indeks yang menilai tahap 'tatakelola' pentadbiran awam sesebuah negara.

4. Oleh yang demikian, peranan JKKMAR juga telah diperkasa dan kini dikenali sebagai Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JKKTN) untuk meneliti isu-isu kelemahan tatakelola termasuk melibatkan Badan Berkanun, subsidiari dan entiti yang mempunyai kepentingan Kerajaan melalui pelaksanaan Arahan YAB Perdana

Menteri No. 1 Tahun 2023: Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional yang diluncurkan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Januari 2024.

5. Antara perkara dasar yang telah diputuskan oleh JKKTN adalah berhubung pembaharuan institusi dan perundangan, iaitu penggubalan RUU Perolehan Kerajaan bagi memperkasa tatakelola dan meningkatkan kebertanggungjawaban pihak yang terlibat dalam perolehan Kerajaan serta pindaan terhadap Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Whistleblower Act 2010) [Akta 711]. JKKTN juga bersetuju secara prinsip terhadap penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) Kebebasan Maklumat dengan mewujudkan parameter serta garis panduan jelas bagi meningkatkan ketelusan dan keberkesanan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam.

6. Mesyuarat JKKTN juga telah bersetuju dengan Garis Panduan baharu menggantikan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1998 yang menggariskan beberapa pembaharuan berhubung pengukuhan tatakelola yang menekankan aspek pemantauan terhadap Badan Berkanun Persekutuan.

7. Selain itu, Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan sentiasa menjalankan fungsinya berdasarkan perenggan 7 (f) dan (g) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] iaitu mendidik orang ramai untuk menentang rasuah; dan mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah.

8. Pendidikan merupakan salah satu daripada tiga strategi SPRM. Fokus utama aktiviti pendidikan dan pencegahan rasuah oleh SPRM adalah menyampaikan dan menyebarkan maklumat antirasuah secara berterusan kepada setiap lapisan masyarakat merangkumi Sektor Kerajaan, Swasta, Sosiobudaya, Politik, Insituti Pendidikan dan orang awam melalui program dan aktiviti pencegahan dan pendidikan antirasuah. Program dan aktiviti ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan keyakinan masyarakat terhadap usaha pencegahan rasuah di Malaysia.

9. Sepanjang tahun 2023, sebanyak 1,660 ceramah disampaikan melibatkan 124,792 audiens dan 895 program berbentuk seminar, forum, bengkel serta diskusi meja bulat dan sebagainya dengan memberi penekanan terhadap 3 halatuju utama iaitu Perolehan, Penguatkuasaan dan Dana Awam.

10. SPRM juga memberi tumpuan kepada Kajian Mengenai Rasuah di Malaysia (MaCoS) yang telah dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Kajian ini akan mengukur tahap rasuah negara berasaskan pengalaman melalui pelaksanaan survei di lapangan dan penggunaan data pentadbiran.

11. Justeru, usaha-usaha pemantapan tatakelola ini akan diteruskan merentasi pelbagai sektor dan memerlukan kerjasama dari semua pihak untuk memastikan sasaran Kerajaan MADANI dalam meningkatkan CPI dapat dicapai sekaligus memberi kesan kepada daya saing serta ekonomi negara secara keseluruhan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
PERSIDANGAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH
[LANGKAWI]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH [LANGKAWI] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah usaha Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) dalam menangani kenaikan kos sara hidup, pemberian subsidi secara bersasar, ketirisan subsidi dan kenaikan harga barangan kerana Kerajaan memberi jaminan bahawa kumpulan yang paling terkesan dengan kos sara hidup akan menjadi penerima bantuan subsidi yang paling utama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri berfungsi sebagai majlis utama bagi membincangkan isu-isu dan cabaran kos sara hidup serta mengemukakan cadangan strategi kepada Kerajaan. Kerangka struktur NACCOL ini adalah terbahagi kepada empat (4) peringkat iaitu Majlis Tertinggi, Jawatankuasa Peringkat Eksekutif, Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan dan Jawatankuasa Kumpulan Kerja Kluster NACCOL. Ini bertujuan untuk memperkukuh dan menyelaras pelaksanaan strategi bagi menangani isu dan kenaikan kos sara hidup dengan lebih efektif melalui kerjasama strategik merentasi sektor awam dan swasta agar segala inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan secara holistik dan bersepadu serta mencapai impak yang lebih maksimum.

Menangani kos sara hidup secara tuntas dan menyeluruh merupakan satu usaha berterusan dan panjang. Kos sara hidup bukan hanya masalah ekonomi tetapi juga sosial. Pada masa yang sama, cabaran bersifat struktural pada dimensi lain turut mempengaruhi kos sara hidup. Sebagai contoh cabaran struktural seperti pendapatan di kalangan rakyat Malaysia yang masih rendah. Dalam hubungan ini, inisiatif yang dirangka oleh NACCOL akan menumpukan kepada strategi serampang dua mata iaitu menangani kenaikan harga barangan dan perkhidmatan serta meningkatkan pendapatan rakyat.

Tiga (3) cabaran NACCOL dalam usaha untuk menangani kos sara hidup adalah pemberian subsidi secara bersasar, ketirisan subsidi dan kenaikan harga barangan yang didorong oleh faktor luaran. Walau bagaimanapun, Kerajaan melalui Kementerian Ekonomi sedang membangunkan Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) yang bertujuan untuk membantu Kerajaan bagi mengoptimumkan penggunaan sumber yang terhad selain merapatkan jurang sosioekonomi dengan mengimbangi keperluan rakyat. Kerajaan memberi jaminan bahawa kumpulan yang paling terkesan dengan kos sara hidup akan menjadi penerima bantuan subsidi yang

paling utama.

Penyasaran semula subsidi terutamanya yang pada masa kini bersifat pukal perlu disegerakan bukan sahaja berobjektifkan untuk menyusun semula kedudukan kewangan Kerajaan semata-mata. Ia turut menjadi satu anjakan kepada satu kaedah yang lebih baik dalam pemberian bantuan yang lebih efektif dan efisien kepada kumpulan sasar yang telah ditetapkan.

Di samping kawalan harga dan barang kawalan, instrumen utama Kerajaan pada masa ini ialah pemberian subsidi, samada dalam bentuk pukal mahupun bantuan tunai. Antara strategi dan mekanisme yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah seperti pemberian subsidi pukal petroleum (RON95, diesel dan LPG), subsidi minyak masak sawit kemasan paket, subsidi telur ayam, rebat bil elektrik dan Inisiatif Payung Rahmah.

Selain itu, adalah menjadi komitmen berterusan Kerajaan dalam menangani kos sara hidup, Kementerian Kluster melalui Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) telah membentangkan inisiatif-inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan yang merangkumi inisiatif di bawah kluster makanan, pengangkutan, kesihatan, utiliti, pendidikan, perumahan dan pendapatan. Inisiatif-inisiatif yang telah saya sebutkan merupakan mekanisme yang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui Kementerian-Kementerian di bawah Kluster NACCOL.

Secara tuntasnya, saya yakin dengan wujudnya inisiatif-inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh setiap Kementerian secara pendekatan *whole of government* dengan kerjasama Kerajaan-Kerajaan Negeri mampu menangani isu kenaikan kos sara hidup rakyat sekali gus dapat mengekang kenaikan harga barangan di pasaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI]

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapa jumlah terkini persatuan belia yang berdaftar di bawah Pejabat Pendaftar Persatuan Belia dan apakah peranan – peranan utama persatuan ini dalam menggerakkan belia ke arah yang lebih berdaya saing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan data daripada Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia, sehingga Januari 2024 terdapat 9,280 pertubuhan belia berdaftar di seluruh negara.

Pertubuhan belia berperanan sebagai rakan strategik Kerajaan dan menjadi penggerak belia di peringkat akar umbi melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif pembangunan belia dengan matlamat untuk menyerlahkan potensi belia dari aspek kecerdasan intelektual, sahsiah, emosi dan fizikal sejajar dengan Dasar Belia Malaysia dan Model Pembangunan Belia Madani 2030.

Selain itu, Kementerian turut menjadikan pertubuhan belia di negara ini sebagai rakan strategik dalam pelaksanaan inisiatif Rakan Muda. Dalam hal ini, Kerajaan telah memperuntukkan dana RM5 juta sebagai bantuan pentadbiran Majlis Belia Malaysia. Pada masa yang sama Kementerian Belia dan Sukan dalam usaha melaksanakan program Rakan Muda secara inklusif telah memperuntukkan RM2 juta kepada Majlis Belia Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED
ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan seterusnya bagi mengatasi masalah struktur bangunan Masjid Jamek Al-Istiqlal, Taman Mewah yang semakin tidak selamat dengan kos pembaikan sebanyak RM480,000 diperlukan. Adakah mahu menunggu kemalangan jiwa barulah tindakan daripada Kerajaan diambil.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Hal ehwal agama Islam adalah di bawah bidang kuasa negeri seperti yang termaktub di dalam Jadual Kesembilan, Senarai II - Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, sebagai Kerajaan Persekutuan yang prihatin terhadap keperluan rakyat di peringkat akar umbi, Kerajaan Persekutuan tetap mempertimbangkan peruntukan bagi pembinaan masjid secara pembiayaan bersama. Kaedah pembiayaan bersama ini adalah dengan mengguna pakai nisbah 60:30:10 iaitu 60% daripada jumlah keseluruhan kos pembinaan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan, 30% dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan 10% dari hasil kutipan jawatankuasa/kariah masjid.

2. Pertimbangan bagi sebarang kelulusan adalah berdasarkan kepada permohonan yang diterima dan perlu melalui proses semakan yang meliputi keperluan sebenar projek, status tapak dan kebolehlaksanaan projek. Selain itu, setiap permohonan naik taraf atau bina baharu masjid/surau perlu mendapatkan pengesahan dan perakuan daripada Pihak Berkuasa Agama Negeri. Pertimbangan juga adalah tertakluk kepada keutamaan dan kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE
[BATANG SADONG]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE [BATANG SADONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan **apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan** untuk melindungi rakyat terutamanya warga emas daripada penipuan pelaburan tidak wujud dan jumlah kes penipuan yang melibatkan warga emas.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak dapat dinafikan bahawa perkhidmatan dalam talian telah mengubah kehidupan rakyat pada masa kini, membawa peluang baharu kepada orang ramai dan mewujudkan pelbagai peluang perniagaan. Namun, alam siber semakin menjadi lobok jenayah dan giat dieksploitasi secara mudah oleh pihak

yang tidak bertanggungjawab lantas menyebabkan peningkatan dalam kes jenayah siber secara drastik.

2. Menyedari cabaran peningkatan kes jenayah siber, antara lain cabaran disebabkan oleh kecerdasan buatan, dengan izin, *artificial intelligence* dan sikap tidak bertanggungjawab sesetengah pihak penyedia perkhidmatan yang lebih mementingkan keuntungan berbanding keselamatan awam, dengan izin, *profit vs public safety*, Kerajaan MADANI sedang giat mengatur pelbagai usaha secara strategik bagi memerangi isu ini secara efektif dan pada kadar segera.

3. Dalam hal ini, satu mesyuarat telah diadakan pada 20 Disember 2023 bersama dengan Pusat Respons Penipuan Kebangsaan (NSRC), Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC), Jabatan Peguam Negara (AGC), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bank Negara, Kementerian Kewangan (MOF) dan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM).

4. Berikutan itu, satu Jawatankuasa Kerja Cadangan Penggubalan Undang-Undang Baharu berkaitan dengan Kemudharatan Jenayah Dalam Talian yang dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), YB Tuan Ahmad Fahmi Bin Mohamed Fadzil dan YB Tuan Gobind Singh Deo telah dibentuk oleh Kerajaan MADANI. Mesyuarat Pertama Jawatankuasa berkenaan telah diadakan pada 5 Februari 2024 yang melibatkan enam belas agensi Kerajaan dan badan berkanun di Malaysia.

5. Berdasarkan mesyuarat dan sesi libat urus yang diadakan, didapati bahawa: -

- (a) perundangan yang sedia ada tidak seiring dengan perkembangan teknologi semasa yang pesat dan menyebabkan penipuan dalam alam maya semakin berleluasa sehingga platform yang ada tidak lagi selamat dan dicemari dengan pelbagai jenayah, termasuklah penipuan dalam talian (*online scam*); dan

(b) terdapat keperluan segera bagi pewujudan satu sistem “*kill switch*” melalui perundangan dalam memberhentikan aktiviti-aktiviti penipuan dalam mana-mana domain atau platform dalam talian di Malaysia secara serta-merta.

6. Dalam hal ini, Kerajaan MADANI kini sedang dalam proses merangka satu Akta baharu yang merangkumi peruntukan berhubung dengan tatacara dan penguatkuasaan “*kill switch*” untuk meningkatkan keselamatan digital, dengan izin, *digital safety*, secara terperinci dan jelas, selaras dengan keperluan semasa serta perkembangan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) dan kes jenayah siber yang semakin meningkat.

7. Selain itu, penelitian juga sedang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui agensi yang berkenaan terhadap beberapa peruntukan undang-undang lain seperti Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [*Akta 613*], Kanun Keseksaan [*Akta 574*] dan Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] bagi membolehkan pengembalian wang penipuan kepada mangsa-mangsa.

8. Kerajaan MADANI memandang serius isu jenayah dalam talian ini. Usaha ke arah menangani isu ini sudahpun dimulakan dan akan dipastikan supaya individu-individu tidak bertanggungjawab tidak lagi mempunyai sebarang ruang dan peluang untuk memperdaya rakyat melalui penipuan dalam talian lagi setelah undang-undang baharu bagi menangani isu ini dapat diluluskan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan dikuatkuasakan kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 27 FEB 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [BAGAN SERAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini urusan pemindahan semula aset Tabung Haji (TH) yang telah diserahkan kepada Syarikat Bertujuan Khas (SPV) sebelum ini.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan pada tahun 2018 terpaksa melaksanakan pelan pemulihan dan penstrukturan LTH kerana pada masa tersebut Tabung Haji (TH) berisiko menghadapi krisis kecairan yang boleh membawa implikasi terhadap kestabilan sistem kewangan negara.
2. Antara punca utama kepada krisis ini ialah terdapat jurang defisit antara aset dan liabiliti TH sebanyak kira-kira RM10 bilion (aset: RM65 bilion & liabiliti: RM75 bilion) di mana keadaan ini menyebabkan TH tidak berkeupayaan untuk mengagihkan hibah kepada pendeposit.

3. Oleh yang demikian, melalui pelan pemulihan tersebut, Kerajaan melalui UJSB telah diberi amanah untuk mengoptimumkan nilai realisasi aset melalui penambahbaikan nilai hartanah serta penzahiran nilai saham yang dimiliki TH sebelumnya. Aset TH yang telah diambil alih dengan nilai RM19.9 bilion walaupun nilaian semasa pada waktu tersebut sebenarnya adalah sebanyak RM9.7 bilion.

4. Memandangkan masih terdapat jurang yang besar di antara nilai perpindahan aset dengan nilai semasa, Kerajaan sedang meneliti penyelesaian terbaik yang akan memberi faedah kepada semua pihak.

5. Dalam urusan pemindahan semula aset yang berada dibawah Urusharta Jamaah Sdn Bhd kepada Tabung Haji, dua perkara ini perlu diambilkira iaitu:

- i. Memastikan kepentingan pihak pendeposit Tabung Haji terpelihara;
- ii. Memastikan kepentingan pihak Kerajaan juga terpelihara.

6. Merujuk kepada perkara ini, sebuah jawatankuasa khas dalaman Tabung Haji telah ditubuhkan dan telah memulakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan berkaitan pengambilan semula aset yang dipindahkan kepada Urusharta Jamaah, sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan.

7. Tabung Haji sedang dalam tindakan mendapatkan senarai aset yang dipindahkan dan masih dalam pegangan UJSB.

8. Perkara ini masih dalam peringkat awal yang perlu diteliti dengan lebih mendalam dan ia perlu melalui proses tadbir urus dan tatakelola sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK LARRY SOON @ LARRY
SNG WEI SHIEN [JULAU]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kaedah penstrukturan semula atau pengenalan skim baharu lain yang akan dicadangkan oleh Kerajaan setelah pengumuman pemansuhan pencen penjawat awam dihebahkan baru-baru ini.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Buat masa ini, skim pencen sedia ada bagi pegawai yang sedang berkhidmat dan pesara masih berterusan. Memandangkan implikasi kewangan yang semakin meningkat setiap tahun, Kerajaan mengambil keputusan untuk mengkaji sistem saraan baharu bagi mengoptimumkan pengambilan dan pengisian jawatan dalam perkhidmatan awam. Kajian ini tidak boleh ditangguh lagi memandangkan pada tahun 2023, jumlah perbelanjaan pencen adalah sebanyak RM32.01 bilion dan dijangka akan mencecah sebanyak RM46.36 bilion pada tahun 2030. Unjuran purata kenaikan jumlah bayaran pencen adalah hampir RM2 bilion setahun.
2. Sehubungan itu, bagi memastikan Kerajaan dapat menguruskan perbelanjaan kewangan negara dengan lebih mampan, kaedah baharu lantikan tetap sedang diteliti dan hasil kajian dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan kelulusan.
3. Dalam hal ini, keperluan pindaan kepada kesemua peruntukan undang-undang yang berkaitan bagi tujuan kaedah baharu lantikan tetap penjawat awam sedang diperhalusi sewajarnya.

Sekian, terima kasih.